


Jilid II
Bil. 12



Hari Rabu
23hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2053]

USUL:

Ucapan Takziah kepada Y.A.B. Toh Puan Lim Cheng Neow dan Keluarganya
atas Kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin [Ruangan 2119]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987):

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.22 dan B.59 [Ruangan 2139]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) [Ruangan 2149]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1987:

Jawatankuasa—

Maksud P.23, P.24 dan P.59 [Ruangan 2139]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, **DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN** (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN**, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

.. Menteri Buruh, **TUAN LEE KIM SAI**, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

Yang Berhormat TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

., DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

., DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

., TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 23hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

UDANG GALAH—TERNAKAN

1. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Y.B. Menteri sedar Industri Udang Galah mempunyai potensi yang tinggi untuk membawa hasil kepada negara kita dan apakah tindakan-tindakan positif yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengadakan industri tersebut; dan
- (b) sebab apakah Kerajaan mengenakan cukai eksport di atas Udang Galah yang lebih besar dari 6 inci. Apakah kesan baik di atas cukai tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi membantu mereka yang ingin menceburi diri dalam bidang

ternakan udang galah. Di antara lain, ia termasuk:

(i) *Latihan*

Kursus dua minggu dalam ternakan ikan air tawar termasuk udang galah dijalankan di Pusat Latihan Perikanan Darat, Kuala Kangsar. Kursus pembiakan udang galah selama 50 hari juga dijalankan bagi mereka yang berminat membuka pusat penetasan sendiri. Kursus tersebut dijalankan di Pusat Pengeluaran dan Penyelidikan Benih Udang Kebangsaan, Pulau Sayak, Kedah.

(ii) *Benih*

Jabatan Perikanan juga mengendalikan tiga pusat pengeluaran benih udang galah, iaitu di Pulau Sayak, Kedah, Kampung Acheh, Perak dan Sabak, Kelantan.

Walaupun demikian, potensi perkembangan industri ternakan udang galah adalah terhad kepada pasaran domestik dan Singapura sahaja.

Walau bagaimanapun adalah ditegaskan bahawa udang laut mempunyai potensi yang amat baik kerana terdapat bukan sahaja pasaran eksport juga. Oleh itu, walaupun penternak-penternak udang galah akan

diberi bantuan dalam bentuk khidmat sokongan, pembangunan udang laut akan dititikberatkan.

- (b) Cukai eksport bukan sahaja dikenakan ke atas udang galah lebih dari 6 inci tetapi barangan lain hasil perikanan juga dikenakan cukai eksport. Ini termasuk udang harimau (makanan dan benih), ikan-ikan akuarium, ikan-ikan makanan, kerang dan juga ketam. Cukai eksport yang dikutip sebanyak 5% adalah merupakan hasil kutipan Kerajaan yang mana serupa dengan cukai eksport dari lain-lain barangan tempatan yang dieksport. Walau bagaimanapun, peratus tersebut adalah minima dan Kementerian saya sedang mengkaji untuk membatalkan cukai ini bagi tujuan menggalakkan eksport udang.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang telah menjalankan kursus-kursus dan lain-lain tindakan untuk menggalakkan industri udang galah ini. Tetapi saya tidak begitu faham sebab apa kita tidak boleh memperluaskan eksport kita kepada luar negeri oleh kerana nampaknya udang daripada laut sahaja boleh dapat dieksport tetapi daripada air tawar tidak dapat dieksport. Saya ingin mendapat tahu sebab apa kita tidak mendapat pasaran ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita nampak pengeluaran udang galah berbanding dengan udang laut, ini boleh merupakan keperluan pasaran. Di tahun 1986 pengeluaran udang galah cuma 78 tan metrik berbanding dengan pengeluaran udang laut iaitu 22,000 tan. Ini adalah satu bandingan dan itulah sebabnya kita tidak eksport

udang galah kerana untuk kegunaan dalam negeri.

ARTIS TANAH AIR

2. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (i) adakah Kementerian bercadang memperkenalkan Rang Undang-undang bagi melindungi kepentingan artis-artis tanahair dari diperalat dan ditipu oleh pihak-pihak yang tertentu; dan
- (ii) kiranya bercadang bilakah ianya akan dilaksanakan dan apakah bentuk cadangan tersebut. Kiranya tidak apakah peranan Kementerian dalam usaha melindungi kedudukan artis tempatan (pelakon, penyanyi dan penari) dari diganggu gugat dan diperalat oleh golongan-golongan tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, apa yang selalu timbul dalam soalan ini ialah perkara artis-artis tidak menerima layanan dan bayaran yang sewajarnya dari pihak-pihak yang menggunakan tenaga mereka, khususnya oleh pihak-pihak yang bukan dari badan-badan Kerajaan. Masalah ini belum didapati berlaku secara berleluasa dan undang-undang yang sedia ada sudah cukup memberi perlindungan yang sewajarnya kepada mereka. Pihak artis perlulah membuat aduan kepada pihak polis jika ada di kalangan mereka yang ditipu atau diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu.

Masalah-masalah begini selalunya dapat diatasi melalui rundingan dan sehingga hari ini belum ada perkara-perkara yang sampai kepada pihak

Mahkamah untuk diselesaikan. Oleh itu, Kementerian Penerangan berpendapat bahawa soal penipuan artis-artis masih dalam keadaan terkawal.

Oleh yang demikian, buat masa ini Kementerian Penerangan belum mempunyai apa-apa pandangan untuk mengadakan apa-apa undang-undang bagi tujuan itu.

Bagi jawapan soalan kedua, artis yang bukan residen artis, aktiviti mereka adalah di luar daripada program RTM dan tidak tertakluk kepada peraturan-peraturan di Kementerian ini. Oleh itu ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini untuk melindungi mereka dari apa yang dikatakan diganggu dan diperalat oleh golongan tertentu.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah memandangkan bahawa perindustrian hiburan masih mundur di dalam negara kita, dan ini satu bidang yang dapat diperluaskan atau diperkembangkan dan memandangkan saya sendiri juga suka mendengar lagu-lagu yang dinyanyikan oleh Zaiton Sameon seperti lagu "Menaruh Harapan", "Racun dan Madu" dan sebagainya; namun begitu walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi cakap perkara ini telah terkawal tetapi untuk menganjurkan dan menggalakkan artis-artis tempatan untuk memainkan peranan yang lebih besar, adakah pihak Kerajaan boleh menimbang supaya undang-undang dan peraturan digubal supaya mengawal semua golongan yang terlibat dalam bidang hiburan ini seperti ejen-ejen ataupun syarikat-syarikat yang menerima kontrak dari RTM untuk menyiarkan rancangan hiburan dan sebagainya. Ini sahaja.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang setuju kalau hendak kita katakan

bahawa industri hiburan buat sekarang ini masih mundur. Sebenarnya tentang pertunjukan-pertunjukan yang dilaksanakan ataupun yang dilakukan oleh artis-artis hari ini di pertunjukan-pertunjukan pentas adalah tidak tertakluk kepada Kementerian Penerangan. Ini adalah bergantung kepada perjanjian pihak artis sendiri yang dibuat di antara pihak artis dengan pihak penganjur yang berkenaan. Jadi, buat sementara ini pihak Kementerian belumlah bercadang untuk menguasai golongan-golongan artis ini ataupun untuk hendak menentukan mereka dari segi program mereka dalam menjalankan pertunjukan pentas di luar daripada Angkasapuri ataupun di luar daripada Kementerian Penerangan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kalau sekiranya ada undang-undang terutamanya Undang-undang Hak Cipta yang dapat melindungi artis-artis daripada mereka diperalatkan. Cuma saya ingin tanya daripada Yang Berhormat terdapat cadangan daripada Gabungan Artis-artis dan juga banyak Ahli-ahli Parlimen di sini iaitu adakah jaminan supaya lagu mereka sentiasa dipopularkan. Maksud saya yang pertama dulu telah dicadangkan supaya tempat-tempat hiburan memainkan sekurang-kurangnya 50% ataupun 30% lagu-lagu tempatan dan dengan itu boleh dibuat bayaran tertentu berdasarkan tempat-tempat hiburan seperti hotel-hotel kepada penyanyi-penyanyi yang berkenaan.

Yang keduanya, jaminan daripada pihak RTM sendiri supaya lagu-lagu dimainkan sama rata di antara artis-artis—bukan dengan pilih kasih ataupun dalam bentuk yang selalu dihebohkan—"gam".

Tuan Yang di-Pertua: Yang No. 2 itu tidak bersangkutan dengan soalan. No. 1 sahaja jawab.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak timbul soal pilih kasih dalam menentukan lagu-lagu yang mendapat tempat siaran melalui TV ataupun radio di bawah Kementerian Penerangan ini. Kekekapan lagu-lagu yang berkenaan disiarkan adalah bergantung kepada lagu itu sendiri dan termasuk seni katanya; bukan bergantung kepada orangnya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi pihak Kementerian menyatakan bahawa pihaknya tidak bercadang untuk memperkenalkan rang undang-undang bagi melindungi artis-artis. Suka saya nyatakan bahawa kehadiran dan kemasukan artis-artis asing telah banyak mengganggu-gugat kedudukan artis-artis tempatan. Jadi, adakah pihak Kementerian akan mengkaji balik satu peraturan kalau pun tidak rang undang-undang bagi memastikan bahawa kemasukan artis-artis asing yang terutamanya membanjiri hotel-hotel besar dan ternama supaya tidak mengganggu-gugat kedudukan artis-artis tempatan.

Soalan yang kedua, apakah tujuan Kementerian Penerangan mendaftarkan artis-artis tanahair. Adakah tujuannya untuk melindungi kepentingan artis-artis ataupun untuk digam kalau sekiranya artis-artis itu membuat kesalahan. Ataupun adakah ianya bertujuan menggantikan secara tidak langsung rang undang-undang yang tidak diperkenalkan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang mula daripada sekarang ini pihak Kementerian membuat satu daftar tentang artis-artis yang mengambil bahagian di Kementerian Penerangan ini. Yang dimaksudkan dengan artis ini bukan hanya penyanyi dan penari sahaja; yang dikatakan artis ini ialah semua golongan ataupun pihak-pihak yang terlibat dalam

memberi tenaganya di RTM. Dan tujuan pendaftaran ini adalah bagi memastikan pentadbiran pihak Kementerian untuk menentukan program-program yang sesuai bagi artis-artis untuk mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan yang ditentukan oleh Kementerian.

Berhubung dengan kemasukan artis-artis asing ini, sebenarnya kemasukan artis-artis asing ini tidak mengganggu kewibawaan dan masa depan artis-artis tempatan dan pihak Kementerian Penerangan memberi jaminan dalam hal ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dalam Soal Jawab begini tidak boleh ada penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih.

MNLF (BARISAN PEMBEBASAN BANGSA MORO)

3. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Kerajaan bersetuju memberi sokongan kepada Kerajaan Filipina bagi menentang kemasukan MNLF (Badan Pembebasan Bangsa Moro) dari menyertai OIC sebagai anggota penuh. Atau menyokong MNLF menyertai OIC atas dasar "Persaudaraan Islam".

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, masalah MNLF ataupun Barisan Pembebasan Nasional Moro merupakan masalah Filipina dan harus diselesaikan oleh Kerajaan Filipina sendiri berdasarkan kepada Perjanjian Tripoli 1976.

Berhubung dengan perkara ini terpulanglah kepada Pertubuhan Negara-negara Islam ataupun, dengan izin, OIC untuk menentukan sama ada

ingin menyokong atau tidak permohonan MNLF ini. Malaysia akan bersama-sama dengan keputusan yang dicapai oleh OIC memandangkan kebijaksanaannya dan kemantapan pertubuhan tersebut mengendalikan isu yang serupa ini di masa-masa lampau.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berita yang terakhir kita dapat hari ini yang tidak rasmi, yang telah pun disiarkan melalui akhbar tempatan telah menyatakan bahawasanya pihak OIC tidak dapat menimbang permohonan MNLF ini oleh sebab MNLF bukanlah sebuah negeri yang boleh memasuki anggota OIC.

PELABURAN ASING DAN PELABURAN TEMPATAN

4. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar di samping kemasukan modal luar negeri yang meningkat, menanam modal dari sumber dalam negeri menurun; jikalau benar, banyak manakah pengaliran keluar modal dalam negeri ini dalam tahun 1987 dan ke manakah pergingnya; apakah tindakan Kerajaan untuk membaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1987 MIDA telah meluluskan sejumlah 228 permohonan pelaburan asing dengan cadangan ekuiti sebanyak \$750 juta dan 105 permohonan pelaburan tempatan dengan cadangan ekuiti sebanyak \$779 juta. Sebaliknya dalam tahun 1986 MIDA telah meluluskan sejumlah 270 permohonan pelaburan asing dengan cadangan ekuiti sebanyak \$524 juta dan 177 permohonan pelaburan tempatan dengan cadangan ekuiti sebanyak \$1,354. Berdasarkan kepada perangkaan ini maka sememangnya betul terdapat peningkatan jumlah permohonan

pelaburan ekuiti yang dirancang oleh pelabur asing dan penurunan pelaburan ekuiti oleh pihak pelabur tempatan dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986.

Sungguhpun demikian perlu ditekankan di sini bahawa sebahagian daripada modal tempatan mungkin digunakan untuk membeli saham berikutan daripada pemulihan pasaran saham Malaysia pada tempoh tiga suku pertama tahun 1987. Mungkin juga sebahagian daripada modal ini digunakan untuk meningkatkan lagi tabungan atau dilaburkan dalam pelaburan-pelaburan lain.

Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar modal pada tahun 1987 adalah pada tahap biasa sahaja. Dalam tempoh 10 bulan pertama iaitu tahun 1987, aliran keluar modal adalah lebih kecil iaitu sebanyak \$2,509 juta atau \$2.509 bilion berbanding dengan aliran masuk modal sebanyak \$4,940 juta atau \$4.940 bilion. Ini bererti terdapat aliran bersih modal ke dalam negara ini sebanyak \$2,431 atau \$2.431 bilion.

Memandangkan perkembangan ekonomi yang semakin memuaskan dan suasana pelaburan yang lebih baik hasil daripada dasar Kerajaan yang lebih agresif untuk menggalakkan pelaburan, adalah diyakinkan aliran pelaburan tempatan dan keluar modal di Malaysia tidak akan menjadi satu masalah yang perlu dibimbangkan di masa hadapan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan jawapan beliau tadi, bolehkah Yang Berhormat memberi tahu Dewan yang mulia ini dari jumlah permohonan pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA berapakah jumlah modalnya telah menanam di negara kita dan di bidang apa?

Yang kedua, berbanding dengan modal mengalir keluar dan modal

mengalir ke dalam negeri ini, adakah satu keadaan yang begitu wujud iaitu modal dalam negeri mengalir keluar negeri lalu mengalir balik lagi sebab negara kita mempunyai dasar-dasar yang lebih baik untuk menarik pelaburan luar daripada menanam modal semula dalam negeri oleh rakyat kita sendiri—adakah keadaan ini wujud? Kalau ya, adakah Kerajaan menjalankan satu penyiasatan dan apakah langkah yang diambil untuk mencegah keadaan ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, jumlah permohonan pelaburan asing yang telah diimplementasi, saya tidak ada angka-angkanya yang lanjut dengan saya pada ketika ini tetapi jika sekiranya Yang Berhormat ingin maklumat yang lanjut bolehlah saya memberinya melalui jawapan bertulis.

Untuk soalan yang kedua, kemungkinan ada. Kerajaan sentiasa mengesan modal-modal yang masuk daripada luar negeri. Seperti yang telah pun saya terangkan tadi nyata bahawa modal yang masuk adalah lebih daripada modal yang keluar. Oleh kerana itu, kita dapati surplus pada tahun 1987.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa aliran keluar modal ialah lebih kurang \$2,000 juta dan angka ini kata beliau agak kecil kalau dibandingkan dengan modal yang masuk ke dalam negara kita ini. Difahami bahawa salah satu sebab mengapa penanam modal dalam negeri kita ini agak tidak begitu berminat menanam modal di dalam negara dan keluar melabur di negara-negara lain kerana sistem cukai kita yang agak tinggi seperti corporate tax dan individual tax, dengan izin. Jadi, kalau itu salah satu sebabnya, adakah

Kerajaan walaupun kita tahu Kerajaan telah menghapuskan access tax baru-baru ini tetapi cukai kita masih tinggi lagi malah tertinggi sekali di dalam rantau ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan corporate tax untuk menarik lebih ramai lagi, menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan dalam negara kita ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat dari Batu Berendam ada terlalu banyak insentif-insentif yang diberi untuk menggalakkan penanaman modal daripada luar. Salah satu daripada insentif ialah untuk kita mereview ataupun seperti Yang Berhormat kata tadi melihat semula akan tax structure, dengan izin, corporate tax negara kita ini.

Pada perbelanjaan yang lepas, pada masa Belanjawan Negara telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Menteri Kewangan telah diumumkan bahawa access corporate tax sebanyak 3% telah pun diturunkan. Kemungkinan ianya akan diteruskan lagi bergantung kepada penyiasatan dan juga kajian yang akan diadakan dari satu masa ke satu masa. Walau bagaimanapun, saya ingin menurunkan beberapa insentif lain yang boleh membawa pelaburan daripada luar negeri. Salah satu daripadanya secara ringkas, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu:

- (1) Akta Penggalakkan Pelaburan 1986;
- (2) melonggarkan Akta Penyelarasan Perindustrian yang telah pun diumumkan;
- (3) melonggarkan syarat-syarat penyertaan ekuiti asing dalam industri-industri yang tidak bersaing dengan industri-industri tempatan;
- (4) mengadakan satu tabungan baru sebanyak \$1.7 bilion;

- (5) menghapuskan cukai keuntungan seperti yang diumumkan tadi sebanyak 3%;
- (6) meluas skop dan melanjutkan elaun susutan;
- (7) mempercepatkan elaun pelaburan semula yang mana kadarnya telah pun dinaikkan daripada 25% kepada 40%;

dan banyak lagi insentif-insentif lain yang tentu sekali membawa banyak daripada kesan. Salah satu daripada kesan kita dapat ialah pada tahun lepas pelaburan yang masuk adalah lebih daripada yang keluar.

PELANCONG DARI AMERIKA SYARIKAT—GALAKAN

5. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan untuk menyatakan:

- (a) cadangan peruntukan M.R. 12 juta untuk memperkenalkan Malaysia di Amerika Syarikat; dan
- (b) memberikan "Malaysia Airlines Float" kepada Kerajaan Amerika Syarikat yang telah memenangi hadiah antarabangsa di California awal tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amerika Syarikat adalah sumber kedatangan para pelancong yang terbesar di dunia. Memandangkan bilangan kedatangan para pelancong dari Amerika Syarikat ke Malaysia masih kecil iaitu di dalam lingkungan 40,000 pelancong, adalah dijangka bahawa bilangan tersebut boleh diperbesar sekiranya usaha-usaha penggalakan yang lebih giat dijalankan di pasaran tersebut. Dalam hubungan ini, pada awalnya Kementerian mencadangkan bahawa

peruntukan sebanyak \$12 juta disediakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penggalakan di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, satu kajian semula telah dijalankan bagi mengoptimalkan peruntukan-peruntukan penggalakan tahun ini untuk memasuki beberapa pasaran baru yang mempunyai potensi seperti Perancis, Asia Barat, Italy, Switzerland, India dan Korea.

Berdasarkan kajian tersebut, peruntukan penggalakan dibuat semula dan untuk aktiviti-aktiviti di Amerika Syarikat, peruntukan baru adalah seperti berikut:

Pengiklanan	\$6,000,000
Promosi	\$1,100,000
Perhubungan Awam dan Seranta	\$ 350,000
	<hr/>
Jumlah ..	\$7,450,000

- (b) Saya juga ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kereta lembu perhiasan Malaysia yang memenangi hadiah antarabangsa di Pesta Pasadena Tournament of Roses, Pasadena, California baru-baru ini adalah merupakan rangka kereta lembu yang dibuat dan dihias dengan bunga-bunga hidup yang berwarna-warni. Oleh yang demikian, ianya tidak boleh tahan lama dan apabila bunga-bunga berkenaan layu, ianya akan meninggalkan rangka kereta lembu sahaja. Oleh hal yang demikian, rangka kereta lembu ini tidak lagi menarik untuk diberikan kepada Kerajaan Amerika Syarikat atau kepada pihak-pihak lain.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada bentuk-bentuk kegiatan yang dijalankan sekarang melalui program promosi bagi menarik

pelancong daripada Amerika dan pasaran-pasaran baru, apakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sedar iaitu cara-cara yang demikian bukan tidak berkesan tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang melancarkan strategi menarik pelancong dengan lebih menitikberatkan kepada pendedahan apa yang ada di negara kita. Sebab apakah benar, saya ingin tahu program promosi selain kita menyertai perarakan seperti kereta lembu yang disebut tadi, pertunjukan-pertunjukan kebudayaan di hotel-hotel besar dengan membawa rombongan yang sudah tentu memakan belanja, tetapi kehadirannya ialah untuk mereka yang hadir pada waktu itu beberapa hari dan pulang ke tanahair. Saya berpendapat apakah Yang Berhormat setuju kalau saya mengatakan strategi pelancongan harus didedahkan kepada keindahan alam negara kita. Kita tidak mampu untuk bertanding dari segi membawa pelancong dalam konteks seperti apa yang ada di Bangkok, apa yang ada di Manila sebab kita bukan Bangkok dan Manila. Sebab itu soal asas ini harus diberikan utama dalam konsep menggalakkan pelancong untuk membawa ke negara kita.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar bahawa cara ataupun strategi untuk kita menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita bukanlah sekadar mengadakan rombongan-rombongan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, tetapi ianya adalah merupakan sebahagian ataupun satu daripada beberapa cara yang kita laksanakan bagi menarik pelancongan. Sebab itu dalam strategi kita yang baru, kita akan juga memberi tekanan kepada penggunaan media elektronik dan percetakan di luar negeri supaya ianya dapat meluaskan lagi pengetahuan pelancong-pelancong di luar negeri datang ke Malaysia ataupun

mereka lebih mengetahui tentang keadaan-keadaan di Malaysia.

Saya juga ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rombongan yang dijalankan oleh Kementerian bukanlah rombongan bersukaria sahaja, tetapi di dalam rombongan ini kita juga membawa agensi-agensi pelancongan, pihak-pihak penguasa hotel dan pihak-pihak swasta yang terlibat dengan pelancongan dan mereka akan ditemukan dengan agensi-agensi pelancongan di luar negeri secara langsung dan ini pada anggapan ataupun penelitian kita, ia memberi kesan secara langsung dari segi membawa pelancong-pelancong datang ke negara kita kerana mereka yang bertanggungjawab membawa pelancong ialah agensi-agensi pelancongan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada Pelan Induk Pelancongan telah digubal dan jika ya, bila ia akan dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua: Tak bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi jelaslah usaha-usaha untuk memperbanyakkan pelancongan di negeri kita begitu tinggi serta promosi-promosi yang dijalankan di luar negeri dan mungkin juga di dalam negeri. Soalan saya sejauh mana usaha promosi yang dijalankan itu diseimbangkan dengan persediaan-persediaan menerima pelancong-pelancong itu. Jangan umpamanya kita membuat promosi yang tinggi, tetapi persediaan tak ada. Saya mengambil contoh seperti promosi Pulau Langkawi, tetapi apabila ramai orang

datang ke Pulau Langkawi tidak ada kemudahan-kemudahan dan berbagai-bagai masalah timbul. Kita bimbang satu hari nanti ramai orang pelancong datang ke negara kita, kemudian pelancong itu balik semula ke negara mereka, mungkin mereka beritahu kepada rakan-rakan mereka dan menyarankan supaya mereka tidak perlu lagi datang ke Malaysia kerana kemudahan-kemudahannya tak ada.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tersebut agak berlainan daripada soalan asal, tetapi untuk jawapan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kementerian memang sedar bahawa masih lagi terdapat kekurangan-kekurangan kemudahan. Tetapi Kerajaan tidak boleh membiarkan bidang pelancongan ini berlalu begitu sahaja dan sudah tentu oleh kerana kita memberi keutamaan kepada pelancongan di dalam strategi kita yang baru ini, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sentiasa dirundingkan oleh pihak agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

SEKOLAH VOKASIONAL DAN SEKOLAH TEKNIK

6. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyak sekolah Vokasional dan Sekolah Teknik yang ada pada masa ini. Adakah Kerajaan telah puas hati di atas kemajuannya terutama dari segi sukatan mata pelajaran, jumlah sekolah, jumlah pelajar-pelajar serta guru-guru yang terlatih. Apakah rancangan Kerajaan pada masa ini di dalam bidang ini sejajar dengan keadaan pembangunan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat tahun 1988, jumlah sekolah menengah vokasional di

negara ini adalah 46 buah, iaitu 36 buah di Semenanjung Malaysia, 5 buah di Sabah dan 5 buah di Sarawak. Bilangan sekolah menengah teknik pula adalah 9 buah kesemuanya di Semenanjung.

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan sekolah-sekolah ini, terutamanya sekolah menengah vokasional. Pada tahun 1989, sebanyak 12 buah sekolah menengah vokasional baru akan beroperasi, iaitu 10 buah di Semenanjung Malaysia dan 2 buah di Sabah. 12 buah sekolah menengah vokasional lagi adalah dalam rancangan dan dijangka akan mula beroperasi pada tahun 1991. Menjelang tahun tersebut, bilangan sekolah menengah vokasional akan meningkat menjadi 70 buah. Pada tahun 1987, bilangan pelajar di sekolah-sekolah menengah vokasional ialah 14,642 orang, manakala pada tahun 1989, dijangka bilangan pelajar ini akan meningkat menjadi 23,408 orang dan pada tahun 1991, bilangan pelajar akan berjumlah 27,968 orang.

Dari segi sukatan pelajaran, Kementerian Pendidikan sentiasa mengubahsuainya untuk mengikut keperluan semasa dan Sistem Baru Pendidikan Vokasional termasuk sukatan pelajaran baru telah dilaksanakan pada tahun 1987.

Dari segi program perkembangan staff, Kementerian Pendidikan sentiasa menghantar guru-guru tersebut untuk mengikuti kursus—dalam—perkhidmatan di dalam dan juga di luar negeri supaya mereka dapat menerima latihan perindustrian dan didedahkan kepada teknik-teknik baru dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional.

Sejajar dengan perkembangan negara, Kementerian Pendidikan akan meneruskan rancangan perkembangan sistem pendidikan teknik dan vokasional serta meningkatkan

prestasi sistem tersebut pada keseluruhannya selaras dengan keperluan negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan. Soalan di sini adakah Kementerian berpuas-hati. Yang Berhormat dalam jawapan tadi menyebutkan Kerajaan sentiasa mengubahsuai tentang teknik-teknik baru, mengubah kepada teknik-teknik baru, jadi persoalan yang timbul di sini ialah mengapakah pelajar-pelajar keluaran daripada sekolah vokasional Kerajaan tidak mendapat tempat kalau dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah teknik swasta dalam pasaran buruh yang ada sekarang. Jadi, soalan ini berkaitan sama ada Kerajaan berpuashati ataupun tidak.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ini adalah dari Yang Berhormat dari Muar dan jawapan saya adalah memang sesuai memberi erti dan hasrat kepada soalan asal itu—maaflah, bukan dari Yang Berhormat dari Arau.

UNIT PENGUATKUASA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

7. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak boleh mengharapkan polis lalulintas sahaja untuk kerja-kerja menguatkuasa dan dakwaan. Terdapat ramai orang-orang asing yang mengendalikan perkhidmatan mini bas secara haram dan menyediakan perkhidmatan kepada murid-murid sekolah dan mengambil penumpang-penumpang pada masa-masa lain dan berhenti sesuka hati di merata tempat untuk mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang mereka, bilakah Kerajaan dapat memberi peruntukan untuk membentuk satu

unit penguatkuasa bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang pengangkutan jalan di Negeri Sabah dijalankan oleh pihak Polis. Keadaan ini wujud sebelum Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah dijadikan sebagai Jabatan Persekutuan pada 12hb April 1984. Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan telah merancang untuk menubuhkan satu unit penguatkuasaan di Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah dan ketika ini keperluan untuk kakitangan dan kewangan sedang dirundingkan dengan agensi-agensi pusat iaitu Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar apabila JPJ mengadakan unit penguatkuasa diri sendiri untuk memeriksa kenderaan-kenderaan di lebuh raya ataupun di jalan raya mereka kemudian memberi saman ataupun mendakwa tuanpunya-tuanpunya kenderaan itu dan apabila mereka menjalankan kerja ini mengapa pihak unit penguatkuasa JPJ tidak berhubung dengan pihak Polis sehingga motorist-motorist dalam satu hari ada kemungkinan dikena saman 2 kali, mula-mulanya oleh JPJ kemudian jumpa Polis kena lagi. Jadi, apakah tindakan diambil oleh Kementerian beliau supaya perkara ini dapat dielakkan di masa hadapan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa agaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak tanya berapa jauh jaraknya daripada sekatan jalan pihak Polis dan sekatan jalan JPJ

ataupun kedua-duanya di satu tempat sekali kerana hubungan atau penyelarasan di antara kedua Jabatan ini memang sepanjang masa dilaksanakan. Kalau dia dapat dua saman, mungkin dia membuat dua kesalahan, satu kesalahan dari pihak Polis dan satu kesalahan dari pihak JPJ kerana pihak Polis tidak boleh menyaman kesalahan berkaitan dengan undang-undang pengangkutan jalan dan pihak JPJ, tidak boleh menyaman atas kesalahan di bawah penguatkuasaan Polis.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menumpu jawapan kepada masalah JPJ Sabah, sedangkan soalan ini tidak ada menyebutkan langsung tentang Sabah. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya Yang Berhormat sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan kempen secara besar-besaran dan berpanjangan untuk menentukan supaya pemandu-pemandu bas-bas sekolah, mini bas dan juga teksi ataupun pengangkutan awam ini dapat mematuhi undang-undang jalan raya supaya dapat mengelakkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan lain?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kempen memang dijalankan, jaraknya kerap-kerap jugalah, rapat-rapat, kerana tiap-tiap perayaan kita mengadakan kempen iaitu 2 minggu sebelum perayaan sehinggalah 2 minggu selepas perayaan dan di samping itu dari satu masa ke satu masa kita juga membuat perjumpaan dan dialog-dialog dengan mereka yang berkenaan dan memberikan panduan-panduan, nasihat-nasihat dan sebagainya. Saya juga berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat dapat menolong bila berucap kepada pengundi-pengundi

tolonglah juga nasihat-nasihatkan mereka.

PINJAMAN PERUMAHAN/ KENDERAAN MENGIKUT HUKUM ISLAM

8. Tuan Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat bagi melaksanakan Pinjaman Perumahan dan kenderaan Kerajaan mengikut hukum-hukum Islam dan bilakah dijangka dapat dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, sebuah Jawatankuasa Pemandu telah ditubuhkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji dan membuat cadangan Skim Pinjaman Perumahan dan Kenderaan Kerajaan mengikut lunas-lunas Islam. Jawatankuasa ini telah pun menyiapkan laporannya dan laporan tersebut sedang dikaji dengan teliti oleh Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah ciri-ciri hukum-hukum Islam di dalam konteks pinjaman perumahan dan kenderaan Kerajaan. Sebab yang dikenakan sekarang, yang dinamakan interest (percent), ini berdosa atau tidak, kerana kalau kita berbuat di dalam bentuk hukum-hukum Islam kita kenakan juga dari segi bayaran pengurusan. Jadi, sedarkah Yang Berhormat Menteri bagaimana caranya akan dilakukan nanti, walaupun perkara ini sedang dikaji, tetapi sebagai Menteri yang mendalami dalam soal-soal hukum Islam, saya kira bolehlah diberi jawapan sekarang.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak

terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi kepercayaan yang begitu tinggi untuk saya memberi jawapan yang detail ataupun yang terperinci mengenai dengan konsep pinjaman perumahan dan kenderaan secara Islam. Cuma saya bimbang kalau-kalau yang itu tidak diminati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jawapan telah pun diberikan sebahagiannya oleh Yang Berhormat sendiri bila beliau menyatakan bahawa perkara ini tidak boleh diberitahu lagi, kerana masih dalam kajian, tetapi dia minta juga. Jadi saya pun serba-salah sekarang ini, hendak jawab ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu, Yang Berhormat. Benda itu akan dikemukakan kepada Dewan ini dan akan dibincangkan pada masa itu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya rasa biarlah kita berikan jawapan selepas daripada Kerajaan teliti.

AKTA HAKCIPTA—KUATKUASA

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejak Akta Hakcipta dikuatkuasakan, berapa banyak kes yang melanggar Akta ini telah dikesan oleh Kementerian berkenaan dan daripada jumlah ini berapa banyak yang telah dibawa ke mahkamah dan apakah jenis kesalahan itu;
- (b) oleh kerana Akta ini tujuan utamanya untuk memberi perlindungan yang kuat bagi tuanpunya hasil-hasil intelek, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk merumus perjanjian perlindungan hakcipta dua hala terutamanya dengan Amerika Syarikat dan Britain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semenjak Akta Hakcipta 1987 dikuatkuasakan mulai 1hb Disember, 1987 sebanyak 128 kes yang melanggar Akta ini telah dikesan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan daripada jumlah kes ini sebanyak 10 kes telah dibawa ke Mahkamah untuk menetapkan tarikh perbicaraan manakala bakinya iaitu sebanyak 118 kes masih dalam siasatan lanjut. Semua kes ini akan didakwa di Mahkamah apabila penyiasatan lanjut telah selesai.

Jenis kesalahan-kesalahan yang dikesan meliputi 78 kes yang melibatkan salinan langgaran karya filem dalam bentuk videogram, 48 kes yang melibatkan salinan langgaran rakaman bunyi dalam bentuk kaset dan 2 kes kerana menghalang pegawai-pegawai dari menjalankan tugas.

Jawapan bagi soalan (b), Kerajaan sedang berunding dengan pihak Amerika Syarikat mengenai perjanjian perlindungan hakcipta dua hala, manakala dengan Britain perkara ini masih lagi dalam kajian.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Akta Hakcipta adalah berfaedah kepada pihak artis-artis dan juga pencipta-pencipta tetapi pihak pengguna-pengguna (consumers) tidak mendapat faedah, sebab semua benda ini seperti rekod-rekod dan komputer-software telah dinaikkan harga beberapa ratus ringgit. Adakah Kerajaan boleh bincang dengan Amerika Syarikat dan lain-lain untuk merendahkan harga berkenaan rekod-rekod, peripherals komputer atau "software" oleh sebab negara kita ialah satu negara yang membangun (developing), tidak boleh dicompare dengan negara yang sudah developed

seperti Amerika Syarikat atau Eropah? Bolehkah buat demikian?

Tuan M. G. Pandithan: Terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat. Objektif Akta ini ialah untuk memberi perlindungan kepada karya-karya ataupun pencipta-pencipta.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang bayaran hakcipta, berapa banyakkah negara kita telah bayar untuk menggunakan ciptaan yang dicipta oleh pencipta negara asing seperti pita video yang diimport dari Hong Kong, India ataupun Indonesia? Berapa banyakkah negara kita membayar untuk menggunakan hakcipta ini?

Yang kedua, adakah perlindungan yang diberi kepada karya-karya ataupun artis-artis tempatan yang lebih berfaedah ataupun lebih beruntung daripada pembayaran ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor satu tidak bersangkut, sila jawab soalan kedua.

Tuan M. G. Pandithan: Untuk jawapan kepada soalan (b), Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor dua tadi.

Tuan M. G. Pandithan: Yang kedua, sepertimana yang saya katakan tadi objektif Akta ini adalah berfaedah bukan sahaja karyanya tetapi juga pengguna. (*Ketawa*)

GURU BAHASA CINA/TAMIL— KEKURANGAN

10. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah konkrit yang telah/sedang/akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan guru-guru Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah selepas

kedua-dua jenis bahasa ini diajar dalam jadual waktu formal sekolah di bawah KBSM mulai pada tahun 1988 ini. Berapakah bilangan jenis guru-guru berkenaan yang masih berkurangan sekarang.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mula dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah pada tahun 1988 ini bagi matapelajaran-matapelajaran bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Setakat ini, guru-guru bahasa yang ada sekarang dan yang telah mengikuti Kursus KBSM dapat menampung keperluan yang dikehendaki bagi mengajar matapelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa Kementerian Pendidikan berusaha untuk menambah bilangan guru-guru untuk dilatih dalam kedua-dua bahasa tersebut. Pengambilan untuk opsyen Pengajian Cina telah bertambah 4 kali ganda sejak tahun 1987 dan bagi opsyen Pengajian Tamil akan ditambah 2 kali ganda pada tahun 1989 dalam program pendidikan guru.

KWSP—CARUMAN PEKERJA

11. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah majikan yang didakwa kerana melanggar Akta KWSP kerana tidak membayar caruman KWSP pekerja mereka; apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua majikan mematuhi undang-undang KWSP itu serta menentukan para pekerja tidak mengalami apa-apa kerugian dari segi kewangan akibat kegagalan pihak KWSP untuk menguatkuasakan undang-undang secara berkesan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 1,572 majikan telah

didakwa dalam tahun 1987 kerana tidak membayar caruman KWSP bagi pekerja-pekerja mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegagalan dan kelewatan majikan mencarum kepada KWSP akan dapat dikesan oleh pihak KWSP dalam bulan pertama ianya berlaku. Apabila ianya dikesan, KWSP akan menghantar surat peringatan kepada majikan yang berkenaan. Sekiranya majikan-majikan yang berkenaan enggan menyerahkan caruman pekerja selepas peringatan dikeluarkan oleh Ibupejabat KWSP, mereka akan dikunjungi oleh Pemeriksa-pemeriksa KWSP, yang akan membuat taksiran tunggakan yang mesti dijelaskan oleh majikan dalam tempoh 14 hari sahaja. Sekiranya majikan yang berkenaan gagal menyerahkan caruman dalam tempoh masa yang tersebut, tindakan mahkamah akan diambil ke atas mereka di bawah Seksyen 16A (1C) Akta KWSP, 1951. Apabila disabit dengan kesalahan, majikan akan didenda tidak lebih daripada \$10,000 atau 12 bulan penjara atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peruntukan Seksyen 12 (2A) Akta KWSP, seseorang pencarum KWSP tidak akan mengalami sebarang kerugian oleh kerana semua potongan yang dibuat daripada gaji pekerja bersama-sama dengan dividen yang berkaitan akan dikreditkan kepada akaun pekerja apabila potongan gaji telah dapat disahkan oleh KWSP.

Puan Ling Chooi Sieng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang pengetahuan saya kegagalan majikan untuk membayar caruman KWSP biasanya diketahui oleh pihak Kerajaan setahun atau dua tahun kemudian. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa sekiranya Jabatan KWSP khasnya Jabatan KWSP tempatan berwaspada dan cekap untuk

menjalankan tugasnya, masalah tidak bayar caruman dapat dielakkan?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kerajaan mengambil berat berkenaan dengan kes-kes yang mana majikan tidak membayar caruman pekerja-pekerja mereka tetapi sepanjang pengetahuan saya, pihak KWSP telah mengambil tindakan yang secepat mungkin ke atas kes-kes ini dan sekiranya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah benar, haruslah diberitahu pihak KWSP atau kepada saya atau kepada Kementerian Kewangan dan pegawai-pegawai KWSP ataupun Pemeriksa-pemeriksa KWSP akan mengambil tindakan serta-merta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar beberapa tahun kebelakangan ini negara menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi, banyak syarikat-syarikat menghadapi masalah. Sebagai contoh, ada mereka yang menubuhkan syarikat dengan modal beberapa ribu sahaja mengharap projek, tender dan sebagainya tetapi tidak dapat, oleh kerana banyak pertandingan, maka wang pun habis, selepas itu wang KWSP (EPF) pun tidak boleh bayar. Jadi, apakah Kementerian tidak bercadang untuk berhati-hati dalam mengambil tindakan memberi nafas kepada mereka ini, ruang yang lebih supaya mereka dapat memulihkan kembali syarikat mereka. Sebab, kalau tidak, duit pun habis, jel pun masuk, ini bukan "Tradisi Membela Rakyat".

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada sedikit kekeliruan pada Kerajaan yang manakah rakyat negara kita ini ingin hendak, sama ada pihak KWSP mengambil berat atas kebajikan pekerja-pekerjakah atau syarikat-syarikat yang telah menghadapi masalah kewangan.

Saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin menegaskan di sini, bahawa adalah tanggungjawab sesebuah syarikat apabila menubuhkan supaya caruman KWSP pekerja-pekerja mereka adalah satu tugas yang tidak dapat dielakkan. Jadi masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dengan syarikat-syarikat yang telah bankrupt, dengan izin, haruslah Kerajaan memberi peluang yang lebih luas supaya mereka dapat membayar balik caruman mereka.

Di sini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa pihak Kerajaan pun bukan sewenang-wenangnya mengambil tindakan atas syarikat-syarikat yang berkenaan. Jikalau pihak-pihak yang tertentu menghadapi masalah, tetapi mereka mempunyai keikhlasan hendak membayar balik hutang mereka kepada KWSP, mereka boleh menghubungi KWSP supaya apa yang telah terhutang itu dapat dibayar secara ansuran. Itulah jawapan saya pada soalan tambahan itu. Terima kasih.

LADA HITAM—MENSTABILKAN HARGA

12. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menstabilkan harga lada hitam dan sama ada beliau bercadang supaya memberi lebih banyak lagi subsidi untuk membeli racun, baja dan tiang kepada pekebun-pekebun di Sarawak.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, harga-harga komoditi seperti lada hitam bergantung kepada keadaan penawaran dan permintaan di pasaran dunia.

Malaysia adalah salah sebuah ahli dalam International Pepper

Commodity, dengan izin, yang mana negara-negara anggota yang lain terdiri daripada Brazil, India dan Indonesia. Pertubuhan Lada Antarabangsa ini antara lain mencari penyelesaian dan membincang terhadap tindakan bersama ke arah penstabilan harga lada hitam melalui Skim Harga Eksport Minima yang mana sekarang ini adalah diparas US\$1.60 sepaund. Dengan adanya Skim Harga Eksport Minima adalah diharapkan bahawa harga eksport lada hitam tidak akan lebih rendah daripada paras harga eksport minima.

Mengenai cadangan untuk menyediakan lebih banyak subsidi kepada pekebun-pekebun bagi membeli input-input pertanian seperti racun, baja dan tiang, ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian tidak menyediakan subsidi kepada sektor pertanian kecuali untuk tanaman padi. Tetapi bagi Negeri Sarawak, Kementerian Pertanian ada menyediakan subsidi khas kepada lada hitam, memandangkan tanaman ini adalah tanaman yang mempunyai risiko yang tinggi. Oleh itu Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk menambah subsidi bagi memberi input-input pertanian. Ini adalah kerana setiap peserta Skim Lada Hitam telah disediakan 50% daripada input-input pertanian bagi tanaman di antara 0.1 hektar sehingga 0.2 hektar.

Memandangkan peruntukan di masa kemelesetan ekonomi adalah terhad, pihak Kerajaan berpendapat bahawa peratus kos input yang disediakan ketika ini adalah mencukupi. Tambahan pula dalam usaha untuk menggalak para peserta skim daripada terlalu bergantung kepada subsidi, para peserta diharap dapat membiayai sendiri baki 50% daripada keperluan input-input atau memperolehinya dari institusi kewangan seperti Bank Pertanian Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, harga tempatan lada hitam di Sarawak yang mana 75% daripadanya dieksport adalah \$9,044 setan metrik, pada tahun 1987, berbanding dengan \$8,641 setan metrik pada tahun 1966, iaitu kenaikan sebanyak 4.7%. Dalam pada itu harga F.O.B, dengan izin, pada tahun 1986 adalah \$10,733 setan metrik. Dengan pemulihan harga lada hitam kebelakangan ini, maka petani-petani sebenarnya mempunyai pendapatan yang mencukupi dan tidak memerlukan pertambahan subsidi kepada input yang telah pun diberi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).

LAWATAN PERDANA MENTERI KE THAILAND/BURMA

13. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia ke Thailand dan Burma dalam Februari 1988 dari segi:

- (a) kerjasama sempadan di antara Malaysia dan Thailand serta usaha-usaha membasmi saki baki penganas Parti Komunis Malaya yang bersembunyi di Selatan Thailand; dan
- (b) perhubungan perdagangan antara Malaysia dengan Thailand dan Malaysia dengan Burma.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ke Thailand merupakan lanjutan lawatan kerja yang sering diadakan antara Ketua-ketua Kerajaan ASEAN untuk bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan dua hala

dan perkembangan serantau, sementara lawatan ke Burma pula merupakan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat yang pertama ke negara tersebut dan untuk membalas lawatan Perdana Menteri Burma ke Malaysia tahun lepas.

- (a) Seperti di lawatan-lawatan yang lepas, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Thailand telah mengambil kesempatan dalam perjumpaan mereka membincangkan kerjasama sempadan di antara kedua-dua buah negara. Kedua-dua Perdana Menteri bersetuju supaya kerjasama sempadan dalam konteks ekonomi perlulah dipertingkatkan lagi untuk meninggikan transaksi komersial dan perjalanan. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk memperkemaskan lagi peraturan-peraturan yang sedia ada untuk menggalakkan pelancongan serta kemudahan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

Dalam konteks kerjasama sempadan berkaitan dengan keselamatan, ianya berjalan dengan lancar dan berkesan dan telah memperlihatkan hasil dengan penyerahan diri anggota-anggota Parti Komunis Malaya kepada Kerajaan Thailand. Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, Malaysia telah mengulangi penghargaan kepada pihak Kerajaan Thailand kerana telah menerima anggota-anggota Parti Komunis Malaya untuk menetap dan menjadi ahli masyarakat di sana.

- (b) Memanglah menjadi hasrat Kerajaan meningkatkan lagi hubungan ekonomi dengan Thailand dan Burma.

Di antara hasil lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Thailand pada baru-baru ini adalah:

- (i) Thailand telah bersetuju untuk mengimport 5000 metrik ton minyak kelapa sawit dari negara kita.
- (ii) Kedua-dua buah negara bersetuju meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang pelancongan. Dalam konteks ini, kedua-dua pihak bersetuju tidak menghalang dengan cadangan dari tidak penerbangan - masing-masing mengadakan operasi di antara Phuket dan Langkawi dan juga operasi yang sedia ada di antara Bangkok dan Kuala Lumpur.

Kedua-dua buah negara juga telah bersetuju bawah salah satu program dalam bidang kerjasama pelancongan Malaysia/Thailand yang boleh dikaji ialah "package tours", umpamanya, Eropah-Thailand-Malaysia atau Eropah-Malaysia-Thailand, Japan-Thailand-Malaysia atau Japan-Malaysia-Thailand.

Kedua-dua pihak juga telah bersetuju mengkaji cadangan mengadakan perkhidmatan keretapi Ekspres merah dari Cheingmai, Thailand melalui Malaysia ke Singapura.

- (iii) Di dalam bidang industri automotif, kedua-dua Kerajaan telah melahirkan rasa puashati terhadap kerjasama yang telah

wujud dalam usaha pertukaran penghasilan barang-barang komponen kereta di antara pihak-pihak swasta dari negara masing-masing.

Jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Burma adalah rendah dan tahap perdagangan duahala ini telah merosot pada tahun 1986; jumlahnya bernilai M\$47.6 juta sahaja yang daripadanya, Malaysia telah mengimport sejumlah M\$25.9 juta. Walau bagaimanapun, dengan adanya usaha-usaha dan galakan daripada Kerajaan, jumlah perdagangan telah mula meningkat bagi tahun 1987 dan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Burma pada bulan Februari 1988 telah merangsangkan aktiviti dagangan dan ekonomi dan telah dapat mengenal pasti bidang-bidang kerjasama khusus yang boleh dipertingkatkan lagi.

Malaysia telah mengimport beras dari Burma sejak dahulu lagi dan amalan ini dijangka akan diteruskan pada masa akan datang. Burma pun telah terus mengimport barang dagangan biasa seperti minyak kelapa sawit, tin, bahan bungkus dan berbagai barangan pembuatan dari Malaysia. Yang lebih positif lagi ialah kejayaan beberapa syarikat Malaysia yang telah mencapai peluang ekonomi dan memenangi tender bagi projek-projek di Burma.

Satu lagi perkembangan positif hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Burma ialah persetujuan secara dasar untuk memulakan perkhidmatan penerbangan terus di antara Rangoon dan Pulau Pinang. Perkhidmatan ini ternyata akan merapatkan perhubungan di antara rakyat kedua buah negara dan membuka peluang yang lebih luas untuk meningkat perdagangan duahala. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa suatu perkembangan kepada perhubungan duahala dan insentif-insentif yang lebih gigih untuk perhubungan perdagangan.

Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya pihak swasta dapat mengambil tindakan susulan yang lebih agresif lagi dalam menerokai peluang-peluang yang terdapat di kedua-dua buah negara.

MASJID KEM PERLINDUNGAN KAMUNTING

14. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa masjid di Kem Perlindungan Kamunting ditutup. Adakah Menteri berkenaan sedar dengan tindakan itu tahanan yang terdiri dari orang Islam tidak dapat menunaikan Fardhu Jumaat, adakah Menteri berkenaan telah mendapat fatwa bahawa tahanan itu dikecualikan dari fardhu Jumaat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pejabat Agama Islam Negeri Perak tidak menutup masjid di Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping tetapi telah menukarkan tarafnya sebagai surau. Mufti Negeri Perak telah memberikan pandangan bahawa dari sudut hukum Islam orang tahanan yang beragama Islam tidak dianggap sebagai permastautin dan dengan sendirinya gugurlah kewajipan

berjumaatnya di tempat atau di kariah mereka ditahan.

SIMPANAN PENDEPOSIT TABUNG HAJI

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan punca modal yang diperolehi oleh LUTH selain daripada simpanan bakal-bakal haji. Adakah pihak Kerajaan masih memberikan subsidi kepada LUTH bagi menjayakan projek-projek pelaburannya. Sila nyatakan jumlah purata simpanan dan pulangan yang berkenaan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tabung Haji tidak mempunyai punca modal selain dari simpanan pendeposit-pendeposit.

Bagi menjayakan projek-projek pelaburannya, Tabung Haji tidak ada menerima apa-apa subsidi daripada Kerajaan. Kerajaan hanya memberi peruntukan tahunan kepada Tabung Haji untuk membiayai operasi Hajinya sahaja.

Mengenai soalan "jumlah purata simpanan dan pulangan yang berkenaan", ianya adalah seperti berikut:

(a) Purata Simpanan

Jumlah pendeposit (pada 31-1-1988)	1,128,452 orang
Jumlah purata simpanan	\$553.00 seorang

(b) Pulangan Simpanan

Tahun	Kadar Bonus*	Jumlah Bonus
1985.. ..	8%	\$27.14 juta
1986.. ..	7%	\$27.66 juta
1987.. ..	7½%	\$36.36 juta

(*Kadar bonus ini tidak termasuk Zakat Perniagaan yang dibayar oleh Tabung Haji bagi pihak pendeposit-pendeposit pada kadar 2½%).

PENYAKIT TAUN DI KOTA BELUD

16. **Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa pada baru-baru ini telah dilaporkan tentang kejadian kes-kes penyakit taun (Cholera) di negeri Sabah yang dikatakan mula dikesan di Kampong Bugaron, Kota Belud dan merebak pada 13 buah kampung yang lain dalam daerah yang sama. Salah satu sebab mengapa kampung-kampung tersebut begitu terdedah kepada bahaya penyakit taun ialah akibat ketiadaan bekalan air yang sempurna. Oleh yang demikian adakah Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan untuk membuat penyiasatan, perincian ke atas kampung-kampung berkenaan dan seterusnya memberikan keutamaan dalam pemberian peruntukan bagi pembinaan bekalan air bagi kampung-kampung yang terlibat itu dalam kadar seberapa segera yang terdaya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Kementerian Kesihatan telah pun membuat penyiasatan ke atas kampung-kampung yang terlibat dengan wabak taun di Daerah Kota Belud, Sabah. Adalah di dapati bahawa 83% daripada mereka mempunyai bekalan air yang bersih dan selamat yang dibekalkan oleh Jabatan Kerjaraya, serta Kementerian Kesihatan. Di kampung-kampung yang tidak mempunyai bekalan air yang bersih, penduduknya terpaksa menggunakan air dari sungai atau perigi yang tidak terkawal dan dari kampung-kampung inilah merebaknya penyakit taun di Daerah Kota Belud.

Kementerian Kesihatan sentiasa berhubung dengan agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dengan pembekalan air supaya memberi keutamaan projek-projek bekalan air mereka kepada tempat-tempat yang belum lagi menerima bekalan air dan dilanda oleh

wabak taun. Di samping itu, Kementerian Kesihatan sedang juga membantu membekal air yang bersih dan selamat ke kawasan-kawasan di mana JKR tidak mempunyai rancangan untuk membekalkannya dalam jangkamasa lima tahun. Adalah diharapkan bahawa beberapa projek ini akan dilaksanakan di daerah Kota Belud.

LATIHAN ANGKATAN NELAYAN LAUT DALAM

17. **Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Pertanian menyatakan sudah berapa kali pengambilan Angkatan Nelayan Laut Dalam untuk dilatih. Berapakah bilangan tiap-tiap kali pengambilan. Berapa ramai yang telah tamat dilatih dan berapa ramai dari yang telah tamat latihan sedang bekerja dengan bot laut dalam.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Latihan Angkatan Nelayan Laut Dalam telah bermula pada 19hb November, 1987, bagi kumpulan pertama. Semua latihan adalah dijalankan di Institut Perikanan Malaysia, Batu Maung, Pulau Pinang selama tempoh kira-kira 2 bulan tiap-tiap satu kumpulan, serta melibatkan latihan-latihan teori dan juga amali.

Tiap-tiap kumpulan pula akan mengandungi 100 orang peserta dan bagi tahun 1988 seramai 6 kumpulan akan diambil dengan melibatkan 600 orang pelatih.

Setakat ini seramai 86 orang daripada Kumpulan Pertama telah pun tamat latihan mereka dan sebilangan besar mereka telah pun bekerja di atas beberapa bot tempatan yang menjalankan tangkapan di laut dalam.

Sehubungan dengan ini, walaupun Jabatan hanya memberikan kemudahan latihan tetapi suatu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan

bagi mengesan kemajuan pelatih-pelatih selepas mereka tamat latihan tersebut. Ini bererti juga, yang pihak Jabatan akan turut membantu di dalam mencari peluang pekerjaan di atas bot-bot tempatan yang menerokai laut dalam.

KASINO GENTING HIGHLANDS

18. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan Kementeriannya akan mengambil untuk memastikan pejudi-pejudi di Kasino Genting akan mempunyai harapan marginal apabila mereka berjudi di Kasino tempatan kerana terlalu banyak aduan dibuat oleh penjudi-pejudi seperti bahawa kasino tersebut menggunakan lapan dek daun terup untuk permainan "Black Jack" yang merupakan bilangan daun terup yang paling terbanyak sekali yang digunakan di seluruh dunia dan kerap kali daun-daun terup dan kakitangan ditukar ataupun "meja" tersebut ditutup sama sekali apabila pihak kasino kalah. Apakah Kementeriannya, bercadang menggubal undang-undang untuk memastikan keadilan dilakukan terhadap kasino dan para penjudi seperti dipraktikkan di Australia.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan lapan dek daun terup bagi permainan "Black Jack" di Kasino Genting Highlands adalah dibenarkan mengikut peraturan permainan "Black Jack" dan peraturan tersebut adalah selaras dengan peraturan yang dipakai di peringkat antarabangsa. Penggunaan lapan dek daun terup bagi permainan "Black Jack" adalah juga digunakan di kebanyakan kasino antarabangsa seperti di Adelaide, Perth, Macau dan Las Vegas.

Meja-meja permainan hanya akan ditutup apabila tidak ramai penjudi-pejudi bermain di sesuatu meja atau apabila meja-meja tersebut telah

terlalu lama digunakan. Walau bagaimanapun meja-meja permainan akan ditutup dengan memberi notis sekurang-kurangnya satu jam sebelum ditutup. Di dalam masa satu jam tersebut, adalah dianggarkan bahawa tiga atau empat "shoe" boleh dimainkan.

Pertukaran kakitangan atau "croupier" adalah mengikut giliran. Seseorang "croupier" dikehendaki bertugas di sesuatu meja permainan untuk tempoh 20 minit sebelum mereka beralih ke meja permainan yang lain ataupun untuk berehat. Pertukaran "croupier" tidak akan mengubah "sequence" permainan "Black Jack" oleh kerana daun-daun terup telah disusun lebih awal dan disimpan di dalam kotak. Oleh itu aduan pejudi-pejudi yang mengatakan bahawa meja permainan ditutup dan "croupier" ditukar apabila pihak kasino kalah adalah tidak benar.

Kementerian Kewangan tidak bercadang buat masa ini untuk menggubal undang-undang baru mengenai kasino kerana undang-undang yang ada sekarang adalah didapati mencukupi.

Walaupun bagaimanapun Kementerian Kewangan ada menubuhkan unit khas bagi mengawasi perjalanan aktiviti di kasino tersebut bagi memastikan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BALUNG, SABAH

19. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penuntut-penuntut yang telah menamatkan sekolah rendah mereka di kawasan Balung, mengalami kesulitan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Sekolah Menengah Kebangsaan yang terletak di Kinabalu

di kawasan Sri Tanjung, Tawau, disebabkan masalah perhubungan dan kawasan. Jika sedar, bilakah Kementerian bercadang memulakan kerja-kerja pembinaan sekolah. Sekolah Menengah Kebangsaan di Batu 24, Balung, yang diketahui peruntukan bagi projek tersebut telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, untuk menampung penuntut-penuntut di kawasan itu.

Tuan Woo See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar akan kesulitan yang dialami oleh murid-murid sekolah rendah di kawasan Balung. Dengan itu, pembinaan projek baru 20 bilik darjah dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan di Batu 24, Balung akan dimulakan pada tahun ini. Buat masa ini projek tersebut sedang menunggu keputusan Lembaga Tender di Negeri Sabah.

VISA LAWATAN SOSIAL

20. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak berkuasa Imigresen Malaysia di Brunei memerlukan sekurang-kurangnya 3 bulan untuk meluluskan permohonan bagi Visa Lawatan Sosial oleh penduduk negara Brunei yang memegang Sijil Pengenalan Antarabangsa dan telah berkahwin dengan warganegara Malaysia. Jika ia mengapakah satu jangkamasa yang begitu lama diperlukan bagi memproses permohonan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah tidak benar Jabatan Imigresen Malaysia mengambil masa tiga (3) bulan untuk memproses permohonan Visa Lawatan Sosial bagi warganegara Brunei yang memegang Sijil Pengenalan Antarabangsa dan isteri kepada warganegara Malaysia.

Bagi mereka yang bertujuan untuk Lawatan Sosial atau berniaga bagi tempoh tidak melebihi (1) bulan pengeluaran Visa Tanpa Rujukan akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon oleh Jabatan Imigresen Malaysia dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

Bagi mereka yang datang untuk tujuan sosial melebihi satu (1) bulan visa dengan rujukan akan diproses dan diluluskan dalam masa tidak lebih satu (1) bulan.

ROMPAKAN BANK

21. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rompakan bank yang berlaku di seluruh negara menjelang Tahun Baru Cina baru-baru ini, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis agar perkara seperti ini tidak berlaku dan jumlah wang yang dirompak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan kes-kes rompakan bank menjelang perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini ialah 4 kes iaitu 1 di Kuala Lumpur, 1 di Selangor, 1 di Perak, 1 di Negeri Sembilan dan ini mengakibatkan jumlah kerugian dianggarkan sebanyak \$538,034.61.

Pihak Polis mengambil berbagai-bagai langkah dalam usaha mengatasi masalah ini seperti:

- (i) merancang dan menjalankan operasi Mencegah Jenayah dari masa ke semasa dan memperhebatkan operasi-operasi ini pada masa-masa menjelang sesuatu perayaan;
- (ii) mengadakan Mobile Unit Khas untuk rondaan dan pemeriksaan mengejut ke atas bank-bank dan juga tempat

yang mungkin menjadi sasaran;

- (iii) mengadakan sekatan jalan (road block) di tempat-tempat yang strategik untuk memeriksa orang-orang dan kenderaan yang dicurigai;
- (iv) menasihatkan bank-bank tentang mustahaknya sistem kecemasan serta kamera litar mereka berada dalam keadaan yang baik.

ASEAN—PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN DI MANILA

22. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menjelaskan apakah masalah pokok dan asas yang telah dapat diatasi dalam persidangan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Manila mulai 15hb-27hb Disember yang lalu. Apakah langkah susulan yang telah diambil mengenainya.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Persidangan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Yang Ketiga yang telah diadakan di Manila pada 14-15 Disember 1987 bukanlah diadakan untuk mengatasi apa-apa masalah pokok atau masalah besar yang rumit yang dihadapi oleh ASEAN. Malah persidangan berkenaan adalah merupakan satu Sidang Kemuncak di antara Ketua-ketua Kerajaan ASEAN untuk menilai tahap pencapaian kerjasama di antara negara-negara anggota ASEAN di dalam semua bidang dan untuk mengenalpasti cara-cara bagaimana ASEAN dapat berusaha meningkatkan lagi persefahaman dan menjalinkan satu rangkaian kerjasama yang lebih mantap dan berkesan.

Ketua-ketua Kerajaan ASEAN pada keseluruhannya telah berpuas

hati di atas kemampuan ASEAN untuk mengembeling tenaga dan sumber-sumber yang ada untuk kemajuan serantau dalam masa satu dekad yang lepas setelah Persidangan ASEAN yang Kedua di Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama, memandangkan kepada perubahan-perubahan politik dan ekonomi dunia yang semakin mencabar, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di mesyuarat mereka di Manila telah mengambil beberapa ketetapan dan menggubal satu pendekatan dan strategi untuk memantapkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN.

Strategi atau pendekatan yang telah digubal ini merupakan satu "Program Bertindak" yang merangkumi semua lapangan kerjasama di bidang politik, ekonomi dan pembangunan sosial. Dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial, ASEAN berkeyakinan bahawa kerjasama yang lebih kukuh akan dapat memajukan rantau ini untuk kepentingan rakyat di dalam jangka waktu panjang.

Langkah-langkah susulan untuk melaksanakan ketetapan yang dibuat oleh Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Manila telah mula diambil oleh tiap-tiap Jawatankuasa ASEAN. Pelaksanaan tiap-tiap satu ketetapan ini akan diawasi dengan teliti oleh Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang bertanggungjawab secara terus terhadap kerjasama ASEAN dalam bidang-bidang masing-masing. Saya berasa penuh yakin dengan azam dan komitmen Menteri-menteri berkenaan dan dengan usaha para pegawai serta bantuan rakyat negara anggota ASEAN kita akan dapat meningkatkan lagi tahap kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN walaupun hasilnya mungkin akan hanya dapat diketahui dalam beberapa tahun yang akan datang.

**PENCEROBOHAN BOT
NELAYAN ASING**

23. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) kekerapan pencerobohan bot-bot nelayan asing di perairan negara kita:
- (a) Thailand
 - (b) Taiwan
 - (c) Filipina
 - (d) Indonesia
 - (e) Lain-lain, jika ada
- (ii) apakah tindakan yang telah diambil ke atas nelayan asing yang mencero bohi dan tertangkap;
- (iii) apakah peranan Kerajaan yang terlibat dalam usaha mengatasi masalah ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (i) Berdasarkan maklumat yang diterima daripada pesawat Pengawasan Udara, penglibatan bot-bot nelayan asing bagi tempoh 2 bulan pertama tahun 1988 adalah seperti berikut:
- | | | |
|---------------|---|-----|
| (a) Thailand | = | 527 |
| (b) Taiwan | = | 17 |
| (c) Filipina | = | 7 |
| (d) Indonesia | = | 2 |
| (e) Vietnam | = | 1 |
| (f) Russia | = | 3 |
| <hr/> | | |
| Jumlah Besar | = | 557 |
| <hr/> | | |

Bagi Tahun 1987 pula data-data adalah seperti berikut:

Thailand	=	2,718 buah
Indonesia	=	43 buah
Bulgaria	=	1 buah
Russia	=	57 buah

Filipina	=	76 buah
Taiwan	=	48 buah
Hong Kong	=	3 buah
Vietnam	=	8 buah
Singapura	=	7 buah
Jepun	=	2 buah
Tidak dikenali	=	44 buah
<hr/>		
Jumlah Besar	=	3,007 buah
<hr/>		

- (ii) Tindakan menangkap dan mendakwa mereka telah pun dijalankan oleh Kerajaan. Semua bot-bot yang ditangkap itu telah didakwa di bawah Seksyen 15 (1) Akta Perikanan 1985 di atas kesalahan kerana menangkap ikan secara haram di Perairan Perikanan Malaysia di mana, Taikong Bot boleh didenda maksima 1 juta ringgit dan Awak-awak \$100,000 tiap-tiap seorang. Selain daripada itu, bot dan segala alat menangkap ikan bot-bot tersebut dirampas.
- (iii) Pihak Kerajaan memberikan keutamaan di dalam perkara membenteras pencerobohan bot-bot asing ini, demi melindungi kepentingan serta keselamatan nelayan tempatan. Rondaan di laut dan udara telah dan akan terus dipertingkatkan. Kejayaan telah dicapai oleh pihak berkuasa di mana tangkapan-tangkapan telah dibuat seperti berikut:

- (a) 1985 = 77 kes; 972 orang nelayan
- (b) 1986 = 117 kes; 799 orang nelayan
- (c) 1987 = 112 kes; 1,015 orang nelayan
- (d) 1988 = 19 kes; 157 orang nelayan (hingga Februari)

BANDUAN REMAND

24. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bersedia membebaskan banduan remand jika mereka dibicarakan selepas 2 tahun ditahan;
- (b) bilangan banduan remand yang melebihi setahun dalam setiap penjara di negara ini; dan
- (c) sama ada apa-apa langkah telah diambil berkaitan banduan remand yang telah ditahan terlalu lama.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penahanan banduan-banduan remand adalah melibatkan proses undang-undang dan pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk membebaskan mereka yang telah ditahan melebihi 2 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari sejumlah 5,221 orang banduan remand yang berada di penjara, 1,080 orang daripadanya adalah terdiri dari mereka yang ditahan melebihi dari setahun.

Pihak Kerajaan memang sentiasa memberi perhatian berat mengenai masalah penahanan banduan-banduan remand yang begitu lama. Usaha-usaha telah diambil bagi memastikan mereka dihadapkan ke muka pengadilan secepat mungkin.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

25. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah keadaan terbaru berkenaan dengan penuntutan Sabah dari pihak Filipina.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Walaupun terdapat usaha-usaha oleh Pentadbiran Aquino untuk menggugurkan tuntutan kedaulatan ke

atas Sabah dan berazam untuk menyelesaikan sebelum sidang Kemuncak ASEAN ke 3 di Manila, namun azamnya telah menemui jalan buntu, dan sehingga kini usaha-usaha ke arah menggugurkan tuntutan kedaulatan ke atas Sabah masih menghadapi beberapa masalah dan kerumitan, terutamanya yang berpunca dari Bill Senate yang telah mengenakan beberapa syarat sebelum tuntutan kedaulatan ke atas Sabah digugurkan.

Malaysia berpendirian bahawa terserahlah kepada Filipina untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah secara "definitive" dan tanpa syarat, apabila telah bersedia untuk berbuat demikian.

CARUMAN CPF RAKYAT MALAYSIA

26. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia pernah berbincang dengan Kerajaan Singapura supaya CPF bekas pekerja-pekerja rakyat kita yang mencarum di Singapura dapat diambil balik selepas mereka kembali ke Malaysia. Jika tidak, sama ada Kerajaan Malaysia akan membuat demikian dan jika ya, bila.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura bagi membolehkan bekas pekerja-pekerja rakyat Malaysia mengeluarkan caruman mereka daripada CPF apabila mereka berhenti kerja di Singapura dan kembali ke Malaysia, memandangkan bahawa pada masa ini peruntukan-peruntukan pengeluaran di bawah Akta Kumpulan Simpanan Pusat (CPF Act) adalah memuaskan. Mengikut peruntukan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura pencarum-pencarum rakyat Malaysia boleh mengeluarkan semua wang

simpanan apabila mencapai umur 50 tahun, telah bermastautin di Malaysia Barat dan telah berhenti kerja di Singapura 2 tahun sebelumnya serta tidak memegang Permit Kerja di Singapura.

Sebaliknya rakyat Singapura yang mencarum kepada EPF dan telah berhenti kerja di Malaysia untuk kembali ke Singapura selama-lamanya hanya boleh mengeluarkan semua wang simpanannya apabila mencapai umur 55 tahun sahaja.

VIETNAM MENYERTAI ASEAN

27. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap kenyataan Menteri Luar Vietnam yang mengulangi kenyataannya untuk menyertai ASEAN. Apakah Malaysia bersetuju dengan kenyataan dan sokongan Setiausaha Luar Filipina RAUL MANGLAPUS terhadap hasrat Menteri Luar Vietnam itu. Kiranya Vietnam diterima menyertai ASEAN apakah faedah dari segi politik dan keselamatan yang didapati oleh negara-negara ASEAN khususnya Malaysia dalam jangka pendek dan panjang.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: ASEAN adalah sebuah pertubuhan bagi kerjasama serantau yang keanggotaannya terbuka kepada negara-negara Asia Tenggara yang dapat menerima prinsip, tujuan dan matlamat yang termaktub di dalam Perisytiharan ASEAN yang telah dibuat di Bangkok pada 8hb Ogos 1977. Prinsip-prinsip tersebut termasuklah penyelesaian pertikaian secara aman damai, saling menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah serta tidak campur tangan di dalam hal ehwal negeri adalah sebagai batu asas kepada peningkatan kerjasama serantau bagi mencapai kestabilan politik serta

pembangunan ekonomi dan sosial di kalangan negara-negara serantau dalam suasana aman dan saling memahami antara satu sama lain. Tujuan dan matlamat ASEAN adalah meliputi peningkatan kerjasama di antara negara-negara anggota dalam bidang ekonomi, politik, sosial, kebudayaan, sains dan teknologi dan lain-lain bidang yang penting untuk pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Malaysia tetap berpegang teguh kepada prinsip, tujuan dan matlamat yang menjadi asas penubuhan dan seterusnya perkembangan ASEAN. Dalam masa 20 tahun yang telah berlalu ASEAN telah mengalami beberapa perubahan dan membentuk suatu identitinya yang tersendiri. Kedudukan ini harus diakui oleh negara-negara yang ingin menjadi anggota ASEAN.

Hasrat sesebuah negara di rantau Asia Tenggara untuk menyertai ASEAN dengan sesungguhnya perlulah dibincangkan dahulu oleh semua negara anggota ASEAN secara bersama.

PINJAMAN DARI JEPUN

28. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kewangan menyatakan tambahan peratus jumlah wang yang terpaksa ditanggung oleh negara dalam membayar hutang negara kepada Jepun berikutan kenaikan nilai yen. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berasaskan kepada kadar pertukaran semasa, Kerajaan terpaksa membayar sejumlah di antara 18-58% lebih tinggi bagi pinjaman-pinjaman yang diperolehi dalam bentuk matawang Yen.

Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan ini dengan mengambil tindakan dan langkah-langkah tertentu seperti berikut:

- (a) Mengambil pinjaman dari Jepun dengan syarat-syarat yang mudah (concessional) sahaja seperti pinjaman dari Overseas Economic Cooperation Fund (OECF) untuk membiayai projek-projek yang berdayamaju;
- (b) Mempelbagaikan pegangan matawang supaya tidak bergantung kepada matawang Yen sahaja; dan
- (c) Membuat bayaran awal (prepayment) bagi pinjaman-pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang tinggi terutama sekali pinjaman pasaran.

TANAH KERAJAAN YANG DICEROBOH

29. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan jumlah ekar tanah Kerajaan yang diceroboh oleh pengusaha-pengusaha dan pengilang-pengilang dalam Wilayah Persekutuan dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Terdapat sejumlah 287.9 ekar tanah Kerajaan yang diduduki oleh pengusaha-pengusaha dan pengilang-pengilang haram di Wilayah Persekutuan, dan keluasan bagi tiap-tiap pengusaha dan pengilang tersebut ialah di antara 200-2000 meter persegi.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah pun merancang satu Program Pembangunan Kawasan Industri sama ada oleh DBKL atau melalui swasta. Dalam usaha untuk menjayakan dasar ini Kerajaan telah

mengenalpasti 4 kawasan utama untuk dijadikan kawasan perindustrian yang dijangka dapat menampung industri-industri haram yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur, di samping dapat menyediakan tapak-tapak industri baru. Empat kawasan yang telah dikenalpasti ini ialah:

- (i) Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin Sg. Besi kawasan sekitar TUDM, Sg. Besi seluas 81.5 ekar;
- (ii) Batu 7½, Jalan Kepong seluas 170 ekar;
- (iii) Batu 6½, Jalan Sg. Besi seluas 28 ekar;
- (iv) Batu 6, Jalan Ipoh berhampiran Taman Wahyu seluas 60 ekar.

Selain daripada kawasan-kawasan di atas, peruntukan kawasan untuk industri juga dikhaskan seperti kawasan-kawasan di Bandar Tun Razak, Bukit Jalil dan Kg. Pakar, Sungai Besi.

Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan usaha-usaha menempatkan semula industri-industri kecil berjalan seperti yang dirancangkan. Skim yang sedang dirancangkan ialah bertujuan untuk menyediakan tapak-tapak/unit industri kos rendah yang termampu dimiliki oleh semua golongan pengusaha kecil yang terdapat di kawasan-kawasan sekitar. Sebagai langkah pertama projek "pilot" akan dilaksanakan di satu kawasan seluas 170 ekar di Batu 7½, Jalan Kepong. Di samping menyediakan tapak-tapak industri kos rendah yang mencukupi, projek ini juga akan menyediakan tapak-tapak industri kos sederhana.

Pemindahan industri-industri haram akan diberikan keutamaan kepada jenis-jenis seperti berikut:

- (i) industri-industri yang mencemarkan, industri merbahaya

- dan industri berasaskan sumber;
- (ii) industri-industri yang tidak sesuai kedudukannya seperti industri-industri yang berada dalam kawasan perumahan dan perniagaan, industri-industri haram yang didirikan di rizab-rizab jalan yang utama dan industri-industri yang haram yang terletak di tepi-tepi sungai;
 - (iii) industri-industri yang dibangunkan di atas tanah yang tidak ekonomik dan tidak sesuai.

Pemindahan ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat berdasarkan merit tiap-tiap kes tersebut.

PELANCONG KE MALAYSIA— KEDATANGAN

30. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan jumlah kedatangan pelancong dalam bulan Januari dan Februari 1988. Sila beri butir-butir kemajuan industri pelancongan yang dicapai setakat ini sejak Kerajaan memperhebatkan program-program menarik pelancong secara yang lebih agresif. Berapakah jumlah kewangan yang dibelanjakan untuk misi menarik pelancong di luar negeri.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Bagi tahun 1988, maklumat mengenai jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia masih belum diperolehi lagi.

Kementerian Kebudayaan dan pelancongan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah membelanjakan sejumlah Rgt. 2.5 juta untuk program-program penggalakan di luar negeri pada tahun 1987. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Misi penggalakan ke Jepun dan Australia;

- (ii) Penyertaan di dalam pameran-pameran dan Pesta-pesta pelancongan;
- (iii) Seminar-seminar dan bengkel-bengkel untuk pengusaha/agen pelancongan;
- (iv) Bantuan pengeluaran risalah-risalah program percutian ke Malaysia;
- (v) Penyertaan/anjuran program-program televisyen; dan
- (vi) Lain-lain.

Berdasarkan maklumbalas daripada Pejabat-pejabat TDC di luar negeri, program-program penggalakan tersebut telah meningkat minat para pelancong asing untuk melawat ke Malaysia. Ini telah ditunjukkan memandangkan jumlah pertanyaan di pejabat-pejabat luar negeri TDC telah meningkat.

Di samping itu, para pengusaha pelancongan juga telah mengaturkan lebih banyak program-program percutian ke Malaysia serta menjalankan promosi yang lebih giat untuk memasarkan program-program tersebut. Ini menunjukkan keyakinan para pengusaha pelancongan terhadap Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik.

POLARISASI KAUM DI INSTITUSI PENGGAJIAN TINGGI

31. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengurangkan polarisasi kaum di Pusat Pengajian Tinggi; dan
- (b) sebagai satu langkah untuk menggalakkan pergaulan kaum, adakah Kementerian bercadang memastikan pelajar-pelajar pelbagai kaum berkongsi bilik asrama di semua universiti tempatan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Masalah polarisasi kaum di kalangan pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tidaklah membimbangkan dan keadaan adalah masih terkawal. Pihak institusi-institusi berkenaan telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk membendung masalah ini dengan mensyaratkan supaya persatuan-persatuan pelajar melibatkan semua golongan kaum. Bagi kegiatan kokurikulum pula pelajar-pelajar berbagai kaum adalah di galakkan mengambil bahagian dan melalui kegiatan ini pembentukan disiplin pelajar dapat dipertingkatkan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak institusi pengajian tinggi sememangnya mengamalkan sistem perkongsian bilik asrama pelajar, tanpa mengira kaum. Nampaknya amalan berkongsi bilik ini telah dapat merapatkan lagi hubungan kaum di antara pelajar-pelajar dan diterima baik oleh semua pihak. Adalah diharapkan konsep ini akan dapat meningkatkan persefahaman tentang ciri-ciri budaya berbagai kaum.

TENTERA LARI DARI TUGAS

32. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah Tentera Darat yang lari dari tugas atau menghilangkan diri daripada bertugas sejak tahun 1985 hingga Disember, 1987. Apakah jenis pangkat mereka itu serta kenapa mereka lari tanpa memberi sebab dan berapa ramai pula yang menyerah diri semula.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Saya telah pun menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 19hb Mac, 1988 di Dewan yang mulia ini. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan itu.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH

33. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah Kementerian ini berusaha untuk:

- (i) mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan kanak-kanak sekolah;
- (ii) mengatasi kes rogol kepada murid-murid sekolah; dan
- (iii) mendisiplinkan pelajar supaya menghormati ibubapa, guru dan negara.

Tuan Woon See Chin: untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membanteras ancaman najis dadah di kalangan generasi muda, terutama yang berada di bangku sekolah, Kementerian Pendidikan telah dan akan terus mengambil beberapa langkah yang difikirkan akan menjauhkan ancaman ini. Langkah-langkah itu ialah:

- (i) (a) Mengada dan menggiatkan lagi kempen kesedaran akan bahaya dadah kepada murid-murid, melalui ceramah, pameran anti dadah dan pertandingan mengarang esei serta melukis poster di kalangan murid-murid.
- (b) Mengadakan kursus kesedaran anti dadah kepada ketua-ketua murid

dan pemimpin-pemimpin pelajar supaya mereka dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti murid-murid yang disyaki terlibat dengan dadah.

- (c) Mengarahkan pihak sekolah menubuhkan jawatankuasa anti dadah di peringkat sekolah bagi menjalankan pelbagai aktiviti dan pendidikan mengenai bahaya dadah.
- (d) Meminta sekolah-sekolah meningkatkan aktiviti bimbingan dan kaunseling bagi membantu murid-murid yang menghadapi masalah, terutama yang boleh mendorong murid-murid itu ke arah perbuatan menyalahgunakan dadah.
- (e) Mengadakan aktiviti kem jayadiri untuk murid-murid tertentu supaya mereka dapat menjauhkan diri dari perangkap dengan najis dadah.
- (f) Memasukkan unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah dalam pengajaran mata-mata pelajaran yang sesuai.
- (ii) Dari maklumat yang diperolehi didapati kebanyakan perlakuan ganas yang dilakukan ke atas pelajar terjadi di luar kawasan sekolah, umumnya di rumah dan di tempat-tempat awam. Namun demikian usaha sudah diambil untuk menekankan aspek keselamatan diri pelajar pada setiap masa melalui pengajaran, peraturan, latihan, bimbingan dan amalan di sekolah. Di samping itu, satu Surat Pekeliling

Iktisas mengenai langkah-langkah keselamatan bagi pelajar akan dikeluarkan untuk pelaksanaan di sekolah-sekolah.

- (iii) Amalan menghormati ibu-bapa, guru dan negara sememangnya diserapkan ke dalam kurikulum sekolah, iaitu melalui mata pelajaran bahasa, sivik, agama dan lain-lain. Dalam amalan harian, pelajar-pelajar diasuh supaya sentiasa menghormati orang lain dan ini dijadikan sebagai sebahagian dari peraturan sekolah. Selain dari itu kempen berbudi bahasa juga dijalankan di sekolah-sekolah dari semasa ke semasa.

TUDUHAN RASUAH DI SABAH

34. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada Badan Pencegah Rasuah telah menamatkan penyiasatan ke atas tuduhan-tuduhan rasuah di Sabah baru-baru ini dan jika sudah, apakah tindakan yang akan diambil; dan
- (ii) sama ada Polis atau BPR telah memulakan penyiasatan ke atas laporan yang telah dibuat oleh Ahli Parlimen Tanjung terhadap Perdana Menteri dan yang lain-lain mengenai projek Utara Selatan dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Saya kurang pasti yang mana satu tuduhan-tuduhan rasuah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan merujuk kepada tuduhan-tuduhan rasuah terhadap beberapa

orang ahli politik di Sabah yang dilaporkan pada penghujung tahun lepas dan awal tahun ini, maka saya suka maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Badan Pencegah Rasuah masih lagi menyiasat kes-kes rasuah yang dilaporkan sepanjang tempoh berkenaan. Tindakan susulan yang akan diambil adalah bergantung kepada keterangan-keterangan yang diperolehi sama ada untuk mendakwa orang-orang yang terlibat atau sebaliknya. Suka juga saya mengambil kesempatan di sini menyatakan bahawa kejayaan pihak BPR menyelesaikan kes-kes rasuah sebahagian besarnya bergantung kepada kerjasama saksi-saksi di dalam memberikan keterangan-keterangan yang dikehendaki.

Mengenai soalan kedua pula, laporan yang telah dikemukakan itu adalah di dalam perhatian pihak polis dan sedang diambil tindakan.

PEGAWAI KERAJAAN DARI SARAWAK DAN SEMENANJUNG

35. Tuan Andrew Linus anak Luwak minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah pegawai-pegawai dalam kategori A, B, C dan D dari Sarawak yang bertugas di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) berapakah pegawai-pegawai dalam kategori A, B, C dan D dari Semenanjung Malaysia yang bertugas di Sarawak.

* Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Bilangan pegawai-pegawai dalam kategori A, B, C dan D dari Sarawak yang bertugas di Semenanjung Malaysia sehingga 31-12-1987 adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Jumlah</i>
A	239
B	69

C	262
D	313
Jumlah	883

- (b) Bilangan pegawai-pegawai dalam kategori A, B, C dan D dari Semenanjung Malaysia yang bertugas di Sarawak sehingga 31-12-1987 adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Jumlah</i>
A	512
B	296
C	933
D	285
Jumlah	2,026

Bilangan ini tidak termasuk anggota tentera dan polis.

TAHANAN ISA—LAYANAN

36. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa tahanan ISA yang terdiri dari tiga tokoh Pemuda UMNO diletakkan di Banglow mewah semasa tempoh 60 hari penyiasatan, manakala yang lainnya di lokap-lokap polis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Semasa menjalankan siasatan, semua orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diberi layanan yang sama oleh pihak Polis mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Ini termasuklah jenis makanan yang diberi, pakaian dan tempat-tempat mereka ditahan.

FERI MALAYSIA—KEROSAKAN

37. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapakah belanja atas kos membaiki kerosakan enjin Feri Malaysia yang

terbakar baru-baru ini. Setakat ini berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh Feri Malaysia dan adakah Feri Malaysia dijangka memperolehi keuntungan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Pihak Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd (PNSL) masih lagi berunding dengan syarikat Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd yang membaiki kerosakan kapal tersebut dan pihak "Insurance Surveyor" bagi menentukan kos sebenar pembaikan. Oleh kerana rundingan tersebut bertujuan untuk mengurangkan kos pembaikan, maka tidak wajarlah ianya diumumkan pada masa ini. Kos pembaikan ini setelah ditentukan boleh dituntut daripada syarikat "Hull and Machinery Insurance".

Berhubungan dengan prestasi Feri Malaysia pula, sehingga 31 Januari 1988, kerugian terkumpul adalah sebanyak 4,323,644.42. Mengikut unjuran pihak Feri Malaysia untuk lima tahun pertama projek ini tidak akan memperolehi keuntungan. Namun demikian pihak pengurusan Feri Malaysia akan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kerugian ini dengan cara meningkatkan kecekapan operasinya serta meningkatkan penggunaannya.

NELAYAN DIGANGGU OLEH GUNBOATS ASING

38. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Tentera Laut DiRaja Malaysia gagal melengkapi nelayan-nelayan kita daripada diganggu dan diserangi oleh "gunboats" dari negara-negara jiran di Selat Melaka dan Laut China Selatan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menguatkan pertahanan kita sebagai membantu para nelayan kita.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Memang terdapat keadaan di mana nelayan-nelayan negara kita diganggu oleh "gunboats" dari negara-negara jiran. Keadaan ini berlaku adalah kerana kawasan perairan Selat Melaka sempit dan nelayan-nelayan kita seringkali termasuk ke kawasan negara jiran menyebabkan nelayan-nelayan kita diganggu dan ditangkap oleh pihak penguatkuasa negara jiran dan diambil tindakan undang-undang di negara tersebut. Di samping itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat kapal-kapal penguatkuasa negara jiran juga ada memasuki perairan Malaysia. Ini telah dikesan dan dikenalpasti oleh pihak berkuasa negara kita, dan bantahan diplomatik dan bantahan lain telah dibuat terhadap negara yang terlibat. Bantahan-bantahan yang dibuat oleh negara kita serta dengan peningkatan rondaan-rondaan TLDM dan rondaan bersama dengan pasukan keselamatan negara jiran telah dapat mengurangkan kejadian-kejadian seperti ini.

Di sekitar Laut China Selatan pula kegiatan pencerobohan nelayan-nelayan asing juga telah dikesan oleh pasukan keselamatan negara kita.

Sejak tahun 1984 dengan adanya penguatkuasa yang diwujudkan oleh Akta Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) tindakan terhadap pencerobohan ini dapat dipertingkatkan. Pada tahun 1987 sebanyak 75 bot pukut tunda nelayan asing ditangkap oleh TLDM di kawasan Pantai Timur untuk didakwa di mahkamah. Tindakan Kerajaan dengan menubuhkan Pusat Penyelarasan dan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) pada tahun 1984 di bawah naungan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah berjaya mengatasi soal koordinasi di antara jabatan-jabatan yang berkenaan dengan lebih berkesan.

Soal kegagalan TLDM melindungi nelayan kita tidaklah timbul, kerana

tindakan untuk tujuan ini telah menjadi satu isu dengan negara jiran yang membantah tindakan tersebut. Dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia dan Kementerian Pertanian Malaysia TLDM sentiasa berusaha melindungi keselamatan nelayan-nelayan negara kita.

LEUKIMIA—RAWATAN PESAKIT

39. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapakah kemudahan-kemudahan pesakit-pesakit leukimia tidak terdapat di Hospital-hospital Besar selain daripada Kuala Lumpur kerana ini menyusahkan pesakit-pesakit yang miskin yang bukan tinggal di Kuala Lumpur. Apakah langkah-langkah yang diambil berhubung dengan masalah ini.

Dato' K. Pathmanaban: Rawatan untuk pesakit leukimia di kalangan kanak-kanak dijalankan di semua hospital-hospital besar di negara ini di mana pakar perubatan dan pakar kanak-kanak merawat kes-kes tersebut. Kesemua hospital tersebut dibekalkan dengan ubat-ubatan yang diperlukan untuk rawatan ini. Hanya kes-kes yang memerlukan rawatan spesifik dirujuk ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

Rawatan pembedahan "bone marrow transplant" hanya dijalankan di Hospital Universiti kerana rawatan secara ini adalah memerlukan kepakaran, peralatan dan sebagainya yang istimewa.

DOKTOR DI KLINIK DESA

40. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan memberitahu sama ada Kementerian akan menambah doktor-doktor di Klinik-klinik Desa hanya datang sekali

atau dua sahaja dalam seminggu untuk memeriksa pesakit-pesakit dan memberi ubat padahal penduduk-penduduk di satu-satu tempat itu sakit atau mendapat kemalangan tidak mengikut masa-masa di mana doktor-doktor itu hadir sahaja. Adakah Kementerian sedar atas hal ini.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk di luar bandar melalui satu rangkaian kemudahan kesihatan bersepadu (integrated network) yang mengandungi Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil dan Klinik Bidan. Di tempat-tempat yang tertentu Pusat Kesihatan Kecil telah pun dinaikkan tarafnya kepada Pusat Kesihatan Besar dan taraf Klinik Bidan telah ditingkatkan kepada Klinik Desa. Seorang doktor adalah ditempatkan di tiap-tiap Pusat Kesihatan Besar dan juga di Pusat Kesihatan Kecil jika perlu. Tiap-tiap Klinik Bidan adalah dianggotai oleh seorang bidan yang memberi perkhidmatan perbidanan dan kesihatan ibu mengandung.

Di Klinik Desa sebaliknya ada ditempatkan seorang Jururawat Desa yang tugasnya bukan sahaja memberi perkhidmatan perbidanan dan kesihatan ibu mengandung, tetapi juga memberi perkhidmatan kesihatan kanak-kanak dan rawatan ringan kepada pesakit-pesakit. Jika seseorang pesakit di Klinik Desa memerlukan rawatan doktor, ianya akan dirujuk oleh Jururawat Desa kepada doktor yang bertugas di Pusat Kesihatan Besar ataupun di Pusat Kesihatan Kecil yang paling dekat sekali. Sistem seperti ini sekarang berjalan dengan memuaskan dan Kerajaan pada masa kini tiada apa-apa cadangan untuk menempatkan seorang doktor di mana-mana Klinik Desa.

GURU PELATIH—PENILAIAN TEMUDUGA

41. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana syarat membaca buku dilaksanakan dalam:

- (a) pengambilan guru-guru.
- (b) kenaikan pangkat.
- (c) pengambilan dalam jawatan lain.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat membaca buku akan dimasukkan sebagai salah satu komponen penting dalam borang penilaian temuduga bagi pengambilan guru pelatih. Satu format khas telah digubal dan masa tambahan diperuntukkan untuk tujuan ini. Calon-calon akan dinilai secara bertulis dan lisan dalam pembacaan novel, pengetahuan khusus dan am mengenai sesuatu perkara, semasa temuduga dijalankan.

Mengenai kenaikan pangkat dan pengambilan dalam jawatan lain, membaca bukanlah merupakan syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Walau bagaimanapun, dalam Urusan Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori "C" dan "T" yang dijalankan secara temuduga, soalan-soalan yang dikemukakan adalah merangkumi perkara-perkara yang bersangkutan dengan pengetahuan am, di samping pengetahuan dari segi kerjayanya.

BANJIR—MEMBERSIHKAN PERPARITAN

42. **Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengatasi masalah untuk membersihkan perparitan yang selalu menyebabkan banjir dan juga sekatan daripada

sampah sarap yang masuk ke Sungai Gombak dan Sungai Kelang. Selain daripada masalah banjir sampah-sampah ini juga akan mengotorkan pengaliran air ke dalam Sungai tersebut.

Drs Suleiman bin Mohamed: Perangkap-perangkap sampah telah dibina di beberapa tempat di parit-parit utama serta Sungai Batu, Gombak dan Klang untuk menahan sampah sarap daripada memasuki sungai-sungai dan parit-parit tersebut. Kerja-kerja membersihkan sampah sarap ini sentiasa diselenggarakan oleh Kerajaan dengan kerjasama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

PADANG LETAK KERETA BAWAH TANAH KELAB SELANGOR

43. **Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan apa yang diketahui Padang Kelab Selangor Jalan Sultan Hishamuddin telah pun diswastakan untuk membuat padang letak kereta di bawah tanah. Saya ingin tahu jika projek ini masih berjalan apakah pula rancangan yang akan dibuat. Apakah akan disediakan padang seperti yang ada sekarang ini ataupun untuk kegunaan yang lain bagi mengindahkan permandangan bangunan Sultan Abdul Samad dan juga Kelab Selangor yang ada sekarang ini.

Drs Suleiman bin Mohamed: Projek Padang Letak Kereta Bawah Tanah Kelab Selangor tidak dapat diteruskan oleh kerana pemaju yang dipilih tidak dapat memperolehi pinjaman berdasarkan syarat-syarat hak tanah yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan. Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya kawasan Padang Kelab Selangor ini dijadikan sebagai kawasan "Dataran Merdeka". Pelaksanaan projek "Dataran Merdeka" ini yang akan dimulakan

tahun ini dan akan disiapkan dalam tahun yang sama bagi sebahagiannya, akan mengambil kira dalam perancangannya akan pemandangan bangunan Sultan Abdul Samad. Kawasan padang akan juga dipindahkan lagi dengan penanaman pokok-pokok "Royal Palm" dan pokok-pokok bunga. Dengan adanya projek "Dataran Merdeka" ini projek letak kereta bawah tanah yang ditangguhkan tempoh hari tidak dapat dilaksanakan mengikut cadangan asal.

PROJEK LEBUHRAYA UTARA-SELATAN—TUDUHAN RASUAH

44. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh polis mengenai laporan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang mengenai dakwaan amalan rasuah dalam pemberian tender \$3.4 billion Projek Lebuhraya Utara-Selatan kepada United Engineers (M) Bhd.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan masih belum selesai lagi. Sebaik sahaja siasatan selesai, ianya akan dimajukan kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

USUL

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
Y.A.B. TOH PUAN LIM CHENG
NEOW DAN KELUARGANYA
ATAS KEMATIAN
Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN**

3.31 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang

di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin, bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Tan Siew Sin adalah datang daripada satu keluarga yang baik lagi masyhur namanya. Tun Tan Cheng Lock bapa kepada Tun Tan Siew Sin adalah salah seorang pejuang kemerdekaan yang diketahui oleh rakyat negeri ini dan dengan jasanya di bidang politik dan bidang ekonomi, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran "Tun" dan kematiannya juga telah diperingati oleh rakyat negara ini. Dan bagi mengenangkan jasa beliau itu juga "State Funeral" telah diberikan kepadanya di atas kematiannya itu dahulu.

Sifat-sifat baik yang ada kepada bapa Tun Tan Siew Sin iaitu Tun Tan Cheng Lock telah diwarisi oleh anak lelakinya ini. Tun Tan Cheng Lock telah menjadi pengasas tertubuhnya MCA dan terus menjadi Presiden parti tersebut dan kemudian jejak langkah beliau telah di ikuti oleh anak lelakinya, Tun Tan Siew Sin yang juga telah menjadi Presiden Parti MCA.

Selain daripada itu, Tun Tan Cheng Lock juga telah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri-negeri Selat. Tun Tan Siew Sin telah berpeluang mengikuti jejak langkahnya itu menjadi Ahli Dewan Undangan Persekutuan yang dilantik pada mulanya dan kemudian telah menjadi Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat.

Tun Tan Siew Sin yang saya kenal daripada mudanya sejak tahun 1951

sehinggalah hari beliau menghembuskan nafas yang terakhir merupakan seorang yang gigih dalam perjuangan politik, berjuang membina negara dan juga dalam usaha menghidupkan semangat perpaduan dikalangan rakyat negeri ini.

Dalam bidang politik beliau telah memainkan peranan yang penting bagi menyelamatkan Parti Perikatan pada satu ketika dahulu, apabila tercetus sedikit perselisihan di antara parti-parti dalam Perikatan mengenai pembahagian kerusi dalam pilihanraya pada waktu itu, di mana hampir-hampir berlaku perpecahan di antara parti komponen dalam Perikatan, dan Tun Tan Siew Sin dengan perasaan berani bertanggungjawab dan yakin kepada perjuangan diri sendiri bagi menyelamatkan negara kita daripada berlaku perpecahan telah mengambilalih pucuk pimpinan MCA dan dengan yang demikian hubungan baik di antara orang China melalui MCA, orang Melayu melalui UMNO dan MIC bagi pihak India, Parti Perikatan berjalan terus dan akhirnya dapat membuat banyak jasa terhadap negara ini. Beliau seorang yang berpegang teguh kepada prinsip percaya kepada diri sendiri dan sentiasa berjuang untuk kepentingan rakyat.

Pada masa beliau dilantik menjadi Ahli Perundangan Persekutuan Tanah Melayu, beliau sentiasa menyuarakan kehendak rakyat dengan tidak ada mempunyai perasaan takut kepada Kerajaan British yang melantik beliau menjadi ahli majlis pada waktu itu. Beliau seorang yang berani, bertanggungjawab dan dalam penghidupannya—beliau terkenal sebagai seorang yang bersih, cekap dan amanah lagi jujur. Pada masa beliau menjadi Menteri Kewangan, kedudukan kewangan negara kita sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Setelah berhenti daripada

menyertai Kerajaan, beliau terus mengorbankan masanya yang berharga dalam bidang ekonomi juga untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sudah seharusnya seorang rakyat Malaysia yang banyak membuat jasa kepada negara ini dengan tidak mengira bangsa asal keturunan, harus diberikan penghormatan. Saya berasa mendapat satu kehormatan pada hari ini kerana mengucapkan takziah dan juga menerangkan sebanyak sedikit perjuangan Mendiang Tun Tan Siew Sin, seorang sahabat saya dari negeri Melaka yang telah banyak menabur jasa kepada kita sekalian.

Saya tidak perlu memberi ucapan panjang lebar di atas perawakan Mendiang Tun Tan Siew Sin kerana ianya sudah diketahui oleh ramai rakyat negara ini. Saya hanya menyeru supaya rakyat negara ini supaya mencontohi segala sepak terajang perjuangannya yang baik, yang tinggi lagi mulia. Ianya merupakan satu pengorbanan kepada negara dan Mendiang Tun Tan Siew Sin adalah seorang yang sebenar-benarannya mempunyai sifat ke Malaysiaan, menjadi rakyat Malaysia yang tulen yang mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini, menumpukan tenaga semata-mata untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon izin mencadangkan Usul yang saya sebutkan tadi.

3.43 ptg

Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi sedikit ucapan menyokong

Usul menyampaikan penghormatan kepada bekas Menteri Kewangan, mendiang Tun Tan Siew Sin yang meninggal dunia baru-baru ini. Mendiang Tun Tan Siew Sin adalah seorang anggota Dewan yang mulia ini yang terkemuka dan telah memberikan perkhidmatan pada Dewan ini semenjak kita mencapai kemerdekaan hinggalah ke tahun 1974. Mendiang Tun Tan Siew Sin bukan sahaja mencatat rekod sebagai Menteri Kewangan Malaysia yang paling lama berkhidmat, malahan juga merupakan Menteri Kewangan yang berkhidmat paling lama di antara Menteri-menteri Kewangan dalam negara-negara Komenwel. Ini adalah satu kebanggaan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mendiang Tun Tan Siew Sin berasal dari keluarga yang berada dan menikmati kehidupan yang senang dan selesa. Namun demikian, beliau rela mengorbankan hidup bersenang lenang tersebut untuk berbakti kepada rakyat dan negara. Ini jelaslah membuktikan betapa besar rasa cinta taat setia dan komitmen beliau kepada negara.

Bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin parti Perikatan yang lain, Mendiang Tun Tan Siew Sin telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan bagi negara ini dan beliau telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Yang penting sekali beliau telah menjadi salah seorang pengasas bagi mewujudkan kerjasama kukuh yang terjalin di antara rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Mendiang Tun Tan Siew Sin akan terus diperingati kerana ketokohnya sebagai pemegang teraju kewangan dan ekonomi negara. Semasa di Perbendaharaan Persekutuan, beliau

telah mengharumkan nama negara khususnya di kalangan negara-negara yang sedang membangun sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar-dasar belanjawan yang konservatif tetapi pragmatik. Malahan negara kita telah menjadi contoh di bidang pengurusan kewangan dan Mendiang Tun Tan Siew Sin terbukti sebagai seorang pengurus ekonomi dan kewangan yang mempunyai pandangan jauh, pegangan prinsip yang kuat dan berani. Pendek kata, beliau merupakan salah seorang arkitek yang bertanggungjawab meletakkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara pada satu asas yang kukuh lagi mantap.

Dalam pada itu mendiang Tun Tan Siew Sin adalah seorang pemimpin yang terkemuka di arena politik dan dalam Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pasti boleh mengambil panduan dari ciri-ciri kejujuran ketulusan dan keikhlasan yang ada pada Mendiang Tun Tan Siew Sin di samping kebolehan beliau menyesuaikan diri sebagai pemimpin politik dalam konteks masyarakat majmuk iaitu perlunya mengamalkan sifat-sifat toleransi dan kompromi. Walaupun begitu, rakan-rakan sejawatnya kadangkala tersalah faham terhadap tindakan dan pandangan-pandangan yang dimajukannya terutama sekali semasa beliau menjadi Presiden MCA. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua ketokohan dan kewibawaannya akan terus hidup. Generasi akan datang pasti akan mengenangi jasa-jasa beliau sebagai seorang pemimpin Malaysia yang tekun, bersifat sederhana dan sentiasa berusaha untuk kepentingan semua kaum di negara ini.

Bagi pihak Parti MCA, saya ingin merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas pemergian Yang Amat Berbahagia Mendiang Tun Tan Siew Sin dan mengucapkan takziah

kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya. Kehilangan beliau adalah jua satu kehilangan besar kepada negara dan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

3.47 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, pada 17hb Mac, 1988 iaitu kurang dari seminggu yang lalu, Malaysia telah kehilangan seorang negarawan yang mulia dan masyhur, mendiang Tun Tan Siew Sin. Walaupun mendiang telah lama bersara dari arena politik, pemergian beliau adalah sesuatu yang tidak disangka-sangka oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Beliau adalah sebagai sumber panduan dalam perkara-perkara ekonomi dan politik kepada Malaysia walaupun selepas persaraannya.

Mendiang Tun Tan Siew Sin adalah seorang negarawan yang agung dan pemergian beliau bolehlah diibaratkan seperti padamnya sebuah obor menyuluh kepada jutaan rakyat Malaysia.

Mendiang Tun Tan Siew Sin telah menerima pelajaran menengahnya di Sekolah Tinggi Melaka dan Raffles College. Pengajian undang-undangnya di England telah tergendala disebabkan teretusnya Perang Dunia Kedua. Beliau mempunyai banyak pengalaman dan tidak ramai yang dapat menandinginya.

Semasa pendudukan Jepun, mendiang telah terdedah kepada satu perjuangan menuntut kebebasan iaitu Indian Freedom Struggle. Pada masa

itu Mendiang Tun Tan Siew Sin telah berada di India iaitu di The British Office of Economic Warfare. Jawatan ini membolehkan beliau mengembara secara luas dan menyaksikan kemajuan yang dicapai oleh Indian National Movement.

Dalam usia 32 tahun mendiang Tun Tan iaitu anak kepada seorang yang termasyhur Tun Tan Cheng Lock telah memulakan career politiknya selama 26 tahun apabila beliau menyertai Legislative Assembly pada tahun 1946. Kemudian beliau terus maju dan menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang pertama dalam tahun 1957. Pada tahun 1959 mendiang menjadi Menteri Kewangan dan seorang Menteri yang paling lama memegang jawatan tersebut iaitu hampir 15 tahun. Mendiang Tun Tan adalah seorang yang mempunyai disiplin yang tertinggi dan rajin bekerja. Beliau bukan sahaja dapat mencipta sejarah bagi negara tetapi dapat pula menyaksikan sejarah tersebut berlaku. Beliau bukan sahaja seorang pemimpin bagi orang-orang Cina tetapi dapat bergaul dengan keseluruhan masyarakat Malaysia.

Mendiang Tun Tan mempunyai hasrat yang tinggi iaitu untuk menyaksikan keharmonian di antara kaum di Malaysia ini. Sebagai seorang pejuang kemerdekaan, mendiang Tun Tan telah menjadi Presiden parti MCA dalam tahun 1961 dan berjaya memimpin parti itu sehingga tahun 1974 sebagai seorang yang paling lama memimpin parti MCA sehingga beliau bersara pada tahun 1974. Beliau telah dapat memberikan parti MCA pengaruh, kemuliaan dan juga kestabilan. Mendiang Tun Tan juga adalah Timbalan Pengerusi Perikatan dari tahun 1967 hingga 1974.

Selepas bersara dari politik dan juga dari menjadi Menteri Kewangan pada tahun 1974 beliau tidak hilang begitu

sahaja. Beliau telah muncul dengan tenaga baru iaitu dengan penglibatannya yang aktif dalam bidang koporat dengan memegang jawatan Penasihat Kewangan kepada Kerajaan Malaysia. Beliau dengan kebijaksanaannya telah dapat memandu negara dalam bidang ini dengan baik sekali. Barang diingat bahawa mendiang Tun Tan juga adalah seorang Menteri yang paling lama sekali di dunia memegang jawatan Menteri Kewangan. Beliau juga adalah terkenal di peringkat antarabangsa di mana dalam tahun 1975 beliau telah dilantik menjadi Chairman of the Electoral Review Commission of Seychelles iaitu orang luar yang pertama dalam sejarah Britain yang dilantik menjadi Chairman of the constitutional Commission. Mendiang Tun Tan juga adalah Chairman of the Commonwealth Parliamentary Association dari tahun 1980 hingga 1981.

Pemergian mendiang Tun Tan menandakan satu kehilangan yang tidak dapat diganti dalam sejarah negara ini. Ia juga menandakan kehilangan seorang negarawan yang jati dan seorang Ahli Parlimen yang unggul. Kita memberikan penghormatan kepada mendiang Tun Tan dan merasa bangga dapat bersama beliau semasa hayatnya dahulu.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia pada 17hb Mac, 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Mendiang Tun Tan merupakan seorang negarawan yang telah banyak

berjasa dan mencurahkan khidmat bakti yang cemerlang bagi kepentingan negara. Saya percaya mendiang Tun Tan telah banyak memberi sumbangan demi kepentingan negara dalam konteks pembangunan negara dan ianya adalah sukar dinilai.

Negara telah pun kehilangan seorang pelopor kemerdekaan negara ini dan saya yakin walaupun Tun Tan sudah meninggal dunia, kesetiaan dan semangat cintakan negara yang selama ini dipegang teguh oleh mendiang Tun Tan akan tetap bersama dengan semua rakyat Malaysia. Kecemerlangan khidmatnya terhadap negara tidak dapat dipertikaikan dan Tun Tan adalah seorang negarawan yang disanjung tinggi bukan sahaja di Malaysia oleh semua lapisan rakyat Malaysia bahkan diseluruh dunia kerana jasa dan pengorbanannya untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, khidmat bakti Tun Tan dengan Kerajaan bermula seawal-awalnya pada tahun 1953 apabila beliau dilantik sebagai ahli Majlis Penasihat Pendidikan Pusat. Kerjanya dalam Kerajaan bermula pada tahun 1957 sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian; Menteri Kewangan dari 1959 sehingga 1969; Menteri Dengan Tugas-tugas Khas Kewangan bagi tempoh 1969—1970; Menteri Kewangan semula lagi pada tahun 1970—1974 dan Penasihat Kewangan kepada Kerajaan Malaysia sejak Jun, 1974. Beliau juga bergiat cergas dalam perkhidmatan masyarakat yang mana beliau banyak memegang jawatan dalam berbagai syarikat dan pertubuhan perniagaan selepas bersara dari tugas Kerajaan.

Sumbangan mendiang Tun Tan telah pun mendapat perhatian masyarakat antarabangsa dan sebagai pengiktirafan, beliau telah pun dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya

Pengkajian Semula Pemilihan bagi Seychelles. Perlantikan itu mencatatkan sejarah Britain yang mana ulungnya seorang asing yang pertama dilantik mempengerusikan sebuah Suruhanjaya Perlembagaan.

Sejak bersara daripada politik cergas pada tahun 1974, beliau masih giat cergas menghulurkan tenaga dan pengalamannya kepada masyarakat dan negara amnya. Adalah sukar untuk saya menyenaraikan satu persatu sumbangan dan khidmat mendiang Tun Tan.

Walau bagaimanapun, saya pada satu masa kebelakangan adalah sedikit salah faham dengan mendiang Tun Tan, tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita sudah berbincang beberapa kali dan mendapat satu persefahaman yang sangat rapat yang mana dua minggu sebelum beliau meninggal dunia, beliau sebagai Presiden Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) telah berjumpa dengan saya untuk berbincang berkenaan dengan beberapa masalah yang dihadapi oleh ladang-ladang di perindustrian getah dan kelapa sawit. Saya sendiri adalah sangat rapat dengan keluarga beliau dan saya hanya boleh mensifatkan bahawa Tun Tan adalah seorang negarawan yang sukar diganti.

Bagi pihak Parti GERAKAN saya ingin merakamkan penghargaan terhadap khidmat bakti Tun Tan sebagai negarawan kepada negara dan sekali lagi ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul demikian.

4.00 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie anak Irok): Tuan

Yang di-Pertua, saya juga suka bangun untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Seperti yang kita sedia maklum dengan kematian Tun Tan Siew Sin, negara telah kehilangan seorang tokoh negarawan yang telah banyak memberi sumbangan dari segi politik ataupun dari segi ekonomi negara. Mendiang Tun Tan merupakan seorang pelopor kemerdekaan negara dan kesetiaan dan sangat patriotiknya terhadap negara tetap bersama dengan rakyat kita.

Tun Tan ialah seorang bekas Ahli Dewan ini. Mendiang Tun Tan mempunyai sifat-sifat personaliti yang boleh dan patut menjadi teladan. Kejujuran, keikhlasan dan integriti-integriti beliau ialah sebahagian daripada kualiti ini. Ketelitian dan sifat berhati-hati beliau bukan sahaja setakat membelanjakan wang peribadi tetapi juga wang rakyat. Sebagai seorang bekas Menteri Kewangan yang paling lama memegang jawatan tersebut, mendiang Tun Tan telah berjaya meletakkan kewangan negara di tahap yang membanggakan.

Selepas bersara daripada politik dalam tahun 1974, mendiang Tun Tan bergiat cergas di dalam bidang perniagaan. Mendiang banyak memegang jawatan dalam berbagai syarikat dan penubuhan perniagaan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini mendiang telah menjadi Pengerusi Sime Darby Bhd dan di waktu pimpinannya Sime Darby telah menjadi satu conglomerate yang berjaya dengan aktiviti-aktiviti yang luas di Malaysia, rantau ASEAN dan juga di antarabangsa.

Dalam peringkat antarabangsa pula, beliau telah diberi pengiktirafan

sebagai dalam tahun 1975 dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pengkajian Semula Pemilihan Bagi Seychelles.

Saya tidaklah dapat menghuraikan semua jasa-jasa yang telah disambungkan oleh Tun Tan Siew Sin. Saya suka menyokong Usul:

Bahawa dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

4.03 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain, saya juga suka mengambil kesempatan ini bagi pihak Presiden, Majlis Tertinggi dan seluruh ahli-ahli Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak menyokong usul:

"Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya".

Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tun Tan merupakan seorang anak watan Malaysia yang telah banyak berjasa. Perkhidmatannya di dalam Kerajaan sebagai Menteri Kewangan telah meletakkan negara kita pada paras yang membanggakan. Sikap cermat dan berhati-hati membelanja dan menguruskan wang negara adalah antara sifat-sifat yang telah menjadikan kedudukan kewangan

negara begitu baik sekali, khususnya di zamannya sendiri. Sumbangan mendiang Tun Tan Siew Sin dalam membangunkan negara adalah ketara sekali, terutama di dalam bidang politik dan ekonomi. Mendiang Tun Tan merupakan tokoh veteran kemerdekaan tanahair dan telah berjaya menjadi simbol perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita.

Tidak juga keterlaluan kalau dikatakan di sini bahawa beliau telah berjaya menjadi contoh dan ikutan mengenai kejujuran, kesetiaan, kesungguhan dan komitmen bersama dalam memaju, memelihara dan mempertahankan negara Malaysia yang berbilang kaum.

Kesederhanaan beliau dalam pergaulan dengan masyarakatnya juga merupakan contoh teladan yang perlu dicontohi. Begitu juga dengan kesetiaan, dedikasi, kebolehan dan kecekapan beliau dalam mentadbirkan apa juga institusi sama ada dalam ataupun luar Kerajaan patut menjadi contoh kepada generasi hari ini. Sesungguhnya kepergian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin adalah satu kehilangan yang amat besar kepada negara. Kita kehilangan seorang tokoh negarawan yang patriotik, kita juga kehilangan seorang tokoh Malaysia sejati "a true Malaysian", dengan izin, yang bersahaja dan sederhana yang telah banyak mencurahkan jasa kepada negara yang amat kita cintai ini.

Saya percaya ketokohan dan pimpinan beliau akan menjadi inspirasi kepada perpaduan yang lebih konkrit bagi rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Presiden, Ahli-ahli Majlis Tertinggi keseluruhan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak atau PBB ingin:

"Merakamkan perasaan sedih yang amat sangat ke atas kepergiannya

Y.A.B. Tun Tan Siew Sin dan ingin menyampaikan takziah yang ikhlas kepada balunya Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya”.

Semoga mereka sentiasa di dalam keadaan tenang dan bersabar dalam menghadapi suasana yang sudah tentu begitu menyedihkan. Sekian, terima kasih.

4.06 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak SUPP saya adalah juga mempunyai perasaan dan sentimen yang serupa seperti yang telah disampaikan oleh rakan sejawat saya. Mendiang Y.A.B. Tun Tan Siew Sin akan sentiasa diingati sebagai seorang yang berprinsip teguh. Sifat-sifat dirinya yang terkemuka di antara lain ialah keikhlasan, kejujuran dan ketulusan di dalam segala urusannya.

Dalam pada itu beliau telah dihormati dan disanjung oleh semua rakan-rakan termasuk kawan dan lawan dalam arena politik. Mendiang Y.A.B. Tun Tan Siew Sin telah menetapkan satu tahap yang tinggi, baik sebagai ketua keluarganya mahupun sebagai seorang tokoh politik.

Sebenarnya dunia ini boleh dijadikan satu tempat yang lebih baik jika adanya ramai lagi orang seperti Y.A.B. Tun Tan Siew Sin. Kematian beliau merupakan satu kehilangan yang amat besar kepada negara kita. Kenangan-kenangan terhadap beliau akan bersama kita untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.08 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Barisan Nasional untuk menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya atas kematian mendiang Tun Tan Siew Sin ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak layak untuk memberi banyak komen ke atas prestasi atau kegagahan Tun Tan ini kerana apabila beliau bertugas sebagai Menteri Kewangan dan sebagai pemimpin tertinggi MCA, saya masih bersekolah. Mungkin ini satu tanda bahawa ianya sudah lama telah menyumbangkan kepada proses pembangunan negara kita pada peringkat awal apabila kita mencapai kemerdekaan.

Walaupun pihak DAP dulu ada menghadapi banyak masalah dengan MCA, termasuklah masalah dengan Tun Tan ini, tetapi saya percaya mengikut tradisi orang Asia, khususnya tradisi orang Cina bahawa kalau seseorang sudah meninggal dunia maka semua pergaduhan harus selesai. (*Tepuk*) Hanya Tuhan dan sejarah akan menghukum kepada semua dan dengan ini saya mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow. Ini sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabalu.

4.09 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Parti PBS memohon menyokong Usul:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Y.A.B. Tun Tan

Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tun Tan telah banyak memberi sumbangan tenaga dan fikirannya di dalam membangunkan negara sama ada di dalam sektor awam ataupun swasta.

Di dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ahli politik yang berpandangan jauh, asas-asas perpaduan menjadi salah satu perjuangannya bagi menyatukan masyarakat yang berbilang kaum.

Kepimpinan beliau amat ketara apabila beliau memegang jawatan Presiden MCA yang paling lama. Kewibawaan beliau sebagai pemimpin rakyat keturunan Cina seharusnya dicontohi. Kepimpinan beliau yang ikhlas memperjuangkan bukan sahaja nasib rakyat bangsanya sendiri tetapi rakyat Malaysia keseluruhannya.

Sebagai anggota Jemaah Menteri beliau telah berkhidmat sebagai Menteri Kewangan selama 15 tahun dan telah membina asas-asas kukuh ekonomi negara dan melaksanakan tugas-tugasnya dengan penuh tanggungjawab. Kebolehan beliau mentadbir dan mengendalikan kewangan negara sukar ditandingi. Dalam tempoh beliau menjadi Menteri Kewangan itu kedudukan kewangan negara amat membanggakan. Mendiang telah mengenyepikan kepentingan dirinya dalam menjalankan tugas-tugasnya dan telah berjaya mewujudkan a highest standard of financial accountability, dengan izin.

Sifat-sifat kepimpinan beliau yang jujur, ikhlas dan memahami aspirasi rakyat bukan sahaja mendapat

sanjungan daripada rakyat Malaysia tetapi juga mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Sumbangan mendiang di dalam arena antarabangsa banyak memberi faedah kepada negara. Walaupun Mendiang Tun Tan Siew Sin sejak tahun 1974 tidak berada di dalam Kerajaan dan tidak aktif dalam politik, mendiang terus memberi sumbangan dan buah fikirannya kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Dalam mewujudkan perpaduan negara Mendiang Tun Tan Siew Sin telah banyak mencurahkan bakti untuk mencapai matlamat perpaduan negara. Kesetiaan dan semangat dedikasi yang ada padanya akan menjadi satu teladan oleh masyarakat Malaysia. Kejujuran di dalam melaksanakan tugas-tugasnya akan tercatat di dalam sejarah negara dan menjadi pendorong kepada generasi sekarang dan akan datang. Sesungguhnya pemergian Mendiang Tun Tan Siew Sin amat dirasai oleh semua rakyat yang cintakan keharmonian di dalam negara ini. Pemergian mendiang merupakan peristiwa yang amat sedih dan terharu kepada isteri dan anggota-anggota keluarganya. Saya berharap kepada isteri dan anggota keluarganya supaya tabah hati serta bersabar di dalam menghadapi peristiwa yang sedih ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.13 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat Nibong Tebal, saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Adalah tepat bagi Dewan yang mulia ini meluangkan sedikit waktu untuk

memberi penghormatan kepada Mendiang Tun Tan Siew Sin. Kalau dapat dipetik daripada Shakespeare, Tun Tan adalah, dengan izin, a man of many parts. Apabila menulis tentang Biografi beliau berbagai pandangan tentang khidmat beliau tentu akan timbul.

Sebagai seorang Baba yang tidak mengerti bahasa Cina, Tun Tan tidak selalunya dapat memahami akan hasrat masyarakat Cina di Malaysia. Dari masa ke semasa beliau pernah mengeluarkan perkataan-perkataan yang mana bila diterjemahkan ke dalam bahasa Cina tidak sedap didengar oleh orang-orang berpendidikan Cina. Jurang komunikasi antara Tun Tan dan kaum Cina berpendidikan Cina ini adalah merupakan satu trajedi bersejarah kerana sebenarnya Tun Tan mencintai bangsanya sendiri dan berjuang untuk mereka dengan cara yang betul pada pendapatnya. Oleh kerana beliau bukan seorang perkauman, beliau juga berjuang untuk bangsa lain yang tinggal di negara ini.

Dalam bidang pentadbiran awam Tun Tan mendapat pujian semua. Pengkritik-pengkritik yang tidak suka tentang pengendalian beliau terhadap masalah-masalah masyarakat Cina pun mengakui bahawa beliau sesungguhnya seorang pemimpin awam yang jujur dan dedikasi. Beliau mengorbankan kesenangan dan keselesaan diri sendiri untuk kebaikan orang lain. Beliau menjaga wang rakyat seperti wang beliau sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Tan telah meninggal dunia dan kita meratapi pemergian beliau. Tetapi saya berdoa agar contoh beliau sebagai pentadbir yang bersih, cekap dan amanah tidak akan mati bersama beliau. Marilah kita ahli-ahli politik yang masih hidup dan aktif mencontohi teladan yang baik yang ditunjukkan oleh mendiang.

Marilah kita berkecimpung dalam politik bukan bertujuan untuk mencari kekayaan untuk diri kita sendiri tetapi untuk membentuk masa depan yang cemerlang bagi semua yang mendiami bumi bertuah kita ini. Kepada Toh Puan dan keluarganya saya turut merakamkan ucapan takziah saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbunyi: Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac, 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat ke atas kematian Y.A.B. Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan Malaysia, pada 17hb Mac 1988 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan perintahkan satu usul ini dihantarkan kepada balu Tun Tan Siew Sin, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Lim Cheng Neow dan keluarganya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah lulusnya usul ini maka saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat serta

hadirin sekalian, sila bangun dan berdiri bertafakkur selama satu minit untuk mengingati mendiang Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin.

(Majlis bertafakkur selama satu minit).

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

RANG UNDANG- UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987)" dan "Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1987" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. *(Hari Kedua)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.22 dan B.59 (Jadual)—

Maksud P.23, P.24 dan P.59 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, kelmarin Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sedang menggulung.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

4.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Pengerusi, menyambung ucapan saya semalam inginlah saya menyatakan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, iaitu berkenaan dengan peranan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan bagi menjelaskan kepada semua pihak, khususnya orang ramai.

(Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, peranan utama Kementerian ini ialah mengadakan penggalakan-penggalakan promosi-promosi dan cara-cara lain yang pada himat Kementerian ini boleh menimbulkan minat kepada pelancong-pelancong tetapi dari segi membawa pelancong-pelancong ke negara ini, begitu juga pelancong-pelancong di dalam negeri sendiri ianya mestilah diuruskan oleh pihak swasta seperti agensi-agensi pelancongan dan pihak-pihak yang terlibat dengan perniagaan pelancongan. Di sini saya ingin menyeru supaya pihak-pihak yang berkenaan dapat melipatgandakan lagi usaha-usaha membawa pelancong-pelancong ke negara ini seperti yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga mengharapakan supaya ditingkatkan lagi usaha-usaha tersebut.

Inginlah saya menyatakan mengenai Pelan Pembangunan Pelancongan yang sedang dirangka oleh Kemenerian ini dengan kerjasama Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Tujuan Kerajaan ialah bagi mengumpulkan

segala sumber dan tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini. Memang benar bahawa Pelan Pembangunan Pelancongan ini akan dapat membantu pembangunan sektor pelancongan dengan menentukan kawasan-kawasan dan tarikan yang harus diberi perhatian lagi. Peranan tersebut akan dapat membantu di dalam pembangunan produk-produk pelancongan kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasa I kajian ini telah pun siap pada bulan Disember, 1987 yang lalu. Fasa II kajian tersebut sedang diambil tindakan dan dijangka siap, insya Allah jika diizinkan oleh Allah pada bulan Disember, 1988 yang akan datang ini. Setelah siap Pelan Pembangunan Pelancongan ini adalah diharapkan kita akan dapat memperbaiki dan mempelbagaikan tarikan-tarikan di negara ini dan penyelarasan dapat dibuat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri supaya bidang pelancongan dapat dilaksanakan dengan cara sistematik tanpa bertindih atau persaingan yang tidak sihat di antara usaha-usaha Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Oleh yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dapat bersabar sehingga hujung tahun ini di mana rumusan-rumusan dari segi perancangan pembangunan pelancongan ini dapat ditentukan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau juga telah menimbulkan beberapa perkara. Di antaranya, beliau mahukan kita mempelbagaikan daya tarikan kepada pelancong-pelancong. Memang Kementerian bersetuju dengan pendapat itu, tetapi sebelum pendapat itu dipersetujui pun Kementerian telah mengambil daya usaha ke arah yang demikian. Kementerian tidak pun pernah menyatakan bahawa kita akan

mengadakan hanya satu bentuk daya tarikan pelancong-pelancong ke negara ini. Kementerian sedar ada pelancong-pelancong yang berminat untuk melihat tempat-tempat bersejarah, ada pelancong-pelancong yang berminat untuk bermain golf, ada pelancong-pelancong yang berminat untuk pergi ke tempat-tempat yang penuh dengan cabaran seperti ke Taman Negara, mendaki gunung dan lain-lain lagi kerana di dalam strategi melamakan pelancong-pelancong tinggal di sebuah negara, ianya mestilah membanyakkan tempat-tempat yang berbagai-bagai. Saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Arau sendiripun tentu bersetuju bahawa beliau sendiri pun apabila melancong tidaklah bertujuan untuk menikmati sesuatu produk pelancongan sahaja.

Tuan Pengerusi, adalah tidak benar Yang Berhormat dari Arau menyatakan bahawa Kementerian tidak bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain, khasnya seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana bukan sahaja Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tetapi Kementerian-kementerian lain pun memang sentiasa bekerjasama di antara satu sama lain.

Mengenai Taman Negara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Tuan Pengerusi, saya inginlah menafikan kata-kata Yang Berhormat dari Arau yang menyatakan bahawa saya tidak pernah pergi ke Taman Negara. Sebenarnya saya telah pergi beberapa kali ke Taman Negara, bahkan Yang Berhormat dari Arau sendiri pun apabila hendak pergi ke Taman Negara telah meminta bantuan daripada saya, malangnya beliau tak ada di dalam Dewan ini.

Mengenai Taman Negara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat ianya memanglah di dalam bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, khususnya di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, tetapi dari segi keperluan-keperluan pelancongan. Kementerian ini memang dari semasa ke semasa memberi pandangan-pandangan dan mengadakan perbincangan-perbincangan untuk memperbaiki keperluan-keperluan Taman Negara tersebut. Yang Berhormat dari Arau sendiri mengakui bahawa sebahagian besar pelancong-pelancong yang datang ke Taman Negara adalah orang-orang dari luar negeri. Mereka ini bukan datang ke Taman Negara bagi kali yang pertama sahaja, bahkan ramai juga yang datang lebih daripada sekali. Ini adalah kerana mereka merasakan bahawa suasana di Taman Negara itu adalah sesuai dengan kehendak mereka. Sebab itu dalam perancangan pelancongan saya inginlah memberitahu Yang Berhormat dari Arau bahawa kita tidak boleh merancang dari segi keperluan kita sebagai individu sahaja, tetapi ia mestilah dirancang mengikut keperluan pelancong-pelancong yang berkenaan tanpa merugikan budaya dan merugikan negara kita.

Ahli Yang Berhormat juga menimbulkan tentang sokongan kepada pihak swasta di mana beliau menyatakan semalam bahawa Kementerian tidak memberi sokongan kepada pihak swasta. Itu juga tidak benar. Kementerian bukan sahaja memberi bantuan secara tidak langsung kepada pihak swasta, tetapi Kementerian telah memberi sokongan secara langsung. Contoh-contohnya, selain daripada mengadakan promosi penggalakan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini, ini adalah merupakan sokongan secara tidak langsung ataupun dengan mengadakan promosi dan menggunakan media elektronik dan media cetak di dalam dan di luar

negeri, bahkan dalam rombongan-rombongan keluar negeri, Kementerian ini sentiasa menjemput agensi-agensinya pelancongan, pengusaha-pengusaha hotel dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam bidang pelancongan mengikut rombongan-rombongan tersebut. Dalam rombongan-rombongan tertentu, kehadiran pihak swasta adalah lebih ramai lagi.

Umpamanya baru-baru ini dalam rombongan Kementerian ke International Tourism Exhibition di Berlin dan sebelum itu Tourism Fair di London, kita telah menjemput pihak-pihak swasta di mana hampir 50 pihak-pihak swasta yang berkenaan turut serta dan mereka telah dapat menghubungi pihak-pihak yang berkenaan diluar negeri, bahkan ada di antara mereka telah dapat mengurusniaga dan mereka juga telah menyatakan puashati mereka mengenai perkara rombongan tersebut. Kementerian juga bersetuju, iaitu tempat-tempat pelancongan perlu diumumkan dengan meluas dan perkara ini sedang dilaksanakan oleh TDC di bawah Kementerian ini dari satu masa ke satu masa yang mana akan terus diperhebatkan.

Kita juga sedang melaksanakan untuk mengadakan dairy bulanan dan jika didapati sesuai mungkin dairy mingguan yang akan dimaklumkan kepada pelancong-pelancong. Pada peringkat ini kita akan melaksanakan bagi sekitar Kula Lumpur dahulu dan seterusnya kita akan perbaiki dari satu masa ke satu masa.

Ahli Yang Berhormat dari Marang menimbulkan perkara-perkara di antaranya ialah memusatkan kelulusan projek-projek pelancongan supaya tidak bertindih. Inilah saya nyatakan lebih awal tadi bahawa pelan pembangunan pelancongan akan mengambil kira perkara yang telah

ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Mengenai hidangan-hidangan kepada pelancong yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kononnya sebelum mereka datang mereka diberitahu terdapat produk-produk pelancong yang tertentu ataupun hidangan-hidangan untuk mereka yang tertentu, tetapi apabila mereka datang di sini perkara-perkara tersebut tiada. Kementerian ini tidak sedar mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian memberi tekanan kepada perkara yang dibangkitkan ini supaya apa yang diberitahu kepada pelancong terdapat di negara ini. Selain dari produk-produk fizikal, pertunjukan-pertunjukan kesenian negara ini akan diperbanyakkan lagi. Pada peringkat mula ini pelancong-pelancong di sekitar Kuala Lumpur bolehlah, jika mereka ingin melihat pertunjukan kesenian negara kita datang ke Aras 2, PWTC, pada hari Jumaat malam Sabtu, jam 8.00 malam tiap-tiap minggu. Ini adalah merupakan usaha permulaan Kementerian sahaja.

Di samping itu kita berharap perkara ini akan dikembangkan ke tempat-tempat lain, termasuk di peringkat negeri. Namun begitu, ini tidaklah bermakna kita kekurangan hidangan-hidangan kesenian. Pihak-pihak swasta juga dengan pihak-pihak agensi Kerajaan yang lain ada menjalankan pertunjukan-pertunjukan tersebut, tetapi tarikh dan waktu tidak ditetapkan. Sebab itulah kita juga perlu ada dairy bulanan ataupun dairy mingguan sebagai langkah permulaan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah menyatakan sokongan kepada Kementerian ini dan insya-Allah mana-mana yang belum dijawab, tetapi telah tercatat, kita akan memberi perhatian dan mengambil

mana-mana yang baik sebagai panduan untuk merencanakan kepesatan dari segi perlancongan di dalam negara kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$49,290 untuk Maksud B.22 dan \$28,559,900 untuk Maksud B.59 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$49,290 untuk Maksud B.22 dan \$28,559,900 untuk Maksud B.59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.23; \$50,020 dalam Maksud P.24 dan \$2,300,010 dalam Maksud P.59 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.23; \$50,020 dalam Maksud P.24 dan \$2,300,010 untuk Maksud P.59 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$542,377,650 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$542,377,650 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas nyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) 1988 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$542,377,650 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$542,377,650 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas nyata tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$542,377,650 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$542,377,650 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PERLUCUTHAKAN HARTA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan

berhubung dengan harta, dan mengenai penyitaan dan perlucuthakan harta, yang berkaitan dengan aktiviti yang ada hubungan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini, Akta Dadah Berbahaya 1952, atau mana-mana undang-undang asing yang bersamaan dengan Akta-akta ini atau dengan peruntukan-peruntukan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta-akta ini, mengenai bantuan kepada negara-negara asing berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah berbahaya, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang disebut terdahulu, di bacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diketahui umum, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah yang berkesan dalam bidang pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan untuk memerangi dan membasmi ancaman serta masalah dadah. Tindakan-tindakan ini termasuklah mewujudkan undang-undang baru berhubung dengan dadah atau meminda undang-undang yang sedia ada bagi tujuan memperkukuhkan mereka, mempergiatkan usaha-usaha penguatkuasaan menambah dan memperbaiki lagi kemudahan pemulihan penagih-penagih dadah dan meningkatkan kerjasama dan usaha di bidang antarabangsa untuk mengatasi ancaman dadah.

Tindakan-tindakan ini didapati telah mula mencapai kejayaan. Bilangan penagih dadah baru yang dikesan tiap tahun yang telah meningkat semenjak tahun 1970 hingga tahun 1983 sekarang mulai beransur turun. Manakala jumlah mereka dalam tahun 1983 ialah 14,624 orang, jumlah berikutnya telah turun kepada 11,915 orang dalam tahun 1984, 9,591 orang dalam tahun 1985, 7,329 orang dalam tahun 1986 dan

7,598 orang dalam tahun 1987. Kerajaan yakin trend yang menurun ini akan berterusan.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat masalah pengedaran dan penagihan dadah tidak dapat dibendung dengan memuaskan dan akan kekal pada tahap yang membimbangkan, selagi peruntukan undang-undang yang ada sekarang bagi bertindak terhadap mereka yang membiayai dan mengatur kemasukan dan pengedaran dadah secara besar-besaran, kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tindakan undang-undang yang dapat diambil terhadap golongan ini hanyalah sekadar menahan atau menyekat mereka buat beberapa tahun di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 atau Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Tindakan demikian tidak menjadi "deterrent" kerana setelah tamat tempoh tahanan, mereka dapat menikmati keuntungan yang begitu lumayan yang diperolehi hasil dari kegiatan mereka dalam mengedar dadah. Tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, yang membawa hukuman penjara di antara 5 tahun dan seumur hidup dan sebat tidak kurang dari 10 kali, atau hukuman mati bagi pengedar-pengedar yang disabitkan kesalahan kerana memiliki dadah, tidak dapat diambil terhadap golongan tersebut kerana mereka tidak menyimpan atau memiliki dadah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bertindak dengan lebih berkesan terhadap pengedar-pengedar secara besar-besaran ini, adalah didapati perlu satu undang-undang baru diwujudkan yang membolehkan pihak berkuasa melucuthakan atau menyita harta-harta yang digunakan bagi tujuan membiayai kemasukan dan

pengedaran dadah, dan harta-harta yang diperolehi hasil dari aktiviti tersebut. Hasil ini sangatlah lumayan. Keuntungan yang diperolehi dari penyeludupan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan heroin Nombor 3, iaitu jenis heroin yang digunakan oleh 80% dari penagih-penagih dadah di Malaysia, ialah kira-kira \$2,000 bagi tiap-tiap kilogram heroin yang dihasilkan.

Keuntungan yang diperolehi dari pengedaran heroin Nombor 3 di dalam negeri pula adalah jauh lebih tinggi. Jumlah penagih dadah di negara ini adalah dianggarkan kira-kira 82,000 orang. Dari jumlah ini 80% atau lebih kurang 65,000 orang adalah penagih heroin Nombor 3. Jumlah heroin mengikut beratnya yang digunakan oleh penagih-penagih ini ialah 7.8 kilogram setiap hari (iaitu $65,000 \times 2$ tiub sehari $\times 0.06$ gram satu tiub). Harga seunit heroin di Kuala Lumpur ialah \$8.00 satu tiub. 1 kilogram heroin boleh dijadikan 16,000 tiub. Maka dengan itu pendapatan dari jualan 1 kilogram heroin secara runcit ialah \$128,000 dan bagi 7.8 kilogram ialah \$998,400. Kos membeli satu kilogram heroin Nombor 3 di Malaysia adalah kira-kira \$8,000 atau \$62,000 bagi 7.8 kilogram. Berasaskan hitungan ini, keuntungan yang diperolehi dari pengedaran dadah di dalam negeri ini ialah hampir \$1 juta, atau lebih tepat \$935,600 setiap hari ataupun \$341.5 juta setiap tahun dan bagi angka yang tepat ialah \$341,494,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang saya bantangkan ini bertujuan membolehkan pihak berkuasa bertindak melucuthakan atau menyita harta mereka yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah secara besar-besaran. Kerajaan berpendapat hanya dengan tindakan demikianlah kegiatan pengedaran dadah secara besar-besaran dapat

dibendung dengan berkesan sebab kegiatan tersebut akan tidak beruntung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi Fasal-fasal mengenai pelucuthakan harta orang-orang kenaaan atau, dengan izin, "liable persons". Orang-orang yang boleh dilucuthakan harta jika harta itu dibuktikan telah digunakan, atau diperolehi dari kegiatan dadah, tersenarai di Fasal 7. Mereka ini termasuk mereka yang melakukan kesalahan di bawah Fasal 3, 4, 24 (7) atau kesalahan terjadual; mereka yang sedang menjalani perintah tahanan atau sekatan kerana kegiatan berkaitan dengan pengedaran dadah; pemilik-pemilik harta yang menyalahi undang-undang sebagaimana ditakrifkan dalam Undang-undang ini; dan saudara-mara dan sekutu kesemua orang-orang ini.

Fasal-fasal berikutnya dalam Bahagian ini memperuntukkan prosedur yang akan dipakai bagi kes-kes pelucuthakan harta. Dengan ringkasnya, pelucuthakan hanya boleh dilakukan apabila Mahkamah Tinggi berpuashati dan mengeluarkan perintah sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV membuat peruntukan mengenai penangkapan, penyiasatan dan penyitaan harta. Semua kesalahan di bawah Undang-undang ini adalah kesalahan boleh ditangkap atau, dengan izin, "seizable offence". Mana-mana pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki olehnya telah melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini; mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki ialah orang kenaaan di bawah Fasal 7(1)(a); atau mana-mana orang yang Pendakwa Raya bercadang untuk mengambil tindakan di bawah Fasal 8. Tahanan seseorang itu yang melebihi

24 jam hendaklah dengan perintah Majistret, dan tidak boleh melebihi 14 hari. Had tempoh tahanan ini tidak diperlukan bagi undang-undang yang diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan, tetapi adalah dimasukkan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa.

Fasal 16 memberi kuasa kepada pihak Polis untuk memasuki dan mengelidah mana-mana premis yang disyaki mempunyai harta yang boleh dilucuthak atau yang disyaki mempunyai buku-buku atau dokumen yang berhubungan dengan harta tersebut, dan menyita harta atau dokumen itu, kecuali buku-buku jurubank di sesuatu bank.

Fasal 20 memberi kuasa kepada Pedakwa Raya untuk memberi kebenaran kepada pihak Polis untuk meminda atau, dengan izin, "intercept" perhubungan menerusi artikel pos, perutusan melalui telekomunikasi atau perbualan menerusi telekomunikasi. Walau bagaimanapun, kuasa yang diberi ini adalah terhad kepada mendapatkan maklumat yang relevant kepada penyiasatan ke atas kesalahan di bawah Fasal 3, 4 atau 24 (7) sahaja, dan maklumat yang diperolehi melalui cara ini hendaklah diterima oleh mahkamah sebagai keterangan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 21 membolehkan pihak Polis, atas kebenaran Pendakwa Raya, memeriksa buku-buku jurubank atau akaun bank dan peti-peti simpanan selamat di institusi-institusi Kerajaan, syarikat-syarikat dan sebagainya, demi membantu penyiasatan dan pendakwaan di bawah undang-undang ini. Peruntukan ini adalah sama seperti peruntukan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961.

Fasal 22 membolehkan Pendakwa Raya mendapatkan maklumat mengenai harta dari orang yang

hendak diambil tindakan berkaitan dengan kesalahan di bawah Fasal 3, 4 atau 24 (7), atau bagi maksud tindakan di bawah Bahagian III. Maklumat boleh juga diperolehi dari saudara dan sekutu mereka, mana-mana pegawai awam, dan mana-mana pegawai atau pekerja bank atau institusi kewangan. Penalti bagi kegagalan atau keengganan memberi maklumat ialah denda tidak lebih daripada \$2,000 atau penjara tidak lebih dari satu tahun, atau kedua-duanya.

Fasal 24 memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk mengeluarkan perintah yang disiarkan dalam Warta terhadap mana-mana orang yang dia bercadang hendak memulakan apa-apa prosiding melucuthakan atau pendakwaan kerana kesalahan-kesalahan tertentu. Kuasa ini adalah sama seperti kuasa yang diberi kepada Bank Negara bagi kes-kes pengambilan deposit yang menyalahi undang-undang. Perintah ini boleh menghendaki orang-orang yang berkenaan memberi apa-apa maklumat yang diminta mengenai hartanya, dan menghendakinya mematuhi apa-apa syarat yang dicatatkan dalam perintah tersebut, termasuk larangan keluar negeri. Mana-mana orang yang melanggar syarat ini boleh dihukum denda tidak lebih daripada \$500,000.

Fasal 25 dan 26 membuat peruntukan mengenai penyitaan harta alih, manakala Fasal 27 membuat peruntukan khas mengenai penyitaan sesuatu perniagaan. Fasal 28 pula membuat peruntukan mengenai harta tak alih.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V memperuntukkan bahawa mana-mana harta yang dilucuthak di bawah Rang Undang-undang ini adalah diletakhak pada Kerajaan bebas daripada apa-apa hak atau bebanan mana-mana orang, kecuali hak atau bebanan yang diperolehi oleh seseorang pembeli

yang membelinya dengan niat suci dan yang tidak terbatal atau tidak sah di bawah mana-mana peruntukan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI membuat peruntukan mengenai keterangan dan prosedur berhubungan dengan prosiding di bawah Rang Undang-undang ini. Fasal 35 memperuntukkan bahawa sesiapa yang diambil prosiding perlucuthakan adalah menanggung beban membuktikan bahawa dia bukanlah seorang orang kenaan atau bahawa harta itu bukanlah harta yang menyalahi undang-undang.

Fasal 39 memperuntukkan supaya keterangan seorang "agent provocateur" hendaklah diterima oleh Mahkamah dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII membolehkan pihak berkuasa Malaysia memberi bantuan kepada negara asing berhubungan dengan perkara-perkara berkaitan dengan dadah berbahaya, apabila permintaan dibuat oleh negara itu. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan yang menentukan setakat mana dan dengan cara apa pihak Malaysia boleh memberi bantuan. Bantuan dari Malaysia termasuk memberi maklumat dan dokumen yang dipinta mengenai mana-mana orang atau pertubuhan di Malaysia, setakat yang tersedia dan boleh diperolehi mengikut undang-undang atau yang diberikan dengan sukarela; menyampaikan apa-apa proses dan dokumen yang dikeluarkan oleh negara asing ke atas orang-orang di Malaysia; menyampaikan hasil penyiasatan saksi oleh Majistret bagi pihak negara asing; memeriksa, menggeledah dan merampas apa-apa barang yang dijumpai berada di mana-mana tempat yang ditunjukkan oleh pihak negara asing dan menyerahkan barang-barang itu kepada negara

tersebut bagi tujuan perbicaraan atau siasatan; menyita harta yang dipohon oleh negara asing kerana kesalahan berkaitan dengan dadah; dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VIII mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara am. Mana-mana percubaan, persubahatan atau persiapan yang dibuat untuk melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini, adalah menjadi kesalahan. Fasal 57 melarang jaminan diberikan kepada seseorang yang dipertuduh melakukan kesalahan dibawah Fasal 3, 4 atau 24 (7). Fasal 60 memperuntukkan penalti am. iaitu denda tidak lebih daripada \$10,000 atau penjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya. Kesalahan-kesalahan di bawah Fasal 3 atau 4 Rang Undang-undang ini adalah menjadi kesalahan-kesalahan ekstradisi di bawah Ordinan Ekstradisi 1958 atau Akta Penjenayah Buruan Komanwel 1967.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan dasar terbuka Kerajaan, draf awal Rang Undang-undang ini telah dikemukakan kepada Majlis Badan Peguam bagi ulasannya. Majlis Badan Peguam telah menyokong pada prinsipnya Rang Undang-undang tersebut, yang akan meningkatkan keupayaan perundangan Kerajaan dalam usahanya memerangi ancaman dadah. Di samping itu, Majlis Badan Peguam telah membuat beberapa ulasan dan cadangan mengenai peruntukan-peruntukan tertentu. Sebilangan dari ulasan dan cadangan itu telah diterima oleh Kerajaan dan sedia termaktub dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, tetapi cadangan-cadangan yang lain tidak dapat diterima kerana didapati akan mengurangkan keberkesanannya Rang Undang-undang tersebut ataupun menyulitkan pemakaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu Akta yang akan membolehkan pihak

berkuasa bertindak secara berkesan terhadap sindiket menyeludup dan pengedar dadah dengan melucuthakan atau menyita harta mereka yang digunakan bagi tujuan mengedar dadah, atau harta yang diperolehi dari kegiatan tersebut, sangat-sangat diperlukan. Tahanan pencegahan atau sekatan yang dikenakan ke atas mereka ini tidak begitu berkesan sebagai dengan izin "deterrent" kerana mereka yang ditahan atau disekat masih dapat menikmati kekayaan yang mereka memperolehi dari penglibatan mereka dalam pengedaran dadah. Dengan itu, saya mohon Rang Undang-undang ini disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kluang.

4.58 ptg.

Puan Ling Chooi Seng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta).

Saya percaya tidak ada sesiapa pun yang akan mempersoalkan keperluan untuk meluluskan Rang Undang-undang ini yang bertujuan menghentikan kegiatan-kegiatan golongan yang ingin menjadi kaya melalui pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada Undang-undang yang paling ketat, yang paling keras di dunia ini. Kita menjatuhkan hukuman gantung ke atas pengedar-pengedar dadah. Namun demikian jenayah mengedar dadah tidak dikurangkan. Sebaliknya jenayah itu semakin bertambah. Meskipun ramai orang dituduh di bawah Akta Dadah Berbahaya di Mahkamah Tinggi, hukuman Mahkamah nampaknya tidak menakutkan golongan penjenayah. Sebaliknya setiap hari masih ada orang yang ditangkap kerana terbabit dalam jenayah itu. Sesungguhnya hari ini kita memerlukan satu Mahkamah Tinggi khas untuk mengendalikan kes-kes berhubung dengan penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, apakah golongan ini tidak takut kepada hukuman gantung. Mengapa mereka masih melibatkan diri dalam mengedar dadah? Jawapannya satu sahaja dan cukup ketara. Kegiatan ini amat menguntungkan mereka. Ia bererti wang lumayan, dan seterusnya kereta besar, rumah besar, kehidupan mewah dan lain-lain lagi. Dengan ill-gotten gains ini, dengan izin, pengedar juga menceburkan diri dalam perniagaan besar. Adakalanya wang dan keuntungan yang diperolehi melalui kegiatan haram golongan pengedar ini digunakan untuk membeli status, mertabat dan respectability, dengan izin, dalam masyarakat. Malah ada yang menyertai syarikat-syarikat awam dengan pengaruh wang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan melucuthakkan harta mereka adalah satu-satu cara memerangi golongan ini. Oleh sebab itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam dan setelah meneliti Rang Undang-undang ini, saya berpendapat Rang Undang-undang ini mungkin mencabar Perlembagaan

kita. Rang Undang-undang ini dikatakan diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, tetapi nampaknya Perkara 149 Perlembagaan kita tidak meliputi keadaan yang disebutkan. Izinkan saya baca Perkara 149 seperti berikut:

“149. Legislation against subversion.

(1) If an Act of Parliament recites that action has been taken or threatened by any substantial body of persons, whether inside or outside the Federal—

- (a) to cause, or to cause a substantial number of citizens to fear, organised violence against persons or property; or
- (b) to excite disaffection against the Yang di-Pertuan Agong or any Government in the Federation; or
- (c) to promote feelings of ill-will and hostility between different races other classes of the population likely to cause violence; or
- (d) to procure the alteration, otherwise than by lawful means, of anything by law established; or
- (e) which is prejudicial to the security of the Federation or any part thereof,

any provision of that law designed to stop or prevent that action is valid notwithstanding that it is inconsistent with any of the provisions of Article 5, 9 or 10, or would apart from this Article be outside the legislative power of Parliament; and Article 79 shall not apply to a Bill for such an Act or any amendment to such a Bill”.

Subseksyen (2) tidak ada kaitan dengan apa yang saya hendak bangkitkan dan saya tidak perlu baca subseksyen (2) ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya memerangi

pengedaran dadah tidak jatuh di bawah kelima-lima situasi dalam Perkara 149 yang baru saya baca tadi. Dengan izin, "The recital does not follow the wording of this Article 149 and combating drug trafficking does not seem to come within the five situations mentioned in Article 149."

Walaupun Rang Undang-undang ini adalah jatuh di bawah kelima-lima keadaan itu, Perkara 149 tidak mengizinkan kelulusan Rang Undang-undang ini kerana Perkara dalam Perlembagaan yang dilangari ialah Perkara 13 dan bukan Perkara 5, 9 dan 10 yang terkandung dalam Perkara 149. Izinkan saya membaca Perkara 13, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

"13. Rights to property.

- (1) No person shall be deprived of property save in accordance with law.
- (2) No law shall provide for the compulsory acquisition or use of property without adequate compensation".

Tuan Yang di-Pertua, meskipun perlucuthakan harta dibuat setelah perbicaraan mahkamah yang adil dan saksama, nampaknya tindakan itu masih dapat ditafsirkan sebagai paksaan, sebagai compulsory acquisition, dengan izin, menurut Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Memang ini soal penafsiran bagi mahkamah, tetapi soalnya ialah mengapa kita memberi peluang kepada golongan penjenayah itu untuk mempersoalkan sah atau tidak sah sesuatu undang-undang. Dengan izin, why do we let the crooks have a chance to question the validity of this piece of legislation?

Hakikat bahawa Perkara 149 adalah disebut, dengan izin, is recited dalam Rang Undang-undang ini menunjukkan bahawa pegawai-pegawai dari Pejabat Peguam Negara

menyedari bahawa Rang Undang-undang ini melanggar dengan mencero bohi, dengan izin, violates hak asasi yang terkandung dalam Perlembagaan iaitu hak memiliki harta. Saya berpendapat bahawa kalau kita ingin melucuthakkan harta pengedar-pengedar dadah dan keluarga mereka, kita haruslah berbuat demikian dengan cara yang benar-benar betul. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk meninjau seluruh implikasi dan sekiranya perlu meminda Perlembagaan untuk memudahkan kelulusan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.05 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membentangkan satu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta), 1988 yang tidak dapat dinafikan membawa implikasi yang amat luas khususnya terhadap aspek yang ada berkaitan dengan hak-hak Perlembagaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang ini dan di samping itu untuk menyampaikan pendirian parti DAP terhadap Rang Undang-undang ini.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa parti DAP mengakui masalah dadah merupakan satu masalah atau ancaman yang serius kepada negara. Oleh kerana itu kami bersedia menawarkan sumbangan dari segi pandangan dan cadangan-cadangan kami untuk diambil kira dalam merumuskan undang-undang yang berkaitan dengan masalah ini.

Kami penuh menyedari bahawa wabak dadah dalam negara sudah mencapai satu tahap yang serius dan telah mengancam jalinan sosial dan keselamatan negara dan dengan demikian menghendaki tindakan atau langkah-langkah tegas yang tertentu bagi diambil untuk menguasai ataupun mengatasi masalah itu. Dari perangkaan yang ada menunjukkan bahawa angka penagih dadah berdaftar dalam negara telah berjumlah melebihi 120,000 orang. Menerusi anggaran kadar 1.5 orang penagih tidak berdaftar menyamai setiap penagih berdaftar, menunjukkan sejumlah melebihi suku juta orang penagih, malah terdapat lain-lain anggaran yang mencapai angka setengah juta. Walaupun rampasan dadah telah bertambah sejak akhir-akhir ini akibat tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan, malah hukuman mati mandatory dikenakan kerana kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya, tetapi masih tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan jumlah dadah berbahaya yang diedarkan ke dalam dan ke luar negeri semakin berkurangan. Oleh kerana bentuk perniagaan dadah memberi hasil yang lumayan serta juga kedudukan strategik dan ilmu alam Malaysia sepanjang laluan dadah daripada Segi Tiga Emas (The Golden Triangle) ke pasaran Barat dan lain-lain, Malaysia telah menjadi satu pusat transit yang utama.

Walau bagaimanapun, adalah perlu dijelaskan di sini bahawa ancaman tidak boleh diatasi menerusi undang-undang sahaja, tetapi usaha-usaha ke arah pemulihan dan pendidikan adalah sama penting, lebih-lebih lagi dalam perjuangan memerangi masalah penyalahgunaan dadah dalam jangka panjang. Malah jika Malaysia berupaya menyekat permintaan dadah berbahaya dalam negara menerusi proses pendidikan, langkah mestilah

diambil untuk memberhentikan pengedaran dadah berbahaya melalui Malaysia untuk kegunaan luar negeri sebagai sebahagian sumbangan negara kita kepada usaha-usaha antarabangsa untuk membasmi wabak dadah di seluruh dunia. Walaupun pihak DAP bersetuju bahawa lebih banyak tindakan tegas mesti diambil untuk menyekat bekalan dan pengedaran dadah berbahaya, tetapi kami perlu menerangkan di sini bahawa apa jua undang-undang yang dikuatkuasakan untuk mengendalikan masalah dadah maka undang-undang ini mestilah merupakan undang-undang yang adil dan saksama.

Rang Undang-undang ini diperbuat di bawah kuasa Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan kerana Undang-undang ini bermaksud memberhentikan dan mencegah perbuatan-perbuatan yang berhubungan dengan pengedaran dadah, iaitu perbuatan-perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I Rang Undang-undang ini adalah mengenai perkara-perkara permulaan. Fasal 2 mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan di dalam Rang Undang-undang tersebut. Di antara takrif-takrif yang utama ialah takrif "aktiviti larangan", "harta yang menyalahi undang-undang", "saudara" dan "sekutu". Perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan ini diberi takrif yang agak luas sesuai dengan keadaan dan bentuk masalah yang dihadapi.

Bahagian II adalah mengenai kesalahan-kesalahan berhubungan dengan harta. Aktiviti yang menjadi kesalahan-kesalahan ialah:

- (1) menggunakan harta dengan niat hendak menjalankan kegiatan yang menjadi kesalahan seperti dijadualkan di Jadual Pertama;

- (2) menggunakan harta dengan niat hendak mempermudah atau membantu tindakan melakukan kegiatan yang menjadi kesalahan terjadual; dan
- (3) mengurusniagakan, atau menggunakan atau memegang, menerima dan menyembunyikan harta yang menyalahi undang-undang.

Penalti bagi kesalahan-kesalahan ini ialah penjara antara 5 hingga 20 tahun. Harta yang menjadi hal perkara kesalahan-kesalahan itu juga akan dilucuthakan. Perlucuthakan harta sedemikian boleh juga dilakukan sekalipun tidak ada sabitan, jika mahkamah berpuashati dengan bukti yang diberi bahawa kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 yang tadi telah dibentangkan, DAP berpendapat bahawa ianya mestilah dikaji dengan teliti dan semua lapisan masyarakat, bukan sahaja Majlis Peguam, mestilah diajak berunding dengan tujuan untuk memastikan bahawa jika Rang Undang-undang ini hendak diluluskan oleh Parlimen dan menjadi satu undang-undang yang akan dikuatkuasakan nanti, maka ia mestilah dilaksanakan dengan adil dan saksama. Inilah sebab mengapa Kerajaan patut menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk mengumpul pendapat-pendapat orang ramai dari badan-badan sukarela dan mengkaji Rang Undang-undang ini dengan mendalam dan memindanya jika perlu sebelum ia dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak sebab mengapa ini tidak boleh dilakukan ke atas satu Rang Undang-undang yang begitu penting ini, yang mempunyai implikasi yang

begitu meluas, sedangkan Parlimen boleh berbuat demikian keatas Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 apabila ia dikemukakan di Parlimen pada tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyatakan bahawa saya berpeluang untuk membincangkan Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini dengan pelbagai pihak pertubuhan dan juga orang ramai mengenai beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Mereka tidak berbelah-bahagi dalam melahirkan perhatian berat dan bimbang sangat akan kemungkinan penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa berkenaan. Rang Undang-undang ini memberikan kuasa yang begitu luas dan berlebihan kepada pihak polis untuk memburu pengedar-pengedar dadah dan melucuthakkan harta mereka dan kuasa-kuasa yang luas ini adalah terkandung di dalam Bahagian III, Bahagian IV dan Bahagian V Rang Undang-undang ini.

Walaupun kita menyetujui keperluan langkah-langkah keras digunakan untuk berurusan dengan pengedar-pengedar dadah tetapi perlindungan ataupun safeguard, dengan izin, mestilah dimasukkan untuk mengawasi kuasa-kuasa pihak polis. Ini untuk memastikan bahawa kuasa-kuasa tidak disalahgunakan dan hak asasi rakyat, khususnya hak asasi yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan yang berkenaan tidak dilanggar.

Bagi peruntukan-peruntukan utama yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini boleh membangkitkan kebimbangan akan kemungkinan salahguna kuasa. Sebagai contoh, saya merujuk kepada Fasal 8 Rang Undang-undang ini yang memperuntukkan permohonan perintah lucuthakan harta ke

Mahkamah Tinggi. Di bawah Fasal 8 (1) yang menyatakan dan saya petik:

“Jika Pendakwa Raya mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana orang ialah orang kenaan, maka dia boleh memohon secara *ex parte* kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah melucuthakkan segala harta yang dipegang oleh orang itu dan yang Pendakwa Raya mempunyai sebab untuk percaya ialah harta yang menyalahi undang-undang”.

Tuan Yang di-Pertua, perlucuthakan bermakna kehilangan kepentingan ke atas harta berkenaan dan ini merupakan satu tindakan yang tidak adil bagi seseorang yang kehilangan kepentingan dalam hartabendanya hanya disebabkan kerana disyaki tanpa disabitkan kesalahan mereka. Ini satu tindakan yang tidak adil dan pihak polis tidak patut diberi kuasa-kuasa untuk bertindak terhadap orang-orang yang disyaki sahaja. Jika terdapat bukti yang mencukupi terhadap seseorang yang berkenaan, maka ia patut dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahannya, maka pihak polis mempunyai sebab untuk melucuthakkan hartanya. Perlucuthakan harta berdasarkan disyaki adalah satu yang tidak boleh diterima. Setidak-tidaknya apa yang Pendakwa Raya patut dibenarkan ialah bukan permohonan perintah melucuthakkan harta tetapi ialah memohon sesuatu yang setaraf dengan permohonan, dengan izin, *Mareva injunction*, iaitu memohon satu perintah untuk membekukan penggunaan dan pemakaian harta. Lebih-lebih lagi dalam membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah Tinggi, ia patutlah disertakan dengan satu affidavit yang menunjukkan sebab-sebab munasabah (*reasonable cause*) untuk mempercayai bahawa seseorang ialah orang yang kenaan

dan bukan hanya, saya petik, “mempunyai sebab untuk percaya”—where he has reason to believe, dengan izin, sebagaimana yang tercatat dalam Fasal 8 (1) cadangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi fasal yang saya sifatkan sebagai terlalu keras dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan Fasal 16 berkaitan kuasa untuk masuk menggeledah dan menyita. Fasal ini menyebut dan saya quote:

“Bilamana ternyata kepada mana-mana pegawai kanan polis bahawa ada sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa di dalam atau di mana-mana premis ada disembunyikan atau disimpan apa-apa harta yang boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini dia boleh pada bila-bila masa pada waktu siang atau waktu malam—(a) masuk ke dalam premis itu dan di situ menggeledah, dan menyita serta menahan apa-apa harta, buku atau dokumen sedemikian”.

Adalah memeranjatkan bahawa tidak terdapat peruntukan di sini yang menghendaki seseorang pegawai kanan polis mendapatkan satu waran menggeledah terlebih dahulu sebelum memasuki ke rumah seseorang. Tindakan ini dianggap menghina hak-hak orang perseorangan kepada privacy, dengan izin, dan harta. Tidak ada suatu apapun menegah polis daripada menyalahgunakan kuasa ini, misalnya, untuk memasuki rumah seseorang atas alasan menggeledah harta yang menyalahi undang-undang.

Jika seseorang pegawai kanan polis mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk percaya bahawa mana-mana premis mengandungi harta-harta yang menyalahi undang-undang di dalamnya, maka dia patut membuat permohonan kepada Majistret untuk mendapat satu waran

mengegedah dan memberitahu Majistret sebab-sebab bagi permohonannya.

Penggunaan waran bagi menggelidah itu hendaklah sekurang-kurangnya diberikan kepada seorang pegawai polis berpakaian seragam atau "uniformed police" dengan izin, diiringi dengan orang-orang lain yang mengenalkan diri mereka sebagai Polis. Lebih-lebih lagi semasa penggelidahan dibuat jika terdapat mana-mana barang disita, satu catatan atau record, dengan izin, hendaklah dibuat mengenai harta-harta yang disita.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 Rang Undang-undang ini berkenaan dengan kuasa untuk memintas perhubungan. Pada pandangan kami, kuasa untuk memintas perhubungan hendaklah dibuat dengan kebenaran mahkamah. Apabila sesuatu perintah dikeluarkan, ia hendaklah bagi satu tempoh yang terhad. Misalnya, satu tempoh untuk tiga bulan dan sesuatu perintah itu mestilah bagi maksud siasatan dan pencegahan jenayah sahaja.

Selepas berakhir tempoh 3 bulan pihak Polis boleh membuat satu permohonan untuk melanjutkan perintah dan dalam berbuat demikian ia mesti menyakinkan mahkamah mengenai sebab-sebab perlanjutan tempoh yang diminta itu.

Berkenaan dengan Fasal kecil (2) dalam Fasal 20 yang menyatakan "apa-apa maklumat yang didapati oleh pegawai polis menurut subseksyen (1) sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh atau sebelum atau selepas prosiding itu dimulakan, bolehlah diterima sebagai keterangan di dalam perbicaraannya atau dalam prosiding seperti yang disebut terdahulu, mengikut mana yang berkenaan".

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kami bahawa hanya

maklumat yang berkaitan dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang oleh seseorang boleh diterima. Hal-hal yang berhubungan atau dalam skop kehidupan peribadinya tidak sepatutnya dibenarkan.

Fasal 38 Rang Undang-undang ada berkaitan dengan perlindungan bagi pemberi maklumat atau informers, dengan izin. Adalah didapati Fasal ini amat dikesali kerana dua sebab. Sebab yang pertama ia membenarkan penerimaan bukti-bukti yang tidak jelas ataupun dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, "collaborated hearsay evidence". Keduanya, ia bertentangan dengan prinsip bahawa mana-mana orang yang kena tuduh mempunyai hak untuk berdepan dan menyoal orang-orang yang menuduhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya apabila bukti pemberi maklumat yang samar-samar diberikan, Hakim yang bersidang dalam kamarnya perlu diberitahu siapakah pemberi maklumat itu. Ini akan membolehkan beliau menilai mutu sesuatu bukti yang diberikan. Terpulanglah kepada Hakim memutuskan sama ada bukti itu boleh dibawa dalam mahkamah terbuka. Sebaik-baiknya menurut kaedah pembuktian maka pemberi maklumatlah yang patut mengesahkannya.

Untuk melindungi mereka, patutlah ada peruntukan-peruntukan bagi membenarkan beliau memberi keterangan dengan tidak memperkenalkan diri dalam mahkamah terbuka selepas mengenalkan dirinya kepada Hakim secara private, dengan izin. Ini akan membolehkan orang yang dituduh menyoal-selidik saksi dengan tertakluk kepada syarat bahawa tidak ada soalan untuk meminta si-saksi tadi memperkenalkan diri.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan berbagai contoh yang saya sebutkan tadi mengenai kuasa-kuasa yang begitu luas dan berlebihan yang diberikan kepada pihak Polis di bawah Rang Undang-undang ini, sudah pasti ia membangkitkan kebimbangan di kalangan orang ramai tentang kemungkinan salah guna kuasa yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada pihak Polis untuk melaksanakan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan.

Ahli-ahli Parlimen yang menjadi Wakil-wakil Rakyat tidak seharusnya diminta memberi kelulusan kepada Rang Undang-undang ini melainkan Yang Berhormat Menteri berkenaan ataupun Timbalan Menteri berupaya memberikan satu jaminan yang tegas dan meyakinkan bahawa setiap orang pegawai polis tidak akan menyalahgunakan kuasa-kuasa itu apabila menjalankan tugas mereka. Akan tetapi sesuatu jaminan yang meyakinkan akan hanya diyakini jika Yang Berhormat Menteri bersedia menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini kepada berbagai lapisan masyarakat Malaysia dan meminta pandangan-pandangan mereka untuk dipertimbangkan dan dikaji oleh pihak Kerajaan terutamanya yang berkaitan dengan perlindungan (safeguard) dalam kepentingan orang ramai terhadap kemungkinan penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa berkenaan jika Rang Undang-undang ini diluluskan dan dilaksanakan kelak.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam ucapan beliau semasa membentangkan Rang Undang-undang ini ada menyentuh bahawa

Majlis Peguam telah dihubungi mengenai Rang Undang-undang ini dan menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri, Majlis Peguam telah pada prinsipnya menerima Rang Undang-undang ini. Sungguhpun demikian, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementerian yang berkenaan ada menerima berbagai-bagai cadangan yang telah disampaikan oleh Majlis Peguam, ekoran daripada kewujudan berbagai-bagai peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa yang begitu luas kepada pihak penguatkuasa, kepada pihak Polis dan ini sama ada pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menerima berbagai-bagai pindaan yang telah dikemukakan oleh Majlis Peguam atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.29 ptg.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh segala peruntukan yang disenaraikan di dalam Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988. Saya rasa Kerajaan telah mempertimbangkan segala pros and cons, dengan izin, mengenai implikasi peruntukan-peruntukan yang disenaraikan ini berdasarkan kepada pengalaman yang luas dan yang lama di dalam usaha Kerajaan memerangi ancaman penagihan dadah. Oleh itu, tidaklah perlu diubah lagi mana-mana peruntukan yang ada sepertimana yang dicadangkan oleh Pemangku Ketua Pembangkang tadi.

Rang Undang-undang ini adalah satu langkah yang logik di dalam usaha

kita memerangi penyalahgunaan dadah secara habis-habisan. Jikalau dahulu apabila kita meluluskan undang-undang yang menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas pengedar-pengedar dadah kita dituduh sebagai golongan yang kejam, saya pasti kali ini kita juga akan dituduh demikian.

Di dalam hal ini saya menyeru pihak Kerajaan supaya jangan menghiraukan tuduhan-tuduhan begini kerana ianya datang dari kumpulan-kumpulan yang terpisah dari reality di dalam masyarakat negara kita. Kumpulan-kumpulan yang mensifatkan undang-undang kita sebagai Draconian, dengan izin, sebenarnya tidak menyedari betapa terkejutnya masyarakat kita apabila peratusan yang tinggi dari penduduk negara ini adalah penagih dadah. Bilangan penagih dadah iaitu bilangan 500,000— yang saya masukkan penagih-penagih yang tidak didaftarkan adalah suatu kadar yang tinggi iaitu dengan kadar 3% dari penduduk negara yang berjumlah 15 juta orang yang jikalau tidak dibendung akan merosak-binasakan masyarakat bangsa kita.

Wujudnya lebih kurang 500,000 penagih dadah di negara ini adalah disebabkan oleh segelintir manusia yang mencari kekayaan di atas kesengsaraan orang lain. Kerja syaitan ini tidak mengenali nilai-nilai murni kemanusiaan. Apa yang dikejanya ialah kekayaan semata-mata. Di dalam masyarakat yang beradaban, manusia seperti ini tidak harus diberi tempat. Kumpulan-kumpulan binatang pun mempunyai sifat-sifat tabie yang menentukan kesempurnaan dan keselesaan kumpulannya tetapi nampaknya kumpulan ini iaitu kumpulan pengedar dadah sudah hilang sifat tabie ini. Justeru itu bolehlah kita membuat kesimpulan bahawa kumpulan ini adalah lebih rendah tarafnya dari kumpulan binatang.

Segelintir manusia pengedar dadah ini sebenarnya bukan sahaja tidak menyumbang kepada keselesaan masyarakat malah mereka menjahanamkan masyarakat yang menyara hidup mereka selama ini. Bukan sahaja kesengsaraan yang mereka bawa kepada masyarakat, mereka juga melarikan kekayaan negara dari masyarakat itu ke luar negeri. Ini terbukti oleh hasil penyiasatan oleh pihak polis baru-baru ini yang menunjukkan pemindahan beratus juta ringgit hasil penjualan dadah ke luar negeri melalui bank-bank dan lain-lain cara yang sah. Peruntukan untuk memeriksa akaun-akaun bank dan institusi-institusi kewangan yang lain adalah kena pada tempatnya untuk mencegah usaha pengedar-pengedar ini menghalalkan wang mereka yang haram itu.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau dahulu kita melawan kesengsaraan yang dibawa oleh segelintir manusia syaitan ini dengan hukuman mati mandatori, sekarang amatlah kena pada tempatnya kita wujudkan undang-undang yang membolehkan pihak berkuasa merampas harta-harta mereka yang diperolehi secara yang dikutuk oleh Tuhan dan manusia ini. Undang-undang ini adalah Draconian kepada segelintir manusia ini sahaja. Orang-orang lain tidak mempunyai sebab mengatakan ianya Draconian melainkan mereka merestui kerja-kerja segelintir pengedar-pengedar dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengedar-pengedar dadah ini adalah satu kumpulan yang boleh ditakrifkan sebagai kumpulan penderhaka. Ini ialah kerana hasil aktiviti mereka bukan sahaja merosak-binasakan fabric physiological dan physical manusia, dengan izin, malah ianya menjalar kepada kemusnahan fabric social masyarakat yang berkenaan. Masyarakat yang mempunyai banyak

penagih dadah akan menjadi masyarakat yang lemah dari segi ekonominya, masyarakat yang perhubungan sosialnya menjadi kucar-kacir dan masyarakat yang mempunyai bibit-bibit keruntuhan nilai-nilai akhlak dan yang penting juga ialah penagihan dadah di kalangan anggota masyarakat yang menjaga keselamatan masyarakat itu akan menggadaikan kedaulatan negara akhirnya.

Di dalam sejarah Kerajaan Melayu Seri Wijaya, Melaka dan Johor Riau, kita mendapati bahawa hukuman kepada penderhaka yang mengumpankan kedaulatan dan keselamatan negara bukan sahaja disula ataupun ditikam hingga mati malah segala hartanya dirampas dan tanah tapak rumahnya dikorek dan dibuang ke laut. Hukuman sebegini adalah penting untuk keselamatan negara pada masa itu di mana negara-negara Melayu ini memerlukan ketaatan yang tidak berbelah bahagi untuk menyatupadukan beratus-ratus pulau dan tanah jajahan yang tersibar luas. Malah di kalangan orang-orang Mongol di zaman Genghis Khan misalnya, hukuman mati dan perlucuthakan harta dikenakan kepada sesiapa yang membuang air kecil ke dalam sungai. Hukuman sebegini dinampak berat atau Draconian kepada orang-orang luar yang tidak tahu reality masyarakat berkenaan tetapi kepada orang-orang Melayu di zaman silam penderhakaan akan memecahbelahkan negara Melayu dan pada orang-orang Mongol membuang air kecil di dalam sungai akan mencemarkan sumber asas kehidupan yang susah didapati di persekitaran alamnya.

Pokoknya undang-undang yang dibuat ini mencerminkan kehendak survival yang tinggi masyarakat sesuatu negara. Kehendak survival negara Malaysia pada masa ini ialah keutuhan masyarakatnya dari segala segi iaitu

segi ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik. Ancaman penyalahgunaan dadah adalah merupakan suatu gejala besar yang boleh meruntuhkan keutuhan ini. 500,000 dari rakyatnya yang berjumlah 15 juta yang menagih dadah adalah satu bencana yang amat besar yang ditanggung oleh negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini menyeru Kerajaan memerangi ancaman dadah ini habis-habisan sebagaimana dunia memerangi wabak AIDS pada masa ini. Ini bererti selain dari mewujudkan undang-undang seperti Rang Undang-undang yang kita bahas pada hari ini, Kerajaan juga wajib mengadakan program-program penyelidikan, pemulihan, pembanterasannya dan diplomasi yang agresif. Kita sangat berbangga dengan pencapaian kita di bidang diplomasi yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dipilih untuk mengepalai conference dadah sedunia. Masyarakat dunia menyedari tentang the gravity of the situation di Malaysia, dengan izin, yang menyebabkan kita mengadakan undang-undang yang dahulu mereka dipanggil Draconian ini tetapi sekarang ini melalui usaha diplomasi kita mereka tidak lagi mensifatkan undang-undang kita ini Draconian.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya fikir masih lagi berkurangan ialah di dalam usaha pemulihan, penyelidikan dan pembanterasannya. Saya difahamkan bahawa usaha pemulihan adalah masih lagi tidak cukup baik dari segi kemudahannya mahupun dari segi kefahaman dan kesedaran masyarakat umum terhadap bahaya penyalahgunaan dadah. Dari segi kemudahannya saya difahamkan bahawa pusat-pusat pemulihan yang ada pada masa ini hanya mampu menampung 2% atau 3% sahaja dari penagih yang ada dan juga tenaga-tenaga kaunseling bukan sahaja tidak

cukup bilangannya malah kekurangan daya profesionalismenya. Saya harap sedikit demi sedikit dapatlah pihak Kerajaan mengatasi masalah-masalah ini.

Saya ingin mencadangkan supaya sebilangan strategi-strategi yang diguna untuk membanteras penagihan dadah disemak semula untuk menentukan kejayaannya. Misalnya satu strategi yang mundane iaitu satu polisi RTM mengharamkan lagu-lagu Jamal Abdillah disiarkan di radio dan TV lantaran artis ini adalah seorang penagih dadah. Seimbangkan pandangan polisi ini adalah berkesan tetapi kekesanannya saya fikir hanyalah memuaskan kemarahan kita orang-orang yang bencikan dadah dan bencikan penagih dadah, tetapi adakah ianya berkesan di kalangan kumpulan muda-mudi yang majoritinya masih memuja Jamal Abdillah dan lagi pula kumpulan muda-mudi inilah yang menjadi sasaran pengedar dadah, bukan kita, orang-orang yang lanjut umur dan bukan juga pegawai-pegawai kanan di RTM.

Pada pendapat saya Kerajaan boleh menggunakan nasib Jamal Abdillah sebagai contoh yang patut diteladani oleh muda-mudi kita. Contoh pertama ialah Jamal Abdillah ini adalah manusia biasa yang tidak tersisih dari kesilapan. Justeru itu, pemujaan terhadapnya adalah di atas bakatnya sahaja, bukan terhadap dirinya secara menggila yang selalu berlaku di kalangan muda-mudi di zaman ini. Contoh kedua ialah Jamal Abdillah telah menjadikan hidupnya yang sedang meningkat dengan menjadi penagih dadah dan beliau sekarang sedang menjalani hukuman perbuatannya yang terkutuk itu. Kedua-dua contoh ini boleh dijadikan modal dengan mempertengahan Jamal Abdillah di media elektronik di dalam bentuk beliau mengutuk penagihan dadah melalui pengakuan diri dan lagu-lagu anti dadah yang

dicipta untuk dinyanyikan oleh beliau. Strategi Jamal Abdillah seorang penyanyi yang dipuja ramai bertaubat secara public akan memberi kesan yang positif kepada masyarakat, khususnya di kalangan muda-mudi yang menjadi sasaran pengedar-pengedar dadah ini. Tidakkah perlu saya huraikan secara terperinci mekanisme, sosial, psikologi yang perlu digunakan dan kesan-kesannya. Cukuplah setakat saya mencadangkan agar polisi yang diarahkan oleh Kabinet ini dikaji semula dan ditarik balik oleh RTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya gerakan anti dadah di negara kita ini meliputi penglibatan masyarakat yang lebih luas dari sekarang, bukan hanya terhad kepada usaha-usaha Kerajaan semata-mata. Kumpulan muda-mudi sebolehnya jangan dijadikan kumpulan sasaran sahaja. Mereka mestilah dibawa ke tengah dan dilibatkan secara aktif di dalam gerakan murni ini. Misalnya, peraduan karangan yang memerlukan penyelidikan yang mendalam mengenai penyalahgunaan dadah harus diadakan di kalangan penuntut-penuntut sekolah menengah, kolej dan universiti. Di dalam pada itu, tulisan-tulisan mengenai dadah dari segala sudut harus diperbanyakkan. Pameran-pameran yang berkenaan dengan penyalahgunaan dadah harus diperbanyakkan dan diperkembangkan, malah saluran-saluran agama juga harus dipergunakan di dalam gerakan ini untuk memastikan kejayaan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya wang dan harta yang dirampas dari pengedar-pengedar dadah melalui perjalanan undang-undang ini digunakan sepenuhnya untuk usaha-usaha pemulihan penagih-penagih dadah. Dengan itu, saya pohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

5.42 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahar Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucah-hakan Harta) 1988.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kertas biru DR 1/88 ini kita dapati bahawasanya tidakan telah pun diambil dan tindakan selanjutnya yang serupa sedang diancam oleh sekumpulan besar orang baik di dalam mahupun di luar Malaysia yang hendak mengelola dan menjalankan pengedaran dadah berbahaya, termasuk pengimportannya ke Malaysia dan pengekspornya dari Malaysia, hendak meluaskan penggantungan kepada dadah berbahaya di kalangan berbagai-bagai golongan rakyat di Malaysia dan dengan demikian menyebabkan bahaya yang tersebar luas kepada kesihatan awam, keselamatan awam, kesejahteraan awam dan kemoralan awam dan hendak memperolehi harta dengan cara pengedaran dadah berbahaya dan hendak menggunakan harta bagi maksud butiran itu.

Daripada apa yang telah saya bacakan, iaitu 3 perkara tadi, ternyata bahawa undang-undang yang ada kini yang meliputi 3 aspek penting, iaitu dalam bentuk hukuman penjara, bentuk sebat dan jua bentuk mati, yakni gantung, kita dapati ianya kurang berkesan ataupun menakutkan. Saya kira daripada apa yang telah dinyatakan itu tadi memperlihatkan kepada kita bahawa wujudnya satu hasrat murni daripada pihak Kerajaan bagi melanjutkan ataupun mengadakan tindakan yang lebih keras supaya mereka yang terlibat dalam soal pengedaran, pemilikan dan seumpamanya terhadap

dadah dikenakan satu kekesanan yang lebih jitu ataupun yang lebih memberikan ketakutan kepada mereka. Ertinya keberkesanan undang-undang kini sememangnya wajar kalau ditambah dengan satu lagi Akta, iaitu perlucah-hakan ataupun harta ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat tentang negara kita sekarang maka ternyata bahawa negara ini diancam oleh satu puak yang tidak bertanggungjawab, oleh satu golongan yang boleh disifatkan sebagai golongan penderhaka, golongan yang mementingkan diri, iaitu golongan pengedar dadah. Tadi telah dinyatakan bahawa bilangan manusia yang mengedar dadah dalam Malaysia ini mengikut angka rasmi iaitu sebanyak 82,000 orang. 82,000 orang ini, itu angka rasmi dan kalau mengikut angka yang dikeluarkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu, seorang yang menghisap dadah maka ada 8 lagi yang ada.

Dr Eng Seng Chai: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, point of order.

Dr Eng Seng Chai: Saya minta Tuan Yang di-Pertua ambil perhatian, tak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha, sila bilang—20. Bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 29 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): 29, teruskan Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 82,000 orang penagih dadah kalau kita

kalikan dengan 8, iaitu lebihkurang 656,000. 656,000 orang merupakan satu angka yang besar kalau kita bandingkan dengan nisbah penduduk negara kita yang sebanyak 15 juta orang. Angka ini adalah merupakan satu angka yang sungguh menakutkan, terutama dalam konteks negara kita yang sedang membangun ini.

Sejarah telah membuktikan bahawa Amerika yang berperang di Vietnam bisa jatuh kerana wujudnya askar-askar yang menghisap dadah, itu daripada golongan-golongan tentera ataupun golongan-golongan yang boleh dianggap sudah berkari dalam hidup mereka. Jadi, kalau dalam konteks negara kita adalah sesuatu yang sangat malang apabila kita melihat lebih daripada 70% penagih-penagih dadah ini adalah terdiri daripada kalangan-kalangan belia yang kebanyakannya tidak mempunyai satu pergantungan hidup yang tetap. Oleh yang demikian, saya mengira kalau kita kaji dan kita lihat dalam konteks angka dan juga dalam konteks kepentingan negara, sewajarnya Rang Undang-undang ini boleh diterima. Dan juga kalau kita kaji dalam bentuk yang lain, iaitu dalam bentuk negara juga, kalau kita buat perbandingan dengan negara Burma misalnya, maka saya kira Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah boleh diterima dan kalau tak diterima pun, boleh dianggap ketinggalan sedikit kerana negara Burma telah pun menggunakan satu Rang Undang-undang di mana Kerajaan Burma berhak untuk merampas harta bagi penghisap-penghisap dadah ataupun pengedar-pengedar dadah. Malah, dinyatakan juga apabila dikenakan satu Rang Undang-undang terhadap pengedar-pengedar dadah di Burma, didapati angka pengedar-pengedar dadah di Burma telah menurun dengan banyaknya dan memberi kesan yang sangat hebat kepada kesejahteraan Burma itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa Undang-undang ataupun Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu Rang Undang-undang yang ternyata adil. Saya melihat keadilan ini dalam konteks manusia yang mengedar itu sendiri. Kita ingin mempersoalkan Democratic Action Party (DAP), apakah adil kalau sekiranya kita membiarkan pengedar-pengedar dadah ini terus melanyak, memusnahkan generasi-generasi muda, terus tidak bertanggungjawab memberikan dadah, meracun fikiran, meracun moral, meracun fizik, meracun tubuh-badan, seluruhnya diracun oleh mereka.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Dr Eng Seng Chai: Apakah dadah yang pihak DAP sudah beri kepada orang ramai? Pendapat-pendapat kita adakah ditolak atau tidak bersesuaian dengan satu sistem politik berparlimen. Adakah itu boleh dikatakan racun atau dadah? Macam itu jika pendapat DAP dikatakan racun, macam itu pihak DAP pun boleh menuduh pendapat Kerajaan sebagai meluluskan Rang Undang-undang yang selalu tidak berapa ambil berat hak-hak asasi rakyat pun boleh dikatakan racun, maka itu mana mungkin kita hendak habiskan pertikaian? Saya harap Yang Berhormat dari Marang akan ambil perhatian bila kita buat hujah-hujah, buatlah hujah-hujah yang munasabah, janganlah tuduh-menuduh dengan sia-sia sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar apa

yang diucapkan, tetapi yang saya maksudkan tadi iaitu Pemangku Ketua Pembangkang (dia sudah cabut lari) ada menyatakan bahawa undang-undang kita ini tidak adil, biarlah adil, biarlah sesuai dan sebagainya, yang saya maksudkan bahawa apakah adil, saya tidak kata dekat DAP.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Duduk dulu. Tidak beri penjelasan, nanti sekejap, lepas ini berilah. Apakah adil kalau sekiranya kita membiarkan pengedar-pengedar dadah ini, seorang pengedar ini dia boleh memusnahkan ribuan, malah jutaan manusia untuk menghisap dadah. Jadi, saya kira kalau sekiranya pihak berkuasa merampas harta pengedar-pengedar dadah itu merupakan satu keadilan yang tidak boleh dipersoalkan dan digugat. Kita tangkap dia, kita ambil dia, kita gantung dia, kita hukum dia, kita sebat dia, memang adil kerana dibelakangnya kita dapat menyelamatkan puluhan manusia. Di manakah letaknya persoalan DAP hendak bela lagi orang yang macam ini? Saya tidak kata DAP hendak racun. Kita bercakap sekarang bukan dalam konteks pengedar, kita sekarang sedang membahaskan satu Rang Undang-undang. Ertinya Rang Undang-undang ini.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Nanti sekejap. Ertinya Rang Undang-undang ini memberi satu keadilan. Keadilan kepada golongan rakyat Malaysia yang terbanyak. Ini saya kira satu yang sangat wajar, satu yang sangat penting, bukan saya maksudkan bahawa DAP ini racun manusia secara

direct, tetapi yang kita bercakap atas nama Akta Rang Undang-undang. Silalah, kalau hendak tanya.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat dari Marang tuduh pihak DAP kata Rang Undang-undang ini tidak adil, sebenarnya kita sudah kata atas prinsip-prinsip Rang Undang-undang ini kita sokong dengan sepenuh-penuhnya, tetapi peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, sebahagian mereka adalah semacam usaha mencabul hak-hak asasi rakyat, hak-hak mempunyai harta, sebagai Yang Berhormat dari Kluang pun sudah sentuh. Saya harap Yang Berhormat dari Marang lain hari bila pihak DAP buat hujah-hujah saya harap dia jangan tidur, dia dengar sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tidur, saya dengar, saya catat semua. Saya bercakap sekarang berasaskan kepada apa yang dicakapkan oleh wakil Pembangkang. Lain kali kalau wakil Pembangkang cakap jangan keluar Dewan, duduk dalam Dewan, dengar betul-betul. Jadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, Timbalan Menteri hendak menegur sedikit.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya memohonlah penjelasan dari Yang Berhormat Petaling Jaya supaya senang saya hendak menjawab esok ataupun petang ini, apakah perkara-perkara Yang Berhormat maksudkan bahawa Rang Undang-undang ini telah mencabul hak asasi, kerana bila kita kata perkataan mencabul hak asasi, secara umumnya sukar untuk saya hendak menjawab. Jadi biar spesifik.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya menjawab. Saya sudah kata, "usaha mencabul hak asasi", iaitu tentang peruntukan Perkara 13 (1) dan 13 (2) dalam Perlembagaan di mana rakyat diberi hak mempunyai harta dan dalam peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang baru ini perlucuthakan harta di mana orang yang disyaki yang baru ditangkap, tetapi belum dibicarakan pun boleh dilucuthakan harta-harta mereka. Inilah satu usaha yang kita tidak setuju. Atas prinsip-prinsip Rang Undang-undang ini kita memang sokong sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, boleh teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi tidak nampak di mana yang dikatakan mencabul itu, sila baca dalam susunan fasal 1-8 ini, mana satu fasal yang dikatakan mencabul hak keadilan manusia ataupun hak keadilan rakyat? Cuba baca, kawan hendak dengar hak mana. Bacalah, tidak mahu baca. Itu ertinya dia serkap jarang sahaja, dia bercakap dengan perasaan, ertinya tidak ada hujah-hujah yang konkrit yang boleh dipertanggungjawabkan. Kalau macam ini budak darjah satu pun boleh bercakap.

Saya juga ingin bertanya adakah kita rampas harta penganak dadah, pemusnah, perosak, penderhaka, pengkhianat, Firaun dan macam-macam cerita, dikatakan mencabul? Kalau itu yang dimaksudkan, adakah setuju dengan pendapat saya Yang Berhormat dari Petaling Jaya iaitu DAP adalah pembela kepada penganak-dadah? Jawablah.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, jika dia beri saya peluang, saya ingat antara fasal-fasal yang dekat

kebelakangan dengan Rang Undang-undang ini adalah peruntukan yang kata, yang mana sudah kena tangkap dan disyaki tetapi sebelum selesaikan kes mereka dalam Mahkamah, tetapi harta mereka boleh dirampas. Saya sekarang hendak cari, tetapi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri boleh nafikan tidak ada peruntukan ini. Jika dia boleh nafikan saya akan bertanggungjawab juga.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi peluang kepada Yang Berhormat semua bercakap, esok akan saya jawab.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jadi, kalau kita melihat dan meneliti sedalam-dalamnya Rang Undang-undang DR 1/88 ini secara lebih jelas dan membacanya secara terperinci, maka ternyata kita dapat menarik satu kesimpulan bahawa Rang Undang-undang ini sebenarnya merupakan satu Rang Undang-undang yang sangat kita sanjung kerana ianya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat dari Marang bersetuju kalau saya mengatakan seseorang yang disyaki itu perlu ditahan hartanya walaupun perbicaraan tidak habis, sebab kalau perbicaraan habis hartanya pun hilang ataupun dipindah ke lain, maka sukarlah untuk kita melucutkan harta itu untuk dipindahkan kepada apa yang diperuntukkan dalam Akta ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya setuju. Tuan Yang di-Pertua, tadi Pemangku Ketua Pembangkang juga

ada menyatakan bahawa seelok-eloknyalah bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas dibentuk untuk mengkaji sebelum Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Saya kira tidak perlulah kita bentuk satu Jawatankuasa Pilihan Khas kerana saya kira semua Ahli-ahli Parlimen diberi peluang untuk berbincang ataupun berbicara tentang masalah ini dan dengan cara itu juga ianya memberi peluang yang sangat luas kepada bukan sebahagian orang sahaja, tetapi tidak kurang daripada 177 orang Ahli Dewan termasuk yang tidak ada di sini untuk mengkaji dengan lebih mendalam, dengan lebih meluas. Ertinya, tanpa adanya Jawatankuasa Pilihan Khas ini, Rang Undang-undang ini dapat diteliti dengan lebih mendalam, dengan lebih luas, dengan lama dengan lebih berkesan.

Saya juga menyetujui Rang Undang-undang ini kerana kita dapati perlucahkan ataupun harta ini adalah bukan sahaja meliputi pengedar itu, tetapi juga orang-orang yang terlibat, yang bersangkutan dengan pengedar itu sendiri. Apabila ini dikaitkan dengan orang-orang yang bersangkutan ataupun mereka yang berkaitan, secara langsung ia memberikan ingatan dan juga memberikan amaran kepada mereka yang terlibat sama ada bekerjasama ataupun berkait rapat dengan pengedar dadah ini supaya mereka merasa bimbang dan takut. Dengan cara ini juga ianya memberikan peringatan awal bahawa jangan ada sesiapa pun yang bekerjasama dengan pengedar-pengedar dadah di negara kita ini sendiri.

Rang Undang-undang ini juga telah membahaskan bukan sahaja mengenai dengan harta yang dimiliki oleh orang yang hartanya berada di Malaysia, tetapi saya kira harta yang berada di

mana sahaja dan ini merupakan satu perkara yang sangat luas dan yang sangat besar maknanya. Kita juga mendapati sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi bahawa hasil yang diperolehi ataupun wang yang diperuntukkan untuk kegiatan dadah ini adalah sangat besar iaitu lebih daripada \$300 juta setahun iaitu kira-kira \$341,449,000 setahun untuk membeli dadah. Ini untuk beli dadah, kalaulah \$341 juta ini kita gandakan dengan lima kali ganda, maka kita dapati bahawa ia telah memakan harta yang banyak iaitu lebih daripada \$1.5 billion. Jadi, menggambarkan kepada kita bahawa kalaulah orang-orang yang menghisap dadah ini ataupun pengedar-pengedar dadah ini boleh membelanjakan harta yang sebanyak itu, maka kita rasa bahawa perolehan harta daripada rampasan harta ini akan bertambah banyak lagi. Dan perlucuthakan harta ataupun pemilikan harta yang boleh Kerajaan miliki itu sudah barang tentulah akan dapat digunakan untuk faedah-faedah yang lain seperti untuk membangunkan pusat-pusat pemulihan ataupun mengadakan tenaga ataupun pakar-pakar dadah yang lebih baik, kerana kita dapati hari ini bahawa soal-soal pemulihan, soal-soal pengelompokan terhadap pusat-pusat pemulihan dadah ini masih dalam proses untuk diperkemas dan juga dibaiki.

Saya juga melihat bahawa kita seharusnya tidak menyentuh tentang Rang Undang-undang Dadah Berbahaya sahaja di dalam soal kita menghapuskan ataupun mengurangkan penghisap dadah, tetapi juga kita perlulah mengadakan satu *modus operandi* kembali, iaitu kita mestilah kaji tentang apakah keberkesanan kepada pusat-pusat pemulihan ataupun apakah kita mempunyai cukup kepakaran, ubat-ubatan dan apakah yang telah kita

lakukan kepada penghisap-penghisap dadah selepas mereka itu diberikan rawatan dan seumpamanya. Saya kira Rang Undang-undang ini adalah sesuatu yang penting, yang baik, tetapi kita juga bersetuju sedikit sebanyak dengan DAP—itu pun kalau kita hendak setuju—bahawa selain daripada kita memperkemaskan Rang Undang-undang untuk dijadikan satu Akta, kita juga perlulah melihat dan meneliti perkara-perkara yang lain supaya kita dapat seragamkan, supaya kita dapat selaraskan dan kita hidupkan dengan secara serentak:

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya membuat kesimpulan di sini iaitu Akta ini jelaslah adalah untuk membolehkan pihak berkuasa bertindak secara lebih berkesan untuk menghapuskan pengedar-pengedar dadah yang ternyata menjadi ancaman kepada kita dan juga sekali gus untuk menyelamatkan generasi kini dan juga memuliakan serta memberi satu bentuk jaminan kepada generasi akan datang supaya bangsa kita, negara kita menjadi satu bangsa yang merdeka, bebas dan terselamat daripada ancaman dadah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.05 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa dadah melanda semua negara di dunia hari ini tanpa tembok-tembok ideologi lagi. Di setengah negara, ianya menimbulkan krisis sosial yang maha dahsyat dan

mengerunkan. Budaya dadah perlu disekat dengan apa cara sekalipun supaya ianya tidak menular dan menenggelami bangsa kita. Bencana dari petaka ini telah disedari oleh semua pemimpin negara, pemimpin masyarakat, pemimpin agama serta penganjur-penganjur sosial. Maka sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini kerana bukan timbul soal keras ataupun ketat, tetapi soal masa depan bangsa sudah barang tentu akan hancur pada masa akan datang.

Rakyat yang cintakan keamanan sewajarnya mengalu-alukan keputusan Kerajaan dalam memerangi masalah dadah ini. Rakyat yang mahu melihat pembangunan kemanusiaan berjalan dengan baik di negara ini perlu bekerjasama dalam segala tindakan keras terhadap pengedar-pengedar dadah. Kita telah sedar bahawa pengusaha-pengusaha, pengedar-pengedar, malah penyalahgunaan dadah ini adalah merupakan sekumpulan manusia yang telah hilang rasa perikemanusiaan, sifat kejujuran, bertanggungjawab, yang semakin menipis apabila semakin jauh mereka ditelan bencana dadah. Kita telah melihat kesan dari penyalahgunaan dadah ini tiada garis tepinya. Kumpulan-kumpulan ini mesti akan terperangkap semakin jauh dengan kerosakan nilai sosial seperti keganasan, seperti yang saya sebutkan dahulu—vandalism, perogolan, homoseks dan pembunuhan.

Suka saya menyebut di sini di dalam laporan sebuah akhbar Newsweek 14 Mac 1988 yang bertajuk "The Drug Crisis", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"According to Peter Reuter of the Rank Corporation Americans now spend between \$15 billion and \$20 billion a year on cocaine, despite the

fact that the wholesale price of a kilo of cocaine has dropped from around \$70,000 to as little as \$10,000 over the past 10 years. Where competition between rival dealers is most intense something close to anarchy can result. Fully 55% of the 800 plus homicides in Los Angeles last year are believed to have been drug related. In Oakland, Calif, Police Chief George Hurt says is like a war zone. Hurt says the violence level is just crazy”.

Inilah bahaya dan ancaman dadah, inilah nilai-nilai yang dapat dikembangkan oleh petaka dadah ini. Bagaimana kita dapat membangunkan bangsa kita sekiranya sebahagian dari anggota masyarakat kita terperangkap dengan gejala-gejala negatif tersebut? Bagaimana kita dapat memperjuangkan falsafah bangsa kita dengan jayanya sekiranya sebahagian bangsa kita terpaksa berperang dengan kumpulan-kumpulan yang rosak dan hanyut ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memerangi masalah dadah ini, saya sukalah menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu peperangan melawan dadah ini samalah dengan peperangan tentera kita melawan komunis. Apabila undang-undang telah diketatkan dan dikeraskan lagi, sudah barang tentu pengedar-pengedar akan bertindak dengan lebih bijaksana menggunakan senjata-senjata yang lebih sofistikated, walaupun ada tindakan-tindakan ataupun undang-undang yang keras dan tegas ini. Kita tahu bahawa dunia sekarang, manusia selagi ianya memberi keuntungan sama ada dari segi wang ringgit dan kebendaan, mereka akan melakukan apa sahaja.

Saya ingin bertanya apakah pihak Polis dan pihak Biro Narkotik Negara dilengkapkan dengan kesempurnaannya senjata-senjata

yang boleh menumpaskan pengedar-pengedar dadah ini, sebab apa yang berlaku kalau dibandingkan dengan Amerika Syarikat, yang sudah hampir lumpuh akibat dadah ini, iaitu di New York baru-baru ini 10,000 anggota Polis telah keluar bagi mengiringi mayat “Officer Edward Byrne” yang telah dibunuh ketika meronda dalam sebuah kereta patrol bagi mengejar pengedar dadah. Oleh itu perkara-perkara seperti ini haruslah diberi perhatian yang berat kerana peperangan menghadapi dadah ini seperti saya katakan peperangan sama dengan menentang komunis di hutan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar bagi kita memerangi kumpulan ini berterusan. Kita perlu bertindak dan segera, dengan serius untuk menggali ke akar umbi petaka ini. Kita bukan sahaja perlu merawatnya dari terus merebak malah kita perlu mencantas puncanya supaya jari-jemari petaka dapat dihapuskan sama sekali. Langkah Kerajaan mengenakan hukuman “mandatory” terhadap pengedar dadah ini mendapat sokongan semua lapisan rakyat yang bencikan dadah.

Saya percaya sekali lagi rakyat memberikan kepercayaan dan sokongan penuh bagi meluluskan Akta ini untuk merampas harta-harta pengusaha, pengedar dadah, semoga dengan langkah ini rakyat semakin yakin tentang penghapusan masalah dadah di negara kita ini.

Kita harus berhati-hati dalam melaksanakan sebarang undang-undang dan Akta yang kita luluskan. Tetapi sepertimana kata seorang wakil dari pihak Pembangkang, memang bimbang dengan soal perampasan harta terutamanya yang mereka disyaki di waktu perbicaraan belum habis, iaitu wakil dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah perkara ini kita biarkan apa akan jadi, kalau di dalam perbicaraan itu, kita

sudah tahu bahawa mereka ini sudahpun terlibat dengan kegiatan pengedar dadah, sebelum hukuman dijatuhkan, mereka mempunyai masa untuk memindahkan harta-harta mereka. Saya kira, jika perkara ini berlaku, maka undang-undang ini tidak berguna lagi. Jadi, kita mesti memberi keyakinan kepada rakyat bahawa usaha Kerajaan bersama rakyat untuk menghapuskan dadah ini tetap akan berhasil.

Kita mestilah mengikis mitos-mitos negatif di kalangan rakyat iaitu masalah dadah tidak boleh terhapus sepertimana kehilangan setengah-setengah pihak iaitu lain-lain masalah musuh negara, sama ada komunis, rasuah, penyelewengan dan pelacuran, sukar kita hapuskan. Oleh kerana mereka sudah dikuasai oleh matos negatif di atas, maka hari ini mereka telah hilang sedikit sebanyak keyakinan untuk berjuang menentang gejala-gejala negatif tersebut di kalangan masyarakat kita. Semoga dengan Akta ini kita dapat memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kesungguhan Kerajaan ini akan dapat menghapuskan masalah dadah. Di samping itu, kita berharap akan menimbulkan kesedaran moral di kalangan rakyat iaitu menyeru kebaikan dan melarang kejahatan. Kesedaran ini akan memudahkan kita memerangi petaka dadah, gejala-gejala negatif yang sudah menyerang dan menjadi penyakit parah kepada masyarakat nasional kita.

Saya sangat bersetuju dengan wakil daripada Kota Setar yang berucap, yang menyebut bahawa bukan sahaja kita memerangi pengedar-pengedar dadah, tetapi soal memberi kesedaran kepada masyarakat.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini program-program yang kita jalankan sama ada melalui

PEMADAM ataupun melalui Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan sesudah belanja kita keluarkan dengan begitu banyak, sejauh manakah kekesanannya dari segi masyarakat kita, kebencian terhadap dadah ini. Kita harus menanam semangat kesedaran di kalangan masyarakat kita, bahawa dadah ini samalah dengan komunis. Seperti kanak-kanak kita sekarang ini bila mendengar kominis mereka merasa jijik, kita harus tanam semangat seperti itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, segala gerakan, kempen hendaklah ke arah itu. Kalau tanya saya, walaupun ada pihak mengatakan keras dan ketat, kalau tanya pandangan saya, malah lebih ketat daripada ini. Kalau saya diberi tanggungjawab untuk menghancurkan pengedar-pengedar dadah ini. Kita ada hukuman "mandatory", kita boleh merampas harta, tetapi yang mengedar tetap mengedar. Apakah masyarakat kita sedar apabila hukuman "Mandatory" itu dijatuhkan kepada pengedar dadah, ada berita ditulis dalam akhbar sedikit sebanyak, di waktu mereka ini dihukum gantung maka selepas padamlah cerita ini. Tidak keterlaluan dan tidak ekstrim pandangan saya, kalau saya mengatakan apabila jatuhnya hukuman "mandatory" kepada pengedar-pengedar dadah ianya harus dihebohkan seluruh negara, dengan sebesar-besarnya.

Saya amat bersetuju kalau mereka yang dihukum gantung "mandatory" ini sebelum dihukum di "death gallow" di mana-mana penjara, haruslah diarak sekurang-kurangnya setengah jam atau satu jam di bandar-bandar ditunjuk kepada rakyat inilah pengedar-pengedar dadah. Ke situ sampainya cadangan-cadangan kita untuk menghapuskan dadah. Saya qualify, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ini, kerana di Amerika Syarikat sebanyak \$15-20 billion dibelanja setiap tahun, untuk menghapuskan dadah ini. Amerika

dan setengah-setengah negara lain hampir musnah sama sekali sekarang ini akibat daripada dadah. Ianya bukan peperangan yang mudah, bukan peperangan yang senang-senang, bukan sahaja melalui Akta, tetapi perjuangan yang memang akan dipertanggungjawabkan oleh semua pihak.

Selain dari kita mengadakan akta-akta yang disediakan, hukuman-hukuman tertentu, kita juga perlu membangunkan kesedaran nasional seperti yang saya sebutkan tadi di kalangan rakyat kita terutama kaum-kaum belia, bagi tujuan pembangunan bangsa.

Pembangunan bangsa hanya boleh dilakukan oleh bangsa kita sendiri dengan izin Tuhan insya Allah, oleh kerana petaka dadah ini mencengkam golongan belia dan perlulah kita mendidik jenerasi ini untuk menuju ke suatu destinasi yang boleh membangunkan bangsa kita. Bagaimanapun kita harus melihat ketempangan falsafah nasional ke arah materialisma yang sewajarnya diperbetulkan dengan memasukkan cita-cita sosial, intelektual dan moral ke dalam falsafah nasional bangsa kita. Budaya hiburan di kalangan belia adalah satu ancaman juga dan bahaya besar kepada masa depan bangsa kita. Budaya hiburan ini sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan masalah dadah di negara kita. Oleh itu Kerajaan perlu menyekat trend yang merugikan ini, yang sedang mengancam belia-belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya sukalah saya menyebut sebagai maklumat kepada rakan-rakan kita dalam Dewan yang mulia ini petikan daripada majalah *Times* bertarikh pada 14hb Mac, 1988, dengan izin:

“The influx of drug dealers has led to an astonishing surge in drug-related violence. In 1985, 17% of

Washington's 148 homicides were connected to narcotics. In 1986, the figure climbed to 33% to 197 murders. Last year's tally: 57% of 228 killings. Police estimate that in the first two months of 1988, 67% city's homicides have been due to the local drug wars”.

Ini yang berlaku di Amerika Syarikat. Tuan Yang di-Pertua, ianya suatu ancaman yang sungguh besar dan maha hebat. Jadi saya tidak nampak kenapa pihak DAP perlu ragu-ragu lagi, soal Akta ini.

Seperti saya katakan yang baik perlu diberi sokongan dan kalau kita merasakan ada perkara-perkara yang perlu kita memberi pandangan, kita memberi pandangan. Itulah asas perbincangan kita sebagai orang-orang intelektual dan matang dalam Dewan yang mulia ini.

Buat mengakhiri, saya ingin menghadihkan tiga rangkap pantun kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagai sahabat saya, walaupun kadang-kadang kita mimpi lain-lain sekali-sekala tetapi atas asas semangat perjuangan bersama, sukalah saya menghadihkan pantun ini.

Musuh negara bermacam-macam,
Dadah, komunis, rasuah,
penyelewengan sudah dicam,
Muka manis ada yang masam,
Keselamatan Negara jadi terancam.

Kasihkan Malaysia negeri yang dicinta,
Pusaka dari datuk nenek kita,
Bersatu semua rakyat jelata,
Biar putih tulang, jangan putih mata.

Jangan kamu menghisap dadah,
Kerja yang tiada memberi faedah,
Kepada jenayah kamu terdedah,
Akhirnya kamu membawa padah.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

6.22 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebut tadi dan juga rakan seperti saya, Parti DAP, Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah dengan jelas sebut pendirian Parti kita di mana kita akan sokong menyokong Rang Undang-undang ini dengan sedikit syarat sahaja.

Saya kesal ada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini salah anggap bahawa Parti DAP adalah satu parti yang tidak bertanggungjawab, yang tidak akan sokong satu rang undang-undang yang atas prinsip dan tujuannya adalah baik untuk masyarakat kita. Tetapi sebagai satu parti Pembangkang, kita memang dalam satu sistem politik demokrasi berparlimen menimbulkan perkara-perkara yang ada berkaitan dengan hak-hak orang rakyat negara kita. Dan jika kita sedar dalam Rang Undang-undang ini dalam peruntukan-peruntukan ini di mana kita dapat teliti antara peruntukan-peruntukan adalah peruntukan yang boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak Polis, pihak-pihak parti pemerintah terhadap musuh politik atau musuh peribadi atau kepada mereka yang adalah lain-lain sebab tidak suka. Itulah hak-hak parti Pembangkang. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Barisan Nasional janganlah buat tuduhan sebagai kita akan racun fikiran dan pendirian rakyat terhadap Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya kita sedar wabak ketagihan dadah dalam negara yang kita cintai ini sudahpun jadi satu

masalah besar. Bertambah dengan itu, kita pun adalah satu negara yang berjiran dengan negara-negara yang mengeluarkan dadah ini, yang mengeksport dadah ini melalui saluran-saluran yang tidak halal. Dan juga parti kita sedar adalah antara rakyat kita yang sekarang dituduh dengan undang-undang, di lain-lain negara seperti Hongkong, Singapura, Amerika Syarikat, Holland (Amsterdam), United Kingdom juga adalah rakyat Malaysia dan memang untuk mengelakkan satu pencemaran imej negara kita, kita patut adakan undang-undang sendiri yang akan memberi satu ajaran (lesson) kepada mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri pun ada berkata kita boleh percaya dalam negara kita hari ini ada lebih kurang antara 50 ribu sampai 500 ribu orang penagih-penagih dadah. Dan jika hakikat ini berleluasa lagi, barangkali kita akan dapat sejuta, dua juta rakyat kita yang akan gunakan dadah atau mengedar dadah. Kita sedar juga apa yang akan jadi. Akibatnya bukan sahaja individu-individu yang akan dapat kesan buruk atas kesihatan sendiri, kesan buruk atas pertalian keluarga sendiri, atas perniagaan

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun hendak apa?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Saya habiskan ayat ini dahulu. Bahawa kesan buruk kepada masyarakat, kepada negara. Kita sedar akibat-akibat jika wabak dadah berleluasa lagi. Baik.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Saya ucapkan tahniah di atas kesedaran Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya di atas masalah pengedaran dadah ini. Tetapi bolehkah Yang Berhormat selaku Wakil DAP yang berucap dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah rancangan-rancangan DAP untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara kita ini berhubung dengan dadah?

Dr Eng Seng Chai: Tunggu kita jadi Kerajaan, kita boleh buat rancangan-rancangan dengan berkesan. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Boleh!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya ucapkan tahniah sekali lagi di atas kesanggupan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah kalau DAP menjadi Kerajaan. Tetapi saya hendak tahu, sama ada pada pilihanraya akan datang Yang Berhormat boleh memberitahu Dewan ini bahawa DAP akan bertanding di semua kawasan termasuk di Ulu Kelantan, di Ulu Terengganu dan sebagainya?

Dr Eng Seng Chai: Walaupun pertanyaan itu tidak berapa berkait dengan hujah saya, tetapi saya akan beritahu, pada satu hari jika keadaan politik adalah sebagai yang kita ada hari ini barangkali pihak DAP ada "chance" jadi pemerintah dengan secepat mungkin. Dan jika kita jadi pihak pemerintah, kita akan bentang

Rang Undang-undang yang lebih baik, saya jamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya. Saya harap Yang Berhormat

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

Dr Eng Seng Chai: Boleh!

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa Kerajaan yang memerintah sekarang ini adil kerana Yang Berhormat percaya, satu hari nanti DAP akan memerintah. Itu menunjukkan bahawa pemerintahan sekarang ini adil dan memerintah secara demokrasi. Terima kasih.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat jawab besok.

Dr Eng Seng Chai: Jawab besok? Terima kasih. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.